

Jilid II
Bil. 10



Hari Isnin
21hb Mac, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Tuan P. Patto [Ruangan 1689]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1689]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Pindaan) [Ruangan 1764]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1987 [Ruangan 1768]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1987 [Ruangan 1772]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Benteng).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terèngganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

Yang Berhormat DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAL *alias* PAUL PANSAL (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG-SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

- Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 21hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN
TIMBALAN
YANG DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI—
KEBENARAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.B. Tuan P. Patto bagi kawasan Ipoh dari 18hb Mac hingga 25hb Mac, 1988 kerana Yang Berhormat berada di dalam tahanan.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KELAS KEMAJUAN
MASYARAKAT

1. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah

Kementeriannya sedar bahawa terdapat disetengah-setengah tempat:

- (i) bangunan kelas-kelas kemajuan masyarakat tidak memuaskan; dan
- (ii) guru pembantu tidak ada.

Adakah Kementerian ini bercadang untuk mengadakan peruntukan untuk bangunan dan menambah guru-guru pembantu memandangkan sambutan kepada kelas-kelas ini memuaskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyedari bahawa terdapat di setengah-setengah tempat bangunan untuk Kelas-kelas Kemajuan Masyarakat tidak memuaskan dan guru pembantu tidak ada.

Bagi mengatasi masalah bangunan Kelas KEMAS yang tidak memuaskan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah dan sedang mengambil langkah untuk mengatasi masalah berkenaan. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan ialah mendirikan bangunan sendiri, mengubahsuai bangunan-bangunan yang diperolehi dari pihak-pihak lain, memperbaiki bangunan yang sedia ada. Walau bagaimanapun program ini tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan kerana peruntukan kewangan yang terhad.

Bagi tahun 1988 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah memperuntukkan \$300,000 untuk projek membina sebuah Pusat Kegiatan KEMAS di Mukim Kampung Gajah, Perak Darul Redzuan dan membina 14 buah Pusat Kegiatan Desa di samping mengubahsuai bangunan-bangunan di bawah peruntukan gotong-royong.

Mengenai ketiadaan guru pembantu, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak bercadang untuk menambah, tetapi sebaliknya Kementerian ini akan terus mengurangkan jumlahnya dari tahun ke tahun.

Jawatan guru pembantu dijangka akan dihapuskan pada tahun 1995 setelah semua penyandanganya menjalani kursus tambahan selama 6 bulan dan dinaikkan taraf kepada Pemaju Masyarakat.

Program membantu kelas dipertanggungjawabkan kepada masyarakat. Program integrasi aktiviti KEMAS dengan masyarakat ini bertujuan untuk melibatkan serta hubungan antara agensi Kerajaan dan rakyat.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semua orang memuji usaha KEMAS mendidik anak-anak kita dari kecil dalam kelas yang dinamakan TADIKA oleh KEMAS, tetapi usaha ini nampaknya seperti tidak bersungguh-sungguh dan tidak ada sistem dan sukatan yang memuaskan. Soalan saya adakah Kementerian bercadang hendak menyusun semula dan memperkemaskan TADIKA yang di bawah kelolaan KEMAS terutama mengenai penyeliaan dan pengawasannya. Terima kasih.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas teguran daripada Yang

Berhormat. Sebenarnya, dalam proses kami menjalankan kelas Bimbingan Kanak-kanak ini sentiasa ada perubahan daripada masa ke satu masa. Sekiranya masih terdapat kekurangan dari segi penyeliaan, Kementerian akan sedia mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) berbanding dengan TASKI kerana ini ada sedikit masalah di kawasan saya. TASKI ini dengan cara-cara tertentu, unsur-unsur mempengaruhi dan menarik lebih ramai anak-anak untuk mengikuti Kelas TASKI dengan alasan pengajaran agamanya lebih, pendidikannya lebih.

Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang dapat diatasi oleh pihak KEMAS untuk menarik balik murid-murid daripada TASKI yang difahamkan disalah didik, dihasut oleh tenaga-tenaga pengajar kepada anak-anak itu supaya anak-anak kita selamat di masa hadapan.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, pilihan untuk menghantar anak-anak ke TADIKA ataupun ke TASKI adalah terletak kepada ibu bapa sendiri. Jadi sekiranya mereka telah pun dimasukkan ke TASKI, maka kita tidak ada hasrat untuk mempengaruhi mereka untuk masuk ke Taman Bimbingan Kanak-kanak. Tetapi pada fahaman Kementerian di peringkat TADIKA apa yang diajar oleh Kementerian ialah sekadar intraksi antara kanak-kanak sebelum mereka masuk ke alam sekolah yang sebenarnya.

UBAT CAP KAKI TIGA— PENGHARAMAN

2. **Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengharamkan penggunaan Ubat

Cap Kaki Tiga (Three Legged Brand) dan Chap Langkau (home-made wine) memandangkan banyak kematian di rumah panjang di Sarawak adalah akibat penggunaan ubat tersebut dan daripada minum "Chap Langkau".

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak ada menerima sebarang laporan atau bukti mengenai sebarang kematian yang disebabkan daripada penggunaan "Ubat Cap Kaki Tiga" atau minuman "Chap Langkau". Siasatan dan analisa ke atas "Ubat Cap Kaki Tiga" telah menunjukkan ianya mengandungi analgesic biasa tanpa apa-apa kandungan racun berjadual ataupun bahan-bahan merbahaya. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk mengharamkan penggunaan dan penjualan ubat ini.

Kementerian Kesihatan telah pun juga mengambil contoh dan menganalisa minuman yang dipanggil sebagai Chap Langkau di Sarawak. Minuman keras ini adalah dibuat dan dijual secara haram. Jadi, soal mengharamkannya tidaklah timbul. Walau bagaimanapun, contoh-contoh yang diambil itu tidak mengandungi apa-apa racun.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada beberapa jenis minuman keras yang telah pun diharamkan tetapi masih sedang dipasarkan di dalam beberapa kawasan pedalaman di dalam Semenanjung Malaysia dan saya ingin mendapat tahu sebagaimana dan bagaimana kita akan mencegah pasaran minuman keras tersebut dan apakah tindakan yang sedang diambil ataupun akan diambil di atas pihak yang sedang dipasarkan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, perkara pengharaman samsu haram atau minuman keras haram itu adalah di bawah bidangkuasa

pengawalan Jabatan Kastam Di-Raja, Polis dan sebagainya, bukan di bawah Kementerian Kesihatan. Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat dapatlah melaporkan kejadian seperti itu kepada pihak-pihak yang berkenaan.

JALAN UTAMA KUCHING/ SIBU—PENURAPAN TAR

3. Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah tender untuk membaiki dan menurap jalan utama Kuching/Sibu dari Simpang Batu Lintang sampai ke Simpang Betong dapat ditawarkan kepada kontraktor memandangkan keadaan buruk jalan raya tersebut sekarang.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya nyatakan bahawa tender-tender bagi kerja-kerja mengetarkan jalan dari Simpang Batu Lintang ke Simpang Betong telah pun dipanggil. Jalan dari Simpang Batu Lintang ke Simpang Betong telah dibahagikan kepada dua package iaitu satu dari Simpang Batu Lintang ke Simpang Lubuk Antu dan satu lagi dari Simpang Lubuk Antu/ke Simpang Betong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua package ini sedang dalam pertimbangan Lembaga Tawaran Persekutuan.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya tentu sedia maklum iaitu tender untuk membaiki dan menurap jalan raya utama ini dari Simpang Batu Lintang sampai ke Simpang Lubuk Antu sepanjang 21 kilometer telah ditawarkan kepada kontraktor yang rendah sekali dalam pertengahan tahun 1987 iaitu selepas tempoh enam bulan yang dikira sah dan ditolak oleh kontraktor dan hujung tahun 1987 telah ditender lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, soalnya apa?

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar iaitu apabila Lembaga Tawaran tidak menimbang tender tersebut sebelum 14hb April, 1988 ini maknanya kerja untuk membaiki dan menurap jalan raya tersebut akan diretender yang kedua kali kerana tempoh yang sah telah lepas, adakah ini benar?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu menggesa Lembaga Tawaran supaya mahu memberi timbangan kepada tender yang kedua rendah, second lowest tender, dengan izin sekiranya estimated cost, dengan izin, lagi di bawa apa yang diberi Anggaran Perbelanjaan oleh Kementerian Kerjaraya supaya mengelakkan keadaan iaitu kalau tawaran tidak dibuat sebelum 14hb April, 1988 ini dan tender yang kedua rendah tidak dibuat, tentu orang-orang di luar bandar tidak dapat melihat dan merasa memakai jalan raya ini yang sesuai dalam tempoh dua tahun iaitu tahun 1987 dan tahun 1988 ini nanti, sungguhpun Dewan yang mulia ini telah meluluskan perbelanjaan dalam hujung 1986.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, jangan buat ucapan.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: dan hujung 1987 untuk maksud tersebut—sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua—dan juga meluluskan dalam hujung 1987 untuk membaiki dan menurap jalan raya utama dari Simpang Lubuk Antu sampai ke Simpang Betong, panjangnya 20 kilometer dalam tahun 1988 ini, di mana tender pun sedang dipertimbangkan mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya pun tidak tahu apakah soalnya. (*Ketawa*) Tetapi cuba kalau boleh.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tender bagi bahagian dari Simpang Batu Lintang ke Simpang Lubuk Antu baru sahaja ditutup iaitu pada 16hb November, 1987 dan telah pun dihantar ke Lembaga Tawaran Persekutuan pada 15hb Disember, 1987. Jadi, saya tidak tahu bagaimana Ahli Yang Berhormat dapat maklumat tentang tender yang terendah yang telah tidak menerima tawaran, sedangkan tender ini belum lagi diputuskan oleh Lembaga Tawaran Persekutuan. Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat akan dapat bersabar dan kita harap tidak berapa lama lagi tender ini akan ditawarkan kepada yang berjaya.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Kerjaraya untuk menyatakan bilangan kontrak membina jalan dan juga membina jambatan di Sarawak yang telah diberikan kepada syarikat daripada India dan rasional untuk memberi tender ataupun kontrak kepada syarikat daripada India ialah kerana imbalan perdagangan di antara India dan Malaysia, maka saya ingin tahu sama ada Timbalan Menteri ataupun Kementerian bercadang supaya syarikat tempatan juga diberi kontrak untuk membina jambatan dan juga jalan raya di Sarawak dan bukan sahaja memperkenalkan Sarawak sebagai negeri yang dimana pekerjaan di negeri itu diberi kepada syarikat daripada India? Kalau Kementerian mempunyai cadangan, saya ingin tahu bagaimana jaminan yang dapat diberi oleh Kementerian oleh kerana sungutan yang begitu hebat daripada para kontraktor tempatan yang mempunyai kebolehan juga dalam pembinaan jambatan dan jalan raya.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini terkeluar daripada soalan asal tetapi inginlah saya memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dua buah jambatan yang akan diberi atau yang akan ditawarkan kepada kontraktor daripada India adalah hasil daripada perundingan di mana kita terpaksa mewujudkan satu kerja yang dipanggil counter-trade dengan pihak Kerajaan India disebabkan tidak seimbangny hubungan perniagaan di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan India.

Perkara ini telah kita bincangkan dan telah membuat keputusan supaya seperti yang terdapat juga di Sabah, negeri Sarawak dan juga Semenanjung Malaysia telah dikesan beberapa projek yang akan diserahkan kepada Kerajaan India untuk dilaksanakan dalam rancangan counter-trade.

Walaupun kerja-kerja ini diberikan kepada kontraktor daripada India, namun kita juga mensyaratkan supaya kontraktor daripada India itu mempunyai pasangan daripada Malaysia iaitu joint-venture atau local participation, dengan izin, daripada kontraktor-kontraktor terdiri daripada rakyat Malaysia.

Untuk negeri Sarawak memang dalam setahun kita ada memperuntukkan banyak projek yang ditawarkan khususnya untuk bukan sahaja bumiputera tetapi juga untuk rakyat Malaysia sama ada di Sarawak mahupun di seluruh negara.

Jadi saya harap penjelasan ini akan memberi gambaran kepada Ahli Yang Berhormat dari Sarawak bahawa kita memberi keutamaan dan peluang kepada rakyat Malaysia khususnya bumiputera yang berkemampuan dan berkebolehan untuk menjalankan kontrak-kontrak pembinaan jalan raya mahupun jambatan di negara ini.

KAD PENGENALAN PALSU

4. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah Kad-kad Pengenalan palsu yang dijual kepada orang-orang asing/pendatang-pendatang haram yang dikesan setakat ini; jumlah orang-orang yang didakwa dalam mahkamah berkaitan dengan perkara ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengesan baki orang-orang pendatang-pendatang haram yang menggunakan Kad-kad Pengenalan Palsu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini sejumlah 750 keping Kad Pengenalan palsu telah dikesan, manakala seramai 8 orang telah didakwa di mahkamah atas kesalahan-kesalahan yang bersangkutan paut dengan masalah ini.

Jabatan Pendaftaran Negara dengan kerjasama pihak Polis dan Jabatan Imigresen sentiasa mengambil tindakan ke atas sesiapa sahaja yang menggunakan Kad-kad Pengenalan palsu juga pihak-pihak yang mengeluarkan dan menguruskan Kad-kad Pengenalan palsu tersebut.

Selain daripada 8 orang yang telah didakwa di mahkamah Kementerian Dalam Negeri juga telah bertindak di bawah undang-undang yang ada iaitu menahan dua pegawai Imigresen dan 5 orang awam di bawah ISA dan 2 orang awam telah dibuang daerah kerana disyaki mengeluarkan, menolong dan membantu untuk mendapatkan Kad-kad Pengenalan palsu.

Kepada orang-orang asing dan pendatang-pendatang haram yang menggunakan Kad Pengenalan palsu dan jika ditangkap akan dihantar balik ke negeri asal mereka.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam

siyasatan yang telah dijalankan oleh Jabatan Pendaftaran dan pihak Polis sama ada pihak berkuasa dapat mengesan apa-apa sindiket yang membantu mengeluarkan Kad Pengenalan palsu ini dan sekiranya ada, maka sama ada tindakan telah diambil untuk menghapuskan sindiket yang berkenaan.

Soalan yang kedua ialah dalam langkah untuk memperketatkan lagi aspek keselamatan dalam pengeluaran Kad Pengenalan, saya ingin mendapat tahu apakah tindakan dan bilakah satu jenis kad dalam rupa baru ini dapat diperkenalkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Dalam Negeri hanya baru dapat menangkap pembantu-pembantu yang mengeluarkan Kad-kad Pengenalan palsu ini. Dari pembantu-pembantu ini soal siasat akan dibuat sehingga kita berharap mendapat menangkap sindiket-sindiket yang menjalankan pengeluaran Kad-kad Pengenalan palsu ini.

Bagi soalan yang kedua, satu jenis Kad Pengenalan jenis baru yang keselamatannya terjamin dari segi penipuan dan sebagainya sedang rancak dirangka oleh Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan tetapi oleh kerana masalah-masalah teknikal yang masih lagi tidak diselesaikan maka projek ini tidak dapat dijalankan secepat yang mungkin tetapi pihak Kementerian Dalam Negeri akan berusaha agar projek ini dapat dijalankan pada tahun ini juga.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah pemegang Kad Pengenalan palsu yang telah dikesan setakat ini yang telah mendaftar sebagai pengundi di negeri Sabah? Sekiranya jumlah tersebut belum

diperolehi apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri untuk mengesan jumlah yang sebenar?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kementerian Dalam Negeri tidak dapat mengesan atau tidak pernah mengesan mana-mana pihak yang menggunakan kad palsu sebagai pendaftar pengundi. Jikalau sekiranya Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti yang nyata sebagai rakyat yang bertanggungjawab, haraplah beri butir-butir ini kepada pihak yang berkuasa supaya tindakan-tindakan dapat kita ambil dengan segera.

WANG KERTAS PALSU

5. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar wang Malaysia yang palsu telah diedarkan serta digunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Ini telah mendatangkan masalah yang serius serta merugikan pihak yang memperolehi wang palsu itu tanpa sengaja atau disedari. Apakah langkah dan tindakan Kerajaan untuk membanteras kegiatan mencetak wang palsu itu. Adakah Bank Negara mempunyai maklumat berapakah jumlah nilai wang palsu yang ada di Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan memang sedar tentang wujudnya pengedaran dan penggunaan wang kertas palsu oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab di negara kita ini. Dengan itu, pihak Bank Negara Malaysia dari masa ke semasa mengambil tindakan sewajarnya untuk membanteras kegiatan tersebut. Bagi menyedarkan orang ramai mengenai wang kertas palsu itu, Bank Negara dari masa ke semasa menyiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan mengenai ciri-ciri yang terdapat pada wang kertas

palsu. Di samping itu pihak Bank Negara juga bercadang untuk menyiarkan melalui televisyen mengenai ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada wang kertas kita, supaya mereka menyedari dan berhati-hati mengenai wang kertas palsu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membanteras kegiatan mencetak wang kertas palsu pula, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan ciri-ciri keselamatan tambahan pada wang kertas kita supaya kerja-kerja pemalsuan ke atasnya akan menjadi lebih sulit dan sukar untuk dibuat serupa dengan wang kertas yang sah. Di samping itu pihak polis juga akan sentiasa berwaspada dan mengawasi kegiatan-kegiatan pemalsuan.

Jumlah wang kertas palsu yang dijumpai dalam edaran sehingga ini hanyalah sebanyak 0.025% sahaja daripada jumlah wang kertas dalam edaran dan ia tidak menjadi satu ancaman atau krisis ke atas kedudukan matawang negara kita ini.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya terdapat wang palsu yang 100% serupa dengan wang asal tetapi wang palsu juga kerana mungkin ada sindiket yang boleh membuat macam ini—kata-lah 95% serupa, macam mana pihak Kementerian hendak menyelidiki, mendapat tahu sama ada ini wang palsu atau tidak kerana mungkin yang diperolehi setakat ini adalah wang palsu yang mungkin 50% hampir sama tetapi 95% dan ke atas mungkin dianggap sama dengan wang asli yang dibuat oleh pihak Kerajaan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi jikalau kita jumpa wang kertas yang 100% serupa dengan yang sah kita ini, ini hanyalah satu hipotesis sahaja. Jadi tidaklah keadaan ini akan wujud. Jadi saya yakinlah jikalau wang kertas palsu itu ada 1% atau 2% sahaja yang tidak

serupa dengan wang kertas yang sah kita ini pihak yang tertentu akan dapat diberitahu keadaan ini.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini berapakah kes pemalsuan wang ringgit Malaysia di dalam negara kita dan di luar negara telah dikesan ataupun dapat ditangkap.

Soalan, kita ketahui bahawa rekabentuk cetakan wang ringgit kita banyak kali telah diubahsuai, adakah dengan cara penukaran rekabentuk cetakan ini dapat mengurangkan ataupun memberhentikan kegiatan mencetak wang palsu itu.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan tidak dapat memberitahu berapa kes yang telah dikesan oleh pihak Polis tetapi di sini saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam masa dua tahun yang lalu sejumlah 116 orang yang terlibat dengan kesalahan mencetak dan mengedarkan wang kertas palsu dan mereka ini kesemuanya telah didakwa dan dihukum dengan setimpal.

Sebagai maklumat yang selanjutnya, jumlah wang kertas palsu yang dijumpai dalam tahun 1986 dan 1987 adalah sebanyak 13,666 keping yang terdiri daripada bermacam-macam jenis nilai muka.

Bahagian soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa dengan penukaran corak matawang kita itu telah sedikit sebanyak menolong pihak Kerajaan membanteras aktiviti cetakan wang palsu ini. Terima kasih.

PRESTASI KBSR/KBSM

6. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pendidikan menyatakan prestasi dan kemajuan murid-murid sistem KBSR jika dibandingkan

Mengenai UPSR keseluruhannya juga meningkat. Pukul rata 18% dan lebih daripada itu tetapi keterangan terperinci akan saya, insya Allah, kirimkan kemudian.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, apakah masalah-masalah utama yang dijangka akan dihadapi oleh Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan KBSM sepenuhnya nanti dan apakah langkah-langkah pencegahan untuk mengelakkan ataupun mengatasi masalah yang dijangkakan itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pendekatan KBSM keseluruhannya itu menekankan pendekatan secara integrasi maka masalah yang kita jangkakan akan dihadapi adalah pemahaman atau kefahaman guru-guru yang terlatih sama ada mengikut sukatan lama ataupun sekarang di maktab-maktab perguruan. Ini cuba kita atasi melalui kursus penyesuaian untuk guru-guru lama yang sudah pun dimulakan sejak tahun lalu dan pendekatan secara sepadu ini dalam kursus maktab perguruan sekarang. Namun harus kita maklumi mutu pendidikan pada keseluruhannya itu perlu ditingkatkan sama ada Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris ataupun matapelajaran lainnya.

Oleh yang demikian, ukuran yang akan digunakan juga akan berbeza kerana dalam KBSM kita menekankan soal peluang pendidikan dan juga mutu pendidikan.

Dr Goh Cheng Teik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa dalam tempoh 30 tahun selepas merdeka ini, Jabatan Pendidikan telah membuat banyak eksperimen dengan sukatan pelajaran dan sistem pengajaran dan

sebagainya di sekolah-sekolah di Malaysia dan sama ada beliau sedar bahawa ada terdapat ibubapa yang berasa bimbang akan anak-anak mereka menjadi "guinea-pig" dalam tangan pakar-pakar dan cerdik-cerdik pandai Jabatan Pendidikan. Dan saya hendak bertanya sama ada Kementerian Pendidikan sudah mencapai satu masa yang mana sistem pendidikan itu dapat distabilkan dan dikekalkan?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, elok saya jelaskan bahawa tidak ada sistem pendidikan di dunia ini stabil. Sistem pendidikan harus dinamik mengikut perkembangan ilmu pengetahuan dan tahap pencapaian dan penguasaan ilmu di kalangan masyarakat.

Walau bagaimanapun saya cenderung untuk bersetuju dengan Yang Berhormat sekiranya yang dimaksudkan itu agar dikurangkan ujian dan perubahan yang mendadak dan diperkenalkan secara gopoh-gapah yang boleh menimbulkan kekeliruan dan kebimbangan di kalangan ibubapa dan pelajar-pelajar. Ini insya Allah tidak dilakukan, kerana dalam setiap pendekatan baru dan penyesuaian dasar yang dilakukan, kita cuba melibatkan jumlah pakar yang lebih sama ada dari universiti-universiti tempatan di kalangan golongan profesional dan juga input dari guru-guru yang cukup terlatih dan berpengalaman serta PIBG.

Sekiranya ini dilakukan seperti mana keputusan kita menangguhkan pelaksanaan KBSM, ini tentunya mengambil kira kebimbangan yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebab itulah soal eksperimen terhadap pelajar-pelajar ini tidak dilakukan selain daripada mengutip maklumat dan kemudian mengambil langkah-langkah yang wajar dalam bentuk latihan, penyediaan kemudahan dan latihan guru yang lebih baik dari masa ke semasa.

dengan sistem lama. Adakah Kerajaan bersetuju kelewatan pelaksanaan sistem KBSM akan melemahkan keberkesanan sistem KBSR itu sendiri terutama kegagalan murid-murid KBSR yang ada untuk melanjutkan pelajaran KBSRnya kepada sistem KBSM. Bilakah sistem KBSM akan dilancarkan.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, dari pengesanan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan yang secara kebetulannya selari dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Universiti Sains Malaysia adalah didapati prestasi murid-murid KBSR adalah lebih tinggi daripada murid-murid Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) dalam semua matapelajaran.

Kementerian tidak berpendapat bahawa penangguhan pelaksanaan sebahagian daripada KBSM akan menjejaskan pelajaran murid-murid berkenaan.

Walau kumpulan pertama murid-murid KBSM dari 305 buah sekolah percubaan tidak mengikuti keseluruhan program KBSM dalam Tingkatan I atau Tingkatan Peralihan pada tahun 1988, murid-murid ini telah dibekalkan dengan kemahiran asas yang kukuh untuk mengikuti matapelajaran selain daripada Bahasa Malaysia dan Inggeris dalam KLSM.

Guru-guru yang mengendalikan murid-murid ini telah diberi kursus penyesuaian bagi memastikan kepentingan murid-murid tersebut tidak terjejas. KBSM akan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 1989.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan daripada pengesanan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan, didapati

prestasi murid-murid KBSR adalah lebih tinggi daripada prestasi KLSR dalam semua matapelajaran. Soalan saya bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan dengan lanjut, terutama perbandingannya tentang pencapaian murid-murid tahun lima KBSR adalah lebih tinggi daripada KLSR dalam beberapa matapelajaran yang utama, terutama Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan Matematik.

Soalan kedua juga minta menyatakan prestasi murid-murid KBSR tahun 1987 dalam ujian pencapaian sekolah rendah UPSR yang dilaksanakan pertama kali untuk tahun yang keenam.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk beberapa matapelajaran itu boleh saya jawab sekarang, yang lain saya pohon notis.

Dari maklumat yang kita perolehi, prestasi memang meningkat, umpamanya, matapelajaran Bahasa Malaysia. Keseluruhannya untuk Sekolah Kebangsaan meningkat lebih dari 10%. Matapelajaran membaca, KBSR 94.6% berbanding dengan 87.8% dalam KLSR.

Peningkatan ini adalah bagi semua jenis sekolah termasuk SRJK (C) dan SRJK (T). Untuk bahasa Inggeris, walaupun peningkatan keseluruhannya tidak begitu menggalakkan, namun jika dibandingkan Sekolah Kebangsaan dalam KLSR 29.8% sahaja yang menguasai mengikut sukatan yang ditetapkan dalam KBSR 49%. Dalam matapelajaran Matematik, terdapat juga peningkatan walaupun perbandingannya dikira agak kurang tepat memandangkan kurikulum yang diperkenalkan itu agak berbeza. Namun kalau kita ambil Sekolah Kebangsaan, SRJK (C) dan SRJK (T), nyatalah perbezaan itu lebih dari 10%-15%.

Saya juga tidak mahu menafikan bahawa ada kelemahan-kelemahan kerana dalam beberapa perkara tertentu latihannya mungkin harus kita perbaiki dan kemudahan-kemudahan juga tidak semuanya sama rata di negara kita.

Tuan Mohammad Yussof bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan dikemukakan, ada sedikit pembedaan. Soalan (a) di akhir soalan (a) ditulis "projek diusaha", sebenarnya "projek desa usaha".

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 7.

PROJEK INDUSTRI KECIL— BANTUAN

7. **Tuan Mohammad Yussof bin Haji Abdul Latiff** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan projek-projek industri kecil luar bandar dan projek desa usaha; dan
- (b) tidakkah kementerian berkenaan merancang untuk membesarkan bantuan kepada pengusaha-pengusaha yang telah berjaya sebagai galakan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, sambutan yang diterima daripada masyarakat luar bandar terhadap projek-projek industri kecil adalah menggalakkan. Sehingga akhir tahun 1987 sebanyak 1,683 buah projek telah mendapat bantuan di bawah program Industri Kampung. Daripada maklum balas yang diterima di dapati 80% daripada projek-projek yang telah diusahakan yang mendapat bantuan beroleh kejayaan seperti berikut:

- (1) pengeluaran atau kuantiti bertambah;

- (2) mutu barangan meningkat;
- (3) pasaran bagi barangan mereka juga meningkat;
- (4) pendapatan pengusaha bertambah;
- (5) pengusaha telah menggunakan mesin dan bengkel yang diberi secara berterusan;

(b) Bagi pengusaha-pengusaha yang berjaya, mereka adalah digalakkan supaya memperbesarkan perusahaan dengan cara melaksanakannya secara berkelompok. Melalui cara ini bantuan yang lebih besar dapat diberikan kepada pengusaha yang berkenaan. Dalam masa yang sama pengusaha-pengusaha yang berjaya juga digalakkan berdikari. Mereka digalakkan menggunakan modal sendiri bagi memperbesarkan lagi perusahaan mereka.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah takrif yang digunakan oleh Kementerian sebagai industri kecil dari segi modal dan apakah perbezaannya jika dibandingkan dengan industri ringan dan apakah kelayakan seseorang untuk mendapat bantuan bagi projek industri kecil?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini bahawa projek-projek industri kecil luar bandar, kita istilahkan sebagai projek industri kampung. Tetapi di Kementerian juga kita ada bahagian industri kecil yang mana ia melibatkan industri-industri yang modalnya berjumlah bawah daripada \$250,000. Tetapi soalan yang telah dikemukakan ini meminta Kementerian hanya menerangkan berkenaan dengan industri kampung iaitu satu projek yang dikelolakan oleh Kementerian bagi memberi bantuan kepada mereka yang tinggal di kawasan luar bandar untuk melaksanakan industri-industri kecil yang menggunakan bahan-bahan tempatan seperti kayu, rotan, buluh

dan sebagainya dalam usaha kita untuk mempertingkatkan lagi perusahaan kraftangan dan juga industri makanan yang kecil yang diusahakan di luar bandar di negara kita ini.

KOPERASI PENGAMBIL DEPOSIT—BAYARAN KEPADA PINJAMAN

8. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kemajuan yang telah dibuat oleh Bank Negara dalam usahanya untuk mendapatkan balik pinjaman yang diambil oleh peminjam-peminjam Koperasi Pengambil Deposit dan sehingga sekarang berapa banyak pinjaman yang masih belum dibayar dalam koperasi-koperasi yang terlibat berbanding dengan amaun yang dipinjam daripada koperasi-koperasi tersebut apabila ia dibekukan dalam tahun 1986. Bagi mereka yang gagal membayar balik pinjaman, adakah Bank Negara akan memberi jaminan bahawa siasatan akan dipercepatkan untuk mendakwa mereka.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, pada akhir bulan Januari 1988, pinjaman yang telah dibayar balik oleh peminjam-peminjam 23 buah Koperasi Pengambil Deposit adalah berjumlah \$109 juta. Sementara jumlah pinjaman yang belum dibayar balik pada tarikh yang sama ialah \$394.3 juta termasuk faedah yang belum dibayar balik. Bagi mereka yang gagal atau belum membayar balik pinjaman masing-masing, Bank Negara bersama-sama dengan pihak penerima telah dan akan terus menumpukan segala usaha dan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka. Bagi pinjaman-pinjaman di mana terdapat penyelewengan dan penipuan, tindakan telah dan akan dijalankan dengan kerjasama pihak berkuasa polis untuk mendakwa mereka yang terlibat.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Koperasi BPK (Bank Pusat Koperasi) di mana kita sudah diberitahu kehilangan, kerugian raksasa sebanyak \$334 juta dalam akaun-akaun tahun 1986. Adalah juga disebut sekurang-kurangnya 117 orang kenamaan orang politik yang berhutang wang lapuk sebanyak \$741 juta. Apakah usaha-usaha mengambil tindakan mahkamah dapat memulangkan wang ini kepada Koperasi BPK dan selepas laporan polis dibuat, mengapa sampai setakat hari ini kita tidak dapat tahu apakah keputusan yang sudah dibuat oleh pihak-pihak berkuasa termasuk Bank Negara.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan tambahan ini adalah berkaitan dengan koperasi tetapi nampaknya masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah masalah yang spesifik, saya tidak mempunyai maklumat yang terperinci mengenai masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Jikalau Ahli Yang Berhormat berminat untuk mengetahui dengan lebih mendalam kes yang disebutkan itu. . . .

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya, minta duduk!

Dr Eng Seng Chai: Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk!

Tuan Loke Yuen Yow: . . . Saya bagi pihak Menteri Kewangan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, Yang Berhormat!

Dr Eng Seng Chai: Kita sudah tunggu lama atas perkara ini dan saya minta satu penjelasan lebih mendalam dan teliti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat . . . saya beri amaran Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau saya bercakap, Yang Berhormat diam dan duduk!

Dr Eng Seng Chai: Dia tidak jawab dengan tepat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk!

Dr Eng Seng Chai: Sudah dua tahun kita tunggu jawapan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Satu perkataan lagi Yang Berhormat.

METER ELEKTRIK KE RUMAH BARU

9. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Lembaga Letrik Negara bagi memenuhi bekalan yang banyak dikehendaki oleh pemaju-pemaju perumahan yang berkehendakkan meter-meter letrik untuk dipasang ke rumah-rumah yang telah siap tetapi tergendala disebabkan meter tersebut di atas tidak ada di dalam simpanan LLN.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bahawa meter tidak ada dalam simpanan LLN adalah tidak tepat. Walau bagaimanapun, memang ada pada penghujung tahun 1986 dan awal 1987, LLN telah menghadapi

kekurangan meter tetapi kekurangan ini bukanlah semata-mata berpunca daripada kecuaiannya LLN kerana ada di antara pemaju-pemaju telah tidak memberitahu kepada LLN di atas keperluan mereka awal-awal lagi. Mereka memberitahu LLN di peringkat terakhir dan ini menyebabkan kekurangan barang berkenaan. Ada pula kalanya pemaju-pemaju telah menyiapkan bangunan-bangunan tetapi menyediakan sub-station-sub-station elektrik dan ini telah menyebabkan kengendalian membekal elektrik ke kawasan-kawasan perumahan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak LLN telah mengeluarkan tawaran pada tahun 1987 untuk membeli 200,000 unit meter. Dengan adanya tindakan sedemikian, situasi kekurangan meter dijangka dapat diatasi menjelang bulan Mei tahun ini. Sungguhpun demikian, pihak LLN di mana perlu telahpun membekalkan elektrik kepada pengguna-pengguna tanpa pemasangan meter.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan bahawa salah satu sebab kegagalan pemaju-pemaju untuk mendapatkan bekalan meter elektrik ini oleh kerana pemaju-pemaju tidak memaklumkan kepada pihak LLN terlebih dahulu. Tetapi saya difahamkan bahawa selalunya apabila kelulusan diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri terhadap pemaju untuk memajukan tanah-tanah tersebut selalunya satu salinan kelulusan diberikan kepada LLN yang menyatakan jumlah unit yang akan didirikan dan sebagainya. Jadi saya tidak nampak mengapakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan pemaju gagal memberitahu pihak LLN sedangkan salinan surat daripada Kerajaan Negeri telah pun diberi awal lagi.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, sistem yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu hanya dilaksanakan pada akhir tahun 1987. Sebelum itu banyak negeri-negeri tidak memberitahu LLN berkenaan kemajuan dan inilah menyebabkan pihak LLN tidak ada maklumat berkenaan kemajuan perumahan di tempat-tempat tersebut.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sebenarnya yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu kekurangan ini memang telah diberitahu. Di kawasan saya sendiri juga timbul persoalan ini iaitu perumahan di Kampung Seri Sentosa yang telahpun siap sejak bulan Oktober tahun lalu. Pihak pemaju perumahan tidak dapat hendak memasukkan penghuni-penghuni disebabkan meter-meter ini tidak ada, dan saya pun ada menghubungi pihak LLN, akhir-akhirnya barulah pihak LLN mendapatkan meter-meter ini melalui Indonesia. Itu soalan pertama.

Yang kedua, oleh kerana dalam negara kita ini adalah negara yang sedang pesat membangun, kita memerlukan meter-meter begitu banyak. Tidakkah ada pihak Kementerian ini berunding dengan pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya ianya diadakan kilang untuk membuat meter di dalam negara kita ini sendiri, tidak sebagaimana sekarang ini susah untuk mendapatkan order daripada luar negeri kadangkala mereka pun tidak cukup stok untuk menghantar ke negara kita.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, memang ada keadaan yang berlaku seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai. Tetapi masalah ini sedang diatasi oleh pihak LLN menerusi tawaran pada penghujung tahun 1987

untuk membeli 200,000 meter. Dan masalah ini akan diatasi menjelang bulan Mei 1988.

Tetapi kes spesifik yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai Kampung Seri Sentosa saya pun ada juga diberitahu oleh pembeli-pembeli rumah itu saya difahamkan bahawa pihak LLN bersetuju juga membekalkan letrik kepada pengguna-pengguna tanpa memasang meter di kawasan itu. Tetapi kes ini terjadi juga disebabkan oleh pemaju telah gagal memberitahu kepada pihak LLN berkenaan dengan rancangan perumahan mereka pada peringkat awal.

Berkenaan dengan soalan yang kedua itu terpujanglah kepada syarikat-syarikat swasta yang ingin melabur dalam bidang ini. Jikalau tidak ada pelabur perusahaan atau enterpreneur yang ingin membuat kilang maka susahlah bagi Kementerian kita untuk mengadakan kilang untuk membuat meter. Kementerian saya memang menggalakkan pelabur-pelabur dan pembekal-pembekal meter ini untuk mengadakan kilang-kilang membuat meter tetapi ini terpujang kepada pihak swasta untuk mendirikan kilang itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar.

(Soalan No. 10 Y.B. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar tidak hadir).

PESAWAT MAS KUALA LUMPUR—KECEMASAN

11. **Tuan Mohd. Tawfik bin Tun Dr Ismail** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab pesawat MAS dari Kuala Lumpur ke London pada 11hb Januari, 1988 terpaksa pulang balik ke Kuala Lumpur lebih

kurang satu jam setengah selepas berlepas dari Subang, dan adakah benar bahawa perkhidmatan kecemasan pada pukul 3.00 pagi 12hb Januari tidak bertugas di Lapanganterbang Antarabangsa Subang apabila pesawat itu sampai di Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, pesawat MAS dari Kuala Lumpur ke London pada 11hb Januari, 1988 terpaksa pulang balik ke Kuala Lumpur oleh sebab satu panggilan telah diterima mengatakan bahawa sebutir bom dalam pesawat tersebut akan meletup. Walau bagaimanapun, setelah disiasat, didapati panggilan tersebut adalah panggilan palsu.

Berkaitan dengan insiden tersebut adalah tidak benar perkhidmatan bomba dan penyelamat tidak bertugas di Lapanganterbang Antarabangsa Subang apabila pesawat itu sampai. Untuk makluman Yang Berhormat, 7 buah kereta bomba telah siap bersedia untuk operasi kecemasan di persimpangan "taxiway" apabila pesawat tersebut mendarat.

Berasaskan kepada prosidur-prosidur kecemasan yang ditetapkan dalam keadaan kecemasan seperti ini, kesemua kereta bomba berkenaan telah mengekori pesawat pada jarak yang ditentukan sehingga pesawat itu berhenti. Sepertimana yang dikehendaki mengikut prosidur keselamatan, kereta-kereta bomba serta anggota-anggotanya telah berada dalam keadaan "standby" di sepanjang urusan mengeluarkan penumpang-penumpang dijalankan. Sebaik sahaja kapal terbang dikosongkan pasukan pemusnah bom telah menjalankan urusan mencari bom berkenaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masalah keselamatan lapangan terbang-lapangan terbang

sekarang ini menjadi sasaran kumpulan terrorist antarabangsa seperti yang kita dengar dalam laporan akhbar baru-baru ini di mana dinasihatkan supaya lapangan terbang sentiasa mengambil langkah-langkah yang ketat bagi menjamin keselamatan ini, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pengangkutan bagi menjamin keselamatan di lapangan terbang Subang ataupun lain-lain. Sebab kita melihat pada mata kasar sahaja masuk keluar penumpang-penumpang walaupun ada peraturan peraturan dibuat tetapi nampaknya perkara-perkara seperti ini kalau tidak berhati-hati boleh menyebabkan sesuatu perkara yang kita semua tidak ingin melihat akan berlaku.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dari segi keselamatan memang Jabatan Penerbangan Awam mempunyai sistem keselamatannya yang tersendiri dan menentukan bahawa keselamatan penumpang-penumpang dan juga keselamatan lapangan terbang dari ancaman terrorists, dengan izin, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Tidak wajarlah saya menceritakan pula sistem keselamatan itu di Dewan ini kerana sistem keselamatan ini wajar dirahsiakan supaya tidak ada pula pihak-pihak yang dapat melanggar sistem itu. Saya memberi jaminan bahawa kawalan keselamatan tetap ada.

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa beberapa orang tercedera dalam peristiwa pesawat MAS itu termasuk seorang ibu yang mengandung di mana masa beliau dibawa keluar dari kapal terbang melalui pintu kecemasan beliau telah pun tercedera mengakibatkan bayi kandungannya terpaksa digugur. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa beberapa kereta bomba ada di lapangan terbang tetapi tidak

menyebut beberapa buah kereta ambulan yang ada. Saya ingin juga bertanya, adakah penumpang-penumpang dalam pesawat itu membawa MAS ke mahkamah untuk ganti rugi?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penumpang-penumpang terpaksa dikeluarkan dalam tempoh 1½ minit. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah bagaimana 1½ minit semua penumpang itu diturunkan, iaitu beratus-ratus - penumpang diturunkan dalam tempoh 1½ minit menggunakan chute keselamatan di dalam emergency, jadi tentulah terdapat kecederaan-kecederaan kepada penumpang.

Pihak Kementerian pun sungguh kesal atas kejadian Yang Berhormat sebutkan tadi itu tetapi penumpang-penumpang ini semuanya dihantarkan ke hotel-hotel tertentu selepas mereka itu selamat mendarat dan yang cedera dirawat di Universiti hospital dan di klinik-klinik di Petaling Jaya yang ada kontrak dengan MAS. Jadi, setakat ini saya tidak sedar adakah tuntutan yang dibuat oleh mana-mana penumpang terhadap MAS.

JAWATAN KERAJAAN YANG DIMANSUHKAN

12. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah jawatan-jawatan dalam kumpulan A, B, C dan D yang dimansuhkan oleh Kerajaan bagi tempoh 1985, 1986, 1987 dan sehingga 29-2-1988. Memandangkan negara ini sedang menghadapi masalah pengangguran, apakah Kerajaan akan menimbang semula keputusannya untuk memansuhkan 10,000 jawatan pada tahun ini. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya mulai tahun 1987 bilangan jawatan-jawatan secara keseluruhan tidak diisi, sedangkan di dalam tahun-tahun sebelumnya bilangan jawatan-jawatan telah bertambah dan diisi tiap-tiap tahun. Sehingga awal tahun ini (1988) sebanyak 31,293 jawatan iaitu 4,894 jawatan dalam Kumpulan C dan 26,399 dalam Kumpulan D didapati tidak diperlukan setelah dibuat penyemakan. Jawatan-jawatan kosong dalam kumpulan-kumpulan tersebut, C dan D, kesemuanya berjumlah 90,884. Namun demikian sebanyak 4,419 jawatan baru telah diwujudkan terdiri daripada 4,173 dalam Kumpulan C dan 246 dalam Kumpulan D yang kebanyakannya adalah terdiri daripada guru-guru dan kakitangan perubatan.

Bagi Kumpulan A dan B, sebanyak 821 jawatan kosong telah tidak diisi dan dimansuhkan. Walau bagaimanapun, sebanyak 1,921 jawatan telah diwujudkan. Ini bererti pertambahan bersih sebanyak 1,100 jawatan iaitu 546 jawatan dalam Kumpulan A dan 554 jawatan dalam Kumpulan B.

Kerajaan tidak bercadang untuk menimbang semula keputusannya memansuhkan jawatan-jawatan yang dinyatakan itu kerana jawatan-jawatan tersebut adalah jawatan-jawatan kosong yang tidak lagi perlu dikekalkan. Bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk mewujudkan jawatan-jawatan itu atau melantik kakitangan-kakitangan di agensi Kerajaan semata-mata memberikan peluang perkerjaan kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 dan 13 hingga 49 adalah diberi dibawah ini).

INDUSTRI KECIL DESA

10. Dato' Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga akhir 1987 banyak manakah pembelian-pembelian yang dibuat oleh Jabatan Kerajaan ke atas barangan pejabat yang dikeluarkan oleh industri kecil desa seperti bidai, buluh, penghadang pejabat dan kontena pasu bunga yang diperbuat dari rotan, buluh dan mengkuang, dan lain-lain lagi. Apakah commitment Kerajaan dari segi memperluaskan lagi institutional market kepada barang keluaran industri kecil yang berasaskan sumber-sumber desa yang selama ini diabaikan.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pembelian oleh Jabatan Kerajaan ke atas barangan pejabat yang dikeluarkan oleh industri-industri kecil desa untuk bidai yang diperbuat dari rotan dari tahun 1984 hingga 1987 bernilai \$163,000 sementara pembelian kerusi meja serta penghadang pejabat adalah dianggarkan bernilai \$61,412,530 bagi tempoh 1983 hingga 1987. Pembelian ini dibuat melalui kontrak konsep payong di mana pengusaha-pengusaha industri kecil dilantik untuk membuat barang tersebut.

Di samping itu, terdapat juga pembelian secara kecil-kecilan oleh Kementerian/Jabatan bagi barang keluaran industri kampung. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kementerian Kewangan tidak mempunyai perangkaan mengenai perkara ini.

Dari segi komitmen Kerajaan, sukacita dinyatakan bahawa Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada

barang-barang keluaran pengusaha-pengusaha kecil untuk dimasukkan di bawah kontrak konsep payong jika sekiranya barang-barang tersebut memenuhi keperluan Kerajaan terutama dari segi mutu dan harga. Pemberian kontrak melalui konsep payong ini adalah untuk menggalakkan perkembangan dan peningkatan kualiti keluaran industri-industri kecil. Kementerian Kewangan juga sentiasa mengutamakan barang-barang keluaran tempatan termasuk keluaran industri kecil yang sesuai untuk dimasukkan di bawah sistem kontrak pusat Kementerian ini.

Selain dari perabot, barang-barang yang dibeli melalui kontrak konsep payong di bawah Kontrak Pusat Kementerian Kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Kicap, jem, sos cili, kopi campuran, sos tomato dan kordial buah-buahan.
- (ii) Ayam daging, telur ayam.
- (iii) Beras.

Pembelian dari tahun 1984 hingga 1987 dianggarkan bernilai \$93,250,000.

INTEGRASI NASIONAL— PENCAPAIAN

13. Tuan Maidom bin Pansai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan sudah berpuashati dengan pencapaian matlamat negara kita dalam konteks Dasar Integrasi Nasional selama ini terutama sekali di kalangan rakyat Malaysia di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Kalau ya, setakat manakah keberkesanannya dalam segi hormat menghormati, persefahaman dan perpaduan di antara satu sama lain. Kalau belum, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan demi untuk mempercepatkan proses integrasi nasional itu agar ianya dapat menjadi realiti dan dinikmati dalam ertikata yang sebenar-benarnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Pencapaian matlamat integrasi nasional di kalangan rakyat Malaysia di Sabah, Sarawak dan Semenanjung sehingga masakini adalah memuaskan. Namun demikian, ini tidak bermakna bahawa program-program ke arah meningkatkan pencapaian tahap integrasi yang lebih tinggi di kalangan rakyat di negeri-negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak tidak diteruskan.

Untuk mencapai tahap integrasi yang lebih tinggi di kalangan rakyat di negara ini Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah melalui strategi program penggalakan seperti lawatan pemimpin-pemimpin masyarakat dari wilayah Sabah, Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya. Pada hari-hari perayaan negara yang tertentu Kerajaan Persekutuan juga menganjurkan lawatan-lawatan khas untuk pemimpin-pemimpin masyarakat dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung. Di samping itu Kerajaan juga menggalakkan program pertukaran anak angkat melalui kelab-kelab kebajikan, agensi-agensi Kerajaan serta program lawatan belia-belia dengan menggunakan kemudahan pengangkutan Feri Malaysia atau Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) melalui tambang istimewa.

Di peringkat perkhidmatan awam, langkah-langkah juga telah diambil untuk meningkatkan integrasi di kalangan pegawai-pegawai yang berkhidmat di negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Langkah-langkah ini meliputi program orientasi kepada pegawai-pegawai awam dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak; program penempatan pegawai-pegawai dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak serta sebaliknya, program minggu

orientasi di Sabah dan Sarawak, program lawatan untuk kakitangan rendah melalui kelab-kelab kebajikan yang disokong oleh Jabatan masing-masing.

Melalui program dan kegiatan yang disebutkan di atas itu sudah pasti tahap persefahaman adat resam, kebudayaan dan agama setiap mereka yang terlibat dapat dipertingkatkan. Dengan langkah-langkah ini juga proses integrasi nasional dapat dipercepatkan ke arah realiti seperti yang diharapkan oleh rakyat dan Kerajaan.

NELAYAN—RONDAAN KESELAMATAN

14. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar nelayan kita telah diugut oleh Kastam asing di dalam perairan negara kita, jika benar apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian dan apakah kesan dari tindakan itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Dakwaan nelayan tempatan diugut oleh pihak bot Kastam asing sering diketahui melalui laporan-laporan akhbar sahaja. Bagi memastikan perkara sebegini tidak terjadi, pihak berkuasa telahpun dan akan terus mempertingkatkan rondaan di laut dan juga pengawasan udaranya.

Bagi membantu pihak berkuasa juga, para nelayan yang terlibat dengan kes-kes ugutan adalah diminta supaya membuat aduan ataupun laporan rasmi serta-merta kepada pihak berkuasa bagi membolehkan tindakan segera diambil. Ketiadaan laporan rasmi ini seringkali menimbulkan masalah kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan.

BANDUAN DAN PENJARA DI MALAYSIA

15. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penjara-penjara di dalam negara dengan memberi lokasi, bilangan penghuni dan kemuatan penjara-penjara ini masing-masing dan juga memberi bilangan kes-kes pecah keluar penjara bagi 10 tahun kebelakangan ini dengan memberi

sebab-sebab mengapa berlaku demikian. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi membendung kejadian pecah keluar penjara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 34 buah penjara di negara ini. Jumlah muatan dan bilangan banduan yang berada di dalam penjara adalah seperti berikut:

<i>Penjara</i>	<i>Muatan/Kapasiti</i>	<i>Bilangan Banduan</i>
Pudu/Kuala Lumpur	1,452	3,501 (+2,049)
Kajang	5,071	1,922 (-3,149)
Taiping	2,053	2,333 (+ 280)
Prabebas, Kamunting	500	386 (- 144)
Pulau Pinang	1,764	2,367 (+ 603)
Johor Bahru	1,158	1,936 (+ 778)
Simpang Rengam	2,000	396 (-1,604)
Alor Setar	1,328	1,379 (+ 51)
Pengkalan Chepa	1,129	931 (- 198)
Seremban	1,062	755 (- 307)
Sungai Petani	1,000	137 (- 863)
Marang	300	544 (+ 244)
Kuantan	204	602 (+ 398)
Sibu	200	151 (- 49)
Kuching	200	232 (- 32)
Miri	200	123 (- 77)
Sri Aman	200	29 (- 171)
Limbang	50	15 (- 35)
Kota Kinabalu	450	972 (+ 522)
Tawau	250	411 (+ 161)
Sandakan	250	211 (- 39)
Keningau	40	17 (- 23)
Kota Kinabalu (Wanita)	60	48 (- 12)
Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak	570	788 (+ 218)
Pusat Pemulihan Akhlak Muar ..	110	158 (+ 48)
Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah	250	301 (+ 51)

<i>Penjara</i>	<i>Muatan/Kapasiti</i>	<i>Bilangan Banduan</i>
Pusat Tahanan Perlindungan Taiping	330	72 (- 258)
Pusat Tahanan Perlindungan Kuching	1,200	— (-1,200)
Pusat Tahanan Perlindungan Kota Kinabalu	200	— (- 200)
Sekolah Henry Gurney Air Keroh	100	69 (- 31)
Sekolah Henry Gurney Teluk Mas	500	411 (- 89)
Sekolah Henry Gurney Melaka . .	60	73 (+ 13)
Sekolah Henry Gurney Batu Gajah	15	10 (- 5)
Sekolah Henry Gurney Kota Kinabalu	75	33 (- 42)
	22,331	21,313

Bagi tempoh 10 tahun kebelakangan ini jumlah kes keluar penjara melibatkan 248 orang. Antara sebab kes kelarian berlaku ialah:

- (i) kelalaian/kecuaiian pegawai penjara ketika menjalankan tugas;
- (ii) kekurangan kakitangan yang mengawal banduan-banduan;
- (iii) keadaan pagar, tembok bangunan dan sistem keselamatan yang kurang baik;
- (iv) kekurangan latihan pegawai berhubung dengan langkah-langkah keselamatan.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan kelarian dari penjara antaranya ialah:

- (i) menambahkan bilangan kakitangan;
- (ii) mengetatkan kawalan dan mengadakan pemeriksaan yang ketat ke atas banduan;
- (iii) mengadakan kursus-kursus tambahan dari masa ke semasa untuk kakitangan;

(iv) memindahkan banduan yang didapati merbahaya dari penjara yang tidak mempunyai sistem keselamatan yang ketat;

(v) memindahkan banduan dari penjara yang sesak; dan

(vi) mengadakan khidmat kaunselling untuk menolong banduan yang mempunyai masalah peribadi.

AKED MARA

16. Tuan Mohamad Subki bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sebabnya terbengkalai Projek Aked atau Gerai MARA di Balik Pulau, sedangkan tapak bagi pembinaannya telahpun sedia ada.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Bagi makluman Yang Berhormat, Projek Aked MARA ini telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada 6-4-82.

Walau bagaimanapun peruntukan kewangan bagi melaksanakan hanya diperolehi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima iaitu \$1 juta. Kelulusan untuk membelanjakan peruntukan ini ialah \$500,000.00 dalam tahun 1987 dan \$500,000.00 lagi pada tahun 1988.

Pada 23-9-87 satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang, selaku urusetia kepada Jawatankuasa Pemandu Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah memutuskan supaya projek ini ditangguhkan. Penangguhan ini adalah kerana pada masa yang sama UDA bercadang membina Kompleks Perniagaan di kawasan berdekatan yang dijangka bermula pada tahun 1989.

Tapak cadangan bagi Aked ini dicadang akan didirikan beberapa unit bengkel kecil yang dianggarkan kosnya sebanyak \$400,000.00 Baki peruntukannya selebihnya sebanyak \$600,000 akan digunakan bagi cadangan pembinaan Rumah Kedai Nibong Tebal (\$300,000) dan Bazar Sungai Bakap, (\$300,000). Kedua-dua projek ini sedang dalam urusan perlantikan perunding dan pihak MARA hanya akan melaksanakan projek-projek berkenaan selepas pelan-pelannya diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

LESEN INSURANS NYAWA

17. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah lesen dikeluarkan untuk menjual insurans nyawa; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengawal wakil syarikat insurans nyawa yang mengutip premium

daripada orang ramai tetapi tidak menyerahkan kepada syarikat berkenaan.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Setakat ini 18 buah syarikat telah diberikan lesen menurut Akta Insurans 1963 untuk menjalankan perniagaan insurans nyawa.
- (b) Semua bayaran premium yang dibuat melalui wakil atau ejen insurans nyawa yang diberi kuasa untuk mewakili syarikat insurans adalah dianggap sebagai bayaran kepada syarikat insurans sendiri. Syarikat insurans tetap akan bertanggungjawab sekiranya kutipan wang premium yang dibuat mempunyai bukti pembayaran dari ejen berkenaan walaupun premium tersebut tidak diserahkan kepada syarikat insurans. Sebaliknya, ejen yang tidak diberi kuasa tidak boleh mewakili mana-mana syarikat insurans dan seterusnya tidak boleh mengutip wang premium dari orang ramai. Pihak orang ramai sentiasa dinasihatkan supaya berurusan hanya dengan ejen-ejen yang diberi kuasa oleh syarikat insurans sahaja.

Tindakan-tindakan Yang Diambil Oleh Industri Insurans Nyawa Untuk Meningkatkan Imejnya

Persaingan perniagaan sektor insurans nyawa telah menjadi semakin giat dan syarikat-syarikat insurans nyawa telah menumpukan perhatian kepada perlunya membaiki imej industri dengan meningkatkan taraf profesionalisma di dalam tenaga agensi untuk mengembangkan bahagian pasaran mereka. Dalam hal ini, usaha-usaha yang berterusan telah

diambil oleh industri untuk mengadakan berbagai langkah kawalan diri seperti berikut:

- (i) Di dalam tahun 1987, industri insurans nyawa telah memperkenalkan Peperiksaan Pra-Kontrak sebagai satu peperiksaan kelayakan untuk mengawal kemasukan serta mutu ejen insurans nyawa.
- (ii) Perjanjian Antara Syarikat mengenai Pembayaran Komisyen Kepada Ejen telah dilaksanakan untuk memperbaiki kadar "persistency" untuk mengekalkan perkhidmatan selepas jualan.
- (iii) Ejen insurans nyawa dikehendaki mendaftar dengan Persatuan Insurans Nyawa Malaysia berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1988 sebelum mereka boleh mendapatkan perniagaan bagi pihak syarikat-syarikat insurans.
- (iv) Semua ejen insurans nyawa dikehendaki mematuhi "Code of Conduct" yang telah ditetapkan oleh Persatuan Insurans Nyawa Malaysia.

Pendaftar Ejen Insurans Nyawa Dengan Persatuan Insurans Nyawa Malaysia

Isu pendaftaran ejen-ejen Insurans nyawa ini telah dibangkit di dalam akhbar-akhbar tempatan tidak berapa lama dahulu. Disebabkan kenyataan-kenyataan yang berbeza, ianya telah menimbulkan kekeliruan di kalangan orang ramai. Soal yang dipertikaikan sama ada polisi-polisi insurans nyawa yang dijual melalui ejen-ejen yang tidak berdaftar dengan Persatuan Insurans Nyawa Malaysia adalah dianggap tidak sah atau sebaliknya. Dalam hubungan ini, Pejabat Ketua Pengarah Insurans telah membuat penjelasan bahawa semua polisi

insurans nyawa yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1963 adalah dianggap sah.

Aduan Dari Orang Awam Terhadap Syarikat Insurans Nyawa

Pejabat Ketua Pengarah Insurans dalam mengawasi industri insurans juga menentukan bahawa syarikat-syarikat insurans memberikan perkhidmatan yang baik kepada orang awam. Dalam hal ini, Pejabat Ketua Pengarah Insurans melayani aduan-aduan dari orang ramai terhadap syarikat-syarikat insurans. Dalam tahun 1987 dari jumlah 2,156 aduan secara bertulis yang diterima dari orang ramai oleh Pejabat Ketua Pengarah Insurans, 277 adalah aduan terhadap syarikat-syarikat insurans nyawa. Orang ramai yang menghadapi sebarang kesulitan dalam urusan mereka dengan syarikat-syarikat insurans boleh menghubungi Pejabat Ketua Pengarah Insurans untuk mendapatkan nasihat atau bantuan.

HARGA BUKU

18. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah usaha Kementerian dari segi memastikan harga-harga buku lebih murah dan banyak untuk membolehkan ramai orang membaca selaras dengan pengisytiharan tahun 1988 sebagai tahun membaca bagi mengwujudkan Budaya Membaca di kalangan rakyat.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga-harga buku dipengaruhi oleh berbagai faktor seperti jenis kertas, bentuk kulit buku, cara buku dijilid, ilustrasi, negara asal, pertukaran wang, sistem penyebaran dan penjualan. Kebanyakan faktor ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Walau

bagaimanapun Kementerian Pendidikan, khususnya melalui Dewan Bahasa dan Pustaka dan Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan, telah berusaha mencari jalan mengurangkan harga buku-buku tersebut.

Selaras dengan pengisytiharan tahun 1988 sebagai Tahun Pembaca usaha ini akan dipergiatkan lagi. Di antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan ialah:

1. Menggunakan mutu kertas tertentu supaya kos penerbitan menjadi rendah dan ini akan mengurangkan harga buku di pasaran.
2. Melaksanakan sistem "tender terbuka" kepada syarikat-syarikat percetakan tempatan untuk mencetak buku-buku berkesan. Dengan kaedah ini, sebutharga yang rendah akan diperolehi. Dengan kos percetakan yang rendah ini, secara langsung akan merendahkan harga buku berkesan.
3. Menubuhkan "Kelab Buku Ilmiah" dan mereka yang menjadi ahli Kelab ini akan mendapat peluang membeli buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan potongan harga sebanyak 10% hingga 25%.
4. Mengadakan tawaran istimewa untuk buku-buku terbitan melalui:
 - a. Jualan di Gudang.
 - b. Tawaran istimewa Musim Cuti Sekolah.
 - c. Buku yang telah terbit dua tahun kebelakangan, sekiranya masih berbaki, akan diberi tawaran istimewa.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menambah keluaran buku ialah:

1. Pelaksanaan "Skim Nadi" oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang memberi bantuan kewangan kepada penerbit swasta untuk menerbitkan buku yang kurang mendapat pasaran.
2. Pelaksanaan program bacaan sekolah rendah di bawah Skim Pinjaman Bank Dunia Ke 8, yang menggalakkan para penerbit menghasilkan buku-buku yang bermutu.
3. Pelaksanaan Skim Buku Bacaan Tambahan di sekolah-sekolah menengah.

Selain dari langkah-langkah ini pihak Majlis kemajuan Buku Kebangsaan telah mengatur program-program seperti mengadakan perkhidmatan perpustakaan bergerak dan pameran serta pesta buku di negeri dan daerah di seluruh negara. Majlis tersebut juga menjalankan program untuk mempergiatkan projek perpustakaan mini di rumah.

Pihak Kementerian Perdagangan telah mengadakan satu Kadar Pertukaran Khas dan diedarkan pada umum bagi membolehkan mereka mengetahui kadar harga yang betul bagi buku-buku yang diimport. Langkah ini dilakukan untuk menggalakkan penetapan kadar harga yang terlalu tinggi oleh pihak penjual buku.

RUMAH SETINGGAN DI TANAH KERAJAAN

19. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah bilangan rumah setinggan yang ada di atas tanah yang dipunyai oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan bagaimanakah pihak Lapangan Terbang Antarabangsa

Subang akan menyelesaikan masalah pemindahan rumah-rumah setinggan tersebut.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Pada masa ini terdapat sebanyak 154 buah rumah setinggan yang menduduki tanah Kerajaan di sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Untuk menyelesaikan masalah ini pihak Jabatan Penerbangan Awam sedang mengadakan perbincangan-perbincangan dengan agensi-agensi lain yang terlibat seperti Kerajaan Negeri dan Pejabat Derah Petaling untuk melaksanakan satu rancangan pemindahan yang sesuai bagi setinggan-setinggan tersebut.

PERKHIDMATAN KERETAPI— GALAKAN

20. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu telah berubah menjadi lebih baik dan selesa tetapi mengapa tidak ramai penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini. Adakah publisitinya tidak sampai kepada orang ramai atau KTM kurang minat manambah penumpang-penumpang yang sedia ada.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: KTM telah menjalankan usaha-usaha tertentu untuk menambah bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatannya. Usaha-usaha promosi telah dibuat melalui surat khabar, radio dan televisyen. Saya merasakan mesej yang ingin disampaikan kepada orang ramai setakat ini telah pun sampai kepada sasarannya. Adalah didapati sehingga kini permintaan dari orang ramai terhadap perkhidmatan keretapi sememangnya sungguh menggalakkan.

MINI MRSM

21. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah rancangan untuk menubuh beberapa mini MRSM di setiap negeri telah pun dilaksanakan dan apakah sambutan penduduk-penduduk luar bandar terhadap rancangan tersebut.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Pada masa ini 3 buah mini MRSM sudah beroperasi menggunakan bangunan sementara di Pasir Tumbuh (Kelantan), Kerteh (Terengganu) dan Jelebu (Negeri Sembilan). Sementara itu mini MRSM Perlis akan mula beroperasi pada awal bulan Jun 1988. Seterusnya 3 buah mini MRSM iaitu di Muadzam Shah (Pahang), Kuala Berang (Terengganu) dan Grik (Perak) sedang dalam proses pembinaan.

Dari segi sambutan, jumlah pelajar yang memohon adalah sangat menggalakkan. Sebagai contohnya pada tahun 1986 seramai 23,727 pelajar telah memohon dan seramai 1,500 telah berjaya dipilih; pada tahun 1987, 21,264 memohon, 2,113 pelajar dipilih; manakala tahun 1988 pula 22,066 memohon, 1,773 telah dipilih.

Pemilihan pelajar-pelajar ini diberi keutamaan kepada pelajar-pelajar yang mempunyai pendapatan purata keluarga yang tidak melebihi \$700.00 sebulan. Kedudukannya mulai tahun 1986 hingga 1988 adalah seperti berikut:

1986	76.1%
1987	77.5%
1988	65.6%

PENGANGGUR — PELUANG PEKERJAAN

22. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan angka pengangguran sehingga hari ini dan juga nyatakan sama ada kenaikan

harga-harga komoditi telah mewujudkan lebih peluang-peluang pekerjaan untuk penganggur.

Tuan Othman bin Abdul: Sehingga akhir tahun 1987 bilangan penganggur dianggarkan seramai 560,000 orang.

Kesan kenaikan harga komoditi ke atas pengwujudan peluang pekerjaan dalam jangka pendek dalam berbeza bergantung kepada jenis komoditi. Sebagai contoh dalam tahun 1987, pertambahan keluaran getah telah diiringi dengan kenaikan produktiviti dan bukannya pertambahan dalam penggunaan buruh. Walau bagaimanapun bagi barangan seperti koko dan kelapa sawit kenaikan harga dan pengeluaran telah dapat menghasilkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Tambahan pula kenaikan harga barangan utama tentunya dapat menambah pendapatan pekerja-pekerja dalam sektor ini. Kesan tidak langsung daripada pertambahan pendapatan ini ialah perkembangan sektor-sektor lain khasnya sektor perkhidmatan melalui peningkatan keupayaan membeli. Pertambahan permintaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan dapat pula menambah peluang pekerjaan di sektor perkhidmatan.

MOHAMED ZAINAL HASHIM— HUKUMAN PENJARA DI SABAH

23. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada langkah-langkah telah diambil untuk membiayai kerugian yang dialami oleh Encik Mohamed Zainal Hashim yang telah ditahan di penjara selama tiga tahun di Sabah atas tuduhan memerasugut yang mana hukuman maksima jika didapati bersalah ialah hukuman penjara selama dua tahun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji kes beliau.

PENULISAN SEJARAH NEGARA

24. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah jalan ikhtiar yang sedang dan akan diambil untuk memelaysiakan penulisan sejarah negara yang diajar di sekolah-sekolah dan universiti-universiti.

Tuan Anwar Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara usaha-usaha yang dijalankan bagi penulisan sejarah negara dari sudut pandangan Malaysia ialah:

1. Penggubalan semula Kurikulum Sejarah bagi peringkat sekolah menengah yang memberi penekanan terhadap perkembangan sejarah negara daripada sudut perspektif masyarakat Malaysia. Melalui kurikulum ini, pelajar-pelajar didedahkan dengan cerita-cerita sejarah perjuangan kebangsaan dan kisah-kisah perjuangan dan pengorbanan yang dibuat.
2. Penulisan buku teks dan rujukan sejarah ditulis oleh ahli-ahli sejarah tempatan.
3. Menggalakkan penyelidikan oleh ahli akademik daripada institusi pengajian tinggi, ahli Persatuan sejarah, penuntut sejarah dan pecinta sejarah tanahair dalam bidang sejarah tanahair.
4. Menganjurkan peraduan mengarang dan melukis sejarah Malaysia di kalangan penuntut peringkat menengah dan universiti dengan kerjasama persatuan dan pertubuhan awam. Karangan yang terbaik telah diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia.

5. Mengadakan Seminar Sejarah Tempatan untuk memupuk pemahaman dan penghayatan sejarah tempatan di kalangan penuntut, pendidik dan ahli akademik.

RANCANGAN RTM DISWASTAKAN

25. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Penerangan menyatakan apakah benar semua rancangan RTM akan diswastakan. Apakah bentuk konsep pengswastaan yang akan digunakan.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Adalah tidak benar bahawa semua rancangan akan diswastakan kerana RTM adalah agensi Kerajaan yang mempunyai tanggungjawab yang tertentu kepada masyarakat, tetapi RTM memang berusaha terus menerus bagi meneliti apakah rancangan-rancangan yang boleh diserahkan kepada pihak swasta untuk menerbitkannya supaya RTM dapat menumpukan perhatian yang lebih kepada penyediaan rancangan-rancangan yang perlu diselenggarakan oleh Kerajaan sendiri bagi menjamin supaya maklumat-maklumat penting dan dasar-dasar serta tindakan-tindakan Kerajaan akan difahami dengan sejelas-jelasnya dan seluas-luasnya oleh rakyat.

Pengswastaan dari segi RTM boleh mengambil berbagai bentuk. Ia boleh bererti bahawa RTM akan menyerahkan tugas-tugas tertentu yang boleh dijalankan dengan lebih berkesan lagi oleh pihak swasta seperti usaha penjualan iklan untuk radio dan T.V. bagi meningkatkan hasil. Ia juga boleh mengambil bentuk memberi hak untuk menerbit rancangan-rancangan tempatan seperti drama swasta atau untuk memperolehi filem-filem bagi rancangan-rancangan tertentu kepada syarikat-syarikat yang berkemampuan supaya perbelanjaan bagi penerbitan atau mendapatkan filem itu dapat

dikurangkan dan bahan-bahan siaran yang bermutu terus didapati bagi memenuhi keperluan siaran radio dan televisyen. Adalah dicadangkan lebih banyak lagi rancangan tempatan akan diserahkan kepada pihak swasta menerbitkannya seperti hiburan dan dokumentari. Ia juga boleh mengambil bentuk meminta bantuan dan pertolongan pihak-pihak swasta bagi menyediakan alat-alat kemudahan dan bantuan teknik yang lain bagi meninggikan lagi mutu rancangan dan siaran RTM.

Semua bentuk pengswastaan ini dikaji dengan teliti dan RTM akan terus menerus menjalankan usaha-usaha pengswastaan itu untuk mengurangkan belanja dan meninggikan hasil tanpa menjejaskan perkhidmatan-perkhidmatan yang harus diberikan kepada rakyat melalui radio dan televisyen.

YURAN PENGAJIAN UNIVERSITI DI UNITED KINGDOM

26. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah kenaikan yuran di United Kingdom yang baru-baru ini diumumkan oleh pihak berkenaan akan menjejaskan pendidikan bagi pelajar-pelajar Malaysia. Sekiranya mereka yang kesempitan wang terpaksa memberhentikan pelajaran mereka, apakah jenis bantuan yang boleh diberi oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syor hendak menaikkan yuran pengajian universiti di United Kingdom adalah satu perkara yang mendukacitakan dan ini akan menambah beban kewangan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di sana.

Walau bagaimanapun, kenaikan yuran pengajian ini bukanlah sesuatu yang diluar dugaan. Yuran pengajian

di United Kingdom dinaikkan di antara 4% hingga 15% pada tiap-tiap tahun. Pelajar-pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian ini di United Kingdom sepatutnya telah mengetahui mengenai jangkaan kenaikan yuran ini dan mereka sepatutnya telah bersedia untuk menanggung tambahan kewangan akibat dari kenaikan tersebut.

Oleh itu saya tidak berfikir kenaikan yuran pengajian ini akan menjejaskan pendidikan pelajar-pelajar kita di sana.

Pada masa ini Kerajaan tidak dapat menimbang untuk memberi bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang menghadapi kesempitan kewangan oleh kerana kedudukan kewangan negara tidak mengizinkan.

PENYAKIT AIDS—PENCEGAHAN

27. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes penyakit AIDS yang dilaporkan setakat ini di negara ini; dan
- (b) memandangkan salah satu halangan di Asia terhadap usaha pencegahan penyakit AIDS ialah nilai-nilai tradisional orang-orang Asia yang tidak menggalakkan perbincangan secara terbuka tentang penyakit itu, apakah langkah-langkah Kerajaan kita untuk mengatasi masalah itu.

Dato' K. Pathamanaban:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini 3 kes AIDS telah dilaporkan di negara ini. Selain daripada itu, 7 orang telah dikesan sebagai pembawa kuman AIDS.
- (b) Dengan mengambil kira nilai-nilai tradisional orang-orang Asia yang tidak menggalakkan

perbincangan secara terbuka tentang seks, maklumat-maklumat yang disebarkan kepada orang ramai adalah dibuat secara umum. Bagaimanapun, bagi kumpulan-kumpulan yang berisiko tinggi, maklumat yang lebih terperinci telah diberikan melalui perbincangan dalog dan juga cara (counselling).

NELAYAN—RONDAAN KESELAMATAN

28. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil untuk melindungi nelayan-nelayan:

- (a) dari lanun dan "foreign armed men";
- (b) dari selalu terdapat gangguan (harrasment) oleh pegawai Jabatan Perikanan supaya mereka boleh meneruskan kehidupan mereka.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (a) Keselamatan para nelayan di negara ini sentiasa diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan. Selain daripada rondaan di laut, pengawasan udara telah juga dipertingkatkan. Kegiatan apa yang didakwa dilakukan oleh "Lanun" ini hanya diketahui melalui akhbar-akhbar sahaja, tetapi para nelayan enggan untuk membuat laporan rasmi. Oleh itu adalah diseru supaya para nelayan tampil ke hadapan untuk memberi maklumat lengkap serta membuat laporan rasmi bagi membolehkan pihak berkuasa menyiasat dan mengambil tindakan segera. Adalah agak sukar bagi mengatakan sama ada "Lanun" itu benar-benar ujud kerana mungkin ianya dilakukan oleh

golongan-golongan tertentu yang berlagak sebagai "Lanun". Sehubungan dengan ini, sukaulah ditegaskan di sini, bahawa jika perkara yang didakwa sebagai kegiatan "Lanun" ini berlaku di luar kawasan Perairan Perikanan Malaysia, maka kita tidak dapat berbuat apa-apa kerana ianya adalah diluar kawasan kita.

Oleh yang demikian para nelayan tempatan adalah dengan ini dinasihatkan supaya jangan sekali-kali menceroboh serta menangkap ikan di kawasan perairan negara lain.

- (b) Berhubung dengan dakwaan kononnya terdapat gangguan daripada Pegawai dan anggota Jabatan Perikanan, ini adalah tidak benar sama sekali. Dakwaan ini mungkin timbul kerana rondaan yang lebih kerap telah dijalankan oleh pihak jabatan di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan hitam. Rondaan-rondaan ini telah dipertingkatkan kerana banyak aduan daripada nelayan tempatan terutamanya tentang masalah pencerobohan bot-bot tunda dikawasan tepi pantai, yang mana telah bukan sahaja merosakkan pukut-pukat serta alat menangkap ikan nelayan pantai juga telah mengancam mata pencarian mereka.

Selain daripada itu rondaan bagi maksud penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 akan diteruskan dan di dalam hal ini para nelayan adalah diminta supaya jangan melanggar apa-apa syarat yang dikenakan serta menghormati dan mematuhi undang-undang yang ada demi menjaga sumber perikanan negara dan demi menjaga

keharmonian di dalam sektor perikanan.

Di dalam perkara rondaan ini, usaha-usaha ini amatlah dialu-alukan oleh nelayan tradisi terutamanya, tetapi bagi setengah golongan nelayan yang sering melanggar undang-undang ataupun yang tidak mahu menghormatinya serta mematuhi di atas sebab-sebab kepentingan sendiri, terutamanya dengan menceroboh kawasan zon larangan serta merosakkan sumber perikanan, sudah tentu tidak akan suka ataupun akan menentang tindakan rondaan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan.

PETI PLASTIK UNTUK MENYIMPAN IKAN

29. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa selepas pemborong-pemborong ikan dikehendaki menggunakan bekas-bekas plastik untuk menyimpan ikan, mereka telah dan masih mengalami pelbagai kesulitan, khusus kesulitan dari segi kewangan; jika ya, sama ada Kerajaan akan membatalkan perintah ini, jika ya, bila.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kegunaan bekas-bekas atau peti-peti plastik yang diperkenalkan mulai 1-4-1988 bukanlah dituju kepada pemborong-pemborong ikan tempatan untuk menyimpan ikan. Memperkenalkannya pada tarikh tersebut adalah khusus untuk ikan-ikan yang diimport ke Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh kerana pemborong-pemborong ikan tempatan tidak terlibat secara langsung, pelbagai kesulitan tidak mungkin timbul khususnya kesulitan dari segi kewangan kepada mereka.

PASUKAN POLIS DI SABAH— KEANGGOTAAN

30. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada pasukan polis di Sabah mencukupi bagi menghadapi ancaman jenayah di Sabah; dan
- (ii) jikalau anggota polis mencukupi, sama ada Kementerian berkenaan bercadang menempatkan anggota polis berkekalan di Pasar Besar, kawasan perumahan, supermarket dan kampung-kampung bagi membanteras jenayah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keanggotaan Pasukan Polis adalah mencukupi untuk menghadapi ancaman jenayah di Sabah. Penugasan serta penempatan berkekalan anggota polis akan dibuat setelah polis mengenalpasti tempat-tempat yang memerlukannya.

KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA

31. Dr Eng Seng Chai minta Perdana Menteri menyatakan sedarkah Perdana Menteri pergolakan dan pertikaian politik dalam Parti-parti Kerajaan Barisan telah membawa kesan buruk kepada ekonomi dan kewangan negara. Apakah cadangan dan langkah Perdana Menteri akan mengambil menyelesaikan masalah politik Parti Kerajaan dan memulihkan ekonomi dan kewangan negara.

Tuan Othman bin Abdul: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kedudukan ekonomi negara telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Mungkin ini adalah sebagai pertanda bahawa pergolakan yang berlaku di dalam Parti-parti

Kerajaan baru-baru ini tidak memberi kesan negatif terhadap ekonomi dan kewangan negara. Beberapa langkah untuk meningkat lagi prestasi dan kedudukan ekonomi negara sedang diusahakan.

MAKTAB MARA

32. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah cadangan Menteriannya menubuh lebih banyak Maktab MARA untuk pelajar-pelajar semua kaum mendapat pelajaran khusus Pra-Universiti dan professional.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Untuk makluman, hanya Institut Teknologi MARA berada di bawah Kementerian Pendidikan. Institusi seperti Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan Maktab Sains MARA (MSM) adalah di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

- (a) MRSM Kulim—Mengendalikan kursus matrikulasi anjuran Universiti-universiti tempatan, ialah UKM, USM, dan UUM.
- (b) MRSM Seremban—Mengendalikan kursus peringkat "A" Level untuk penganjuran ke seberang laut.
- (c) Maktab Sains—Mengendalikan kursus dua tahun permulaan ijazah Universiti-universiti di Amerika Syarikat iaitu melalui program American Associate Degree (AAD).

Semua maktab ini dibuka kepada Bumiputera sahaja. Setakat ini MARA tidak ada cadangan untuk

membuka maktab baru bagi mengendalikan kursus peringkat Pra-Universiti dan profesional.

BEKALAN ELEKTRIK DI KAWASAN SEMPORNA

33. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa tiang-tiang elektrik dan pendawaian termasuk pemasangan "transformer" telah pun siap dipasang oleh pihak Lembaga Letrik Sabah di beberapa buah kampung yang terletak di kawasan Balung, Tawau. Kampung-kampung tersebut ialah Kampung Runggu, L.I Tas, Batu 17, Apas Balung, Rancangan Blok 31 dan Rancangan Gading;
- (b) jika sedar, bilakah tenaga elektrik akan dibekalkan ke rumah-rumah penduduk yang berkenaan dan apakah punca yang menyebabkan bekalan tenaga elektrik masih belum disalurkan walaupun projek tersebut telah siap sejak tahun 1986; dan
- (c) apakah kemajuan yang telah dicapai sehingga kini mengenai projek bekalan elektrik Pulau Bum-bum dan bilakah projek tersebut dijangka siap.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (a) Daripada 4 buah kampung yang dibangkitkan, sebenarnya hanya 2 buah kampung sahaja yang dilaksanakan di bawah rancangan BELB Kementerian ini, iaitu Kampung Runggu dan

Rancangan Blok 31. Manakala Kampung-kampung L.I Tas, Batu 17, Apas Balung dan Rancangan Gading pula telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam baki tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

- (b) (i) Bagi projek ke Kampung Runggu, Tawau ianya telah siap dalam tahun 1982 dengan jumlah penggunaannya seramai 142 orang. Walau bagaimanapun dari jumlah ini hanya 78 pemohon sahaja yang memasuki skim Bantuan Pendawaian dalam rumah yang dikendalikan oleh Lembaga Letrik Sabah dan mereka ini telah pun diberi bekalan elektrik dan selebihnya mungkin mengatur pendawaian dalam rumah secara persendirian pada masa ini. Walau bagaimanapun sekiranya masih terdapat rumah yang belum mendapat bekalan elektrik, mereka boleh mengemukakan permohonan ke pejabat Lembaga setempat untuk pertimbangan.
- (ii) Bagi projek Rancangan Blok kerja-kerja pemasangan talian Voltan tinggi/Voltan rendah telah pun siap dilaksanakan dalam bulan Oktober, 1987 sementara pendawaian dalam rumah sedang dalam pelaksanaan. Kelewatan untuk memberikan bekalan elektrik ke kampung ini adalah disebabkan lambatnya permohonan untuk mendapatkan skim Bantuan Pendawaian dalam rumah dari pemohon itu

sendiri. Walau bagaimanapun bekalan dijangka dapat diberikan kepada pengguna pada bulan Mei 1988 ini.

- (c) Projek bekalan elektrik ke Pulau Bum-bum adalah satu projek yang besar (\$2.6 juta) yang memerlukan persediaan secara terperinci seperti kajian awal, mendapatkan tanah untuk tapak projek, surat izin lalu, penyediaan tapak dan kajian tanah dan sebagainya. Bagaimanapun projek ini telah ditawarkan pada 18hb Disember, 1986 dan kerja dimulakan pada 7hb Mei, 1987. Kemajuan keseluruhan projek setakat ini ialah 60% dan projek dijangka siap pada bulan Disember, 1988.

TUNJUK PERASAAN DI KEDUTAAN AMERIKA

34. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adalah dalam pertimbangannya tunjuk perasaan di hadapan Kedutaan Amerika kerana membantah sikap anti minyak kelapa sawit di kalangan masyarakat Amerika dan membantah kehadiran Amerika di Teluk Parsi lebih mengancam ketenteraman awam daripada rancangan mengadakan perhimpunan orang Melayu pada 1 November di Stadium Negara. Tunjuk perasaan itu telah dijadikan satu dari alasan kepada Sdr. Haji Suhaimi Said ditahan di bawah ISA.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua, bentuk perhimpunan atau tunjuk perasaan yang dianjurkan tanpa permit adalah salah di sisi undang-undang.

Tidak timbul persoalan sama ada tunjuk perasaan di hadapan Kedutaan Amerika pada 26 September 1987 lebih mengancam ketenteraman awam daripada rancangan mengadakan

perhimpunan raksaksa anjuran UMNO pada 1 November 1987 atau sebaliknya oleh kerana perhimpunan raksaksa tersebut telah dibatalkan berikutan dengan larangan Kerajaan ke atas perhimpunan dan "rally" yang diumumkan pada 28 Oktober 1987.

SEPANDUK ANTI PERDANA MENTERI

35. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat sepanduk-sepanduk anti Perdana Menteri disediakan oleh orang-orang UMNO (ketika itu Mahkamah belum memutuskan UMNO tidak sah) yang hendak menyambut perhimpunan 1 November yang dibatalkan itu. Kalau sedar, sila nyatakan sebab-sebabnya dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap perkara itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat yang diketahui, tidak terdapat sebarang sepanduk anti Perdana Menteri disediakan oleh orang-orang UMNO yang hendak menyambut perhimpunan 1 November yang dibatalkan itu.

AKHBAR STAR/SIN CHEW JIT POH/WATAN—PENERBITAN

36. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya menerima permohonan KDN bagi tahun 1988 untuk penerbitan *Watan*, *The Star*, dan *Sin Chew Jit Poh*, jika ya. Apakah keadaan sekarang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sehingga hari ini Kementerian Dalam Negeri tidak menerima sebarang permohonan baru bagi tahun 1988 daripada akhbar *The Star*, *Sin Chew Jit Poh* dan *Watan*. Namun demikian penerbit-penerbit akhbar berkenaan bolehlah mengemukakan permohonan masing-masing untuk pertimbangan Menteri Dalam Negeri.

JAMBATAN PULAU PINANG

37. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (i) harga, tarikh dan kepada siapa tawaran menjual jambatan Pulau Pinang kepada negeri Pulau Pinang, dan
- (ii) apakah jawapannya dari pihak Kerajaan Pulau Pinang.

Tuan Osu bin Haji Sukan: Kerajaan Persekutuan tidak ada membuat tawaran untuk menjual jambatan Pulau Pinang kepada sesiapa. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang ada cadangan untuk membeli jambatan itu pada peringkat awal, tetapi setakat ini Kerajaan Persekutuan tidak menerima sebarang cadangan secara rasmi daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, mengenai pembelian tersebut.

REZAB MINYAK—TEMPOH HAYAT

38. **Tuan Hu Sepang** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah medan-medan minyak di dasar laut yang sedia ada di negara ini, baik yang sudah dieksploitasi mahupun belum lagi dieksploitasi serta nyatakan lokasinya dan berdasarkan kadar gerudian kini, untuk berapa lamakah medan-medan minyak ini akan wujud.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Jumlah lapangan minyak di luar pantai Malaysia ialah 53, dan terbahagi seperti berikut:

- (i) 30 telah beroperasi dan mengeluarkan minyak;
- (ii) 5 sedang dirancang untuk dimajukan; dan
- (iii) 18 di peringkat pra-pembangunan;

Daripada lapangan-lapangan yang telah beroperasi, 12 adalah terletak di luar pantai Sarawak, 11 di luar pantai

Semenanjung Malaysia dan 7 di luar pantai Sabah.

Berdasarkan kadar pengeluaran minyak mentah semasa pada paras 540,000 tong sehari dan rezab minyak yang sedia ada sekarang, tempoh hayat rezab minyak adalah kira-kira 14 tahun.

PEGAWAI P.T.A.—GALAKAN

39. **Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) apakah galakan-galakan yang diberikan kepada Pegawai P.T.A. untuk meneruskan khidmat cemerlang sebagaimana yang diberikan kepada P.T.D.; dan
- (ii) apakah rancangan-rancangan benar untuk meningkatkan prestasi dan kedudukan P.T.A.

Tuan Othman bin Abdul: Galakan-galakan yang diberikan kepada pegawai P.T.A. adalah sama seperti yang diberikan kepada pegawai-pegawai perkhidmatan lain seperti peluang-peluang mengikuti kursus dalam perkhidmatan sama ada di dalam atau di luar negeri, meliputi kursus jangka panjang atau jangka pendek. Selain dari itu pegawai-pegawai P.T.A. juga diberi peluang mengisi jawatan-jawatan di Badan Berkanun secara pinjaman atau tukar sementara. Mereka jua mempunyai hak yang sama untuk dipilih memenangi hadiah perkhidmatan cemerlang dalam Jabatan masing-masing.

Rancangan-rancangan jangka panjang untuk meningkatkan prestasi dan kedudukan P.T.A. sedang dalam peringkat kajian oleh Jabatan Perkhidmatan Awam secara terperinci dan menyeluruh yang menyentuh segala aspek perkhidmatan tersebut.

CUKAI PENDAPATAN

40. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah/sedang dan akan diambil bagi mereka yang enggan membayar cukai-cukai pendapatan dan setakat manakah langkah-langkah itu berkesan.

Tuan Loke Yuen Yow: Ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa langkah-langkah yang sentiasa diambil bagi mereka yang enggan membayar cukai pendapatan adalah seperti berikut:

- (i) Pemberitahuan dikeluarkan oleh Cawangan Pungutan, Jabatan Hasil Dalam Negeri memberitahu kepada pembayar cukai bahawa cukai yang terhutang telah dinaikkan sebanyak 10% selepas 30 hari dari tarikh notis taksiran dikeluarkan. Kenaikan tambahan sebanyak 5% akan dikenakan selepas 60 hari dari tarikh kenaikan pertama di atas.
- (ii) Bagi kes-kes di mana pembayar cukai mempunyai pendapatan daripada pengajian, arahan akan dihantar kepada majikan supaya potongan gaji bulanan dapat dibuat untuk membayar cukai terhutang.
- (iii) Bagi mereka yang tidak menjelaskan cukai terhutang, tindakan mahkamah akan diambil selepas pemberitahuan telah dihantar menasihatkan mereka menjelaskan cukai terhutang dengan serta merta.
- (iv) Apabila hukuman mahkamah telah diberi, tindakan selepasnya adalah melaksanakan hukuman mahkamah misalnya penahanan harta, tindakan kebangkrapan bagi

pembayar cukai perseorangan atau tindakan petisyen penggulungan bagi syarikat.

Langkah-langkah tersebut di atas adalah berkesan terutama sekali tindakan yang diambil selepas hukuman mahkamah telah diperolehi.

BEKALAN ELEKTRIK DI KAWASAN LARUT

41. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberitahu bilakah penduduk-penduduk Pantai Besar, Pantai Besar Ulu, Ijok, Sungai Ara, Kampung Mat Asik dan Kampung-kampung berhampiran dalam kawasan Parlimen Larut akan mendapat bekalan elektrik kerana mereka sentiasa bersungut hal ini di dewan atau di kedai-kedai kopi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Kampung-kampung yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah dicadangkan untuk dilaksanakan di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Perlaksanaannya adalah bergantung kepada peruntukan yang dapat disediakan oleh Kerajaan. Oleh kerana peruntukan yang dapat disediakan oleh Kerajaan adalah terhad, sedangkan kampung-kampung yang memerlukan bekalan elektrik masih banyak, maka Kerajaan negeri telah dipertanggungjawab untuk menentukan nama kampung-kampung yang akan diberi bekalan elektrik pada satu-satu tahun. Seperti yang pernah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini memang banyak lagi kampung-kampung di luar bandar yang memerlukan bukan sahaja bekalan elektrik tetapi juga kemudahan-kemudahan asas ini secara serentak akan memerlukan perbelanjaan yang besar. Dengan demikian Kerajaan

terpaksa melaksanakan secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada kedudukan kewangan negara.

RAKYAT PALESTIN— KEKEJAMAN ISRAEL

42. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) apakah dasar dan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap keganasan dan pencabulan Hak Asasi Manusia oleh Israel ke atas Rakyat Palestin; dan
- (ii) bagaimana pendirian dan tindakan bersama negara Anggota Asean dalam hal ini dan juga dalam soal pencerobohan dan keganasan askar Russia di negara Afghanistan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):

- (i) Sebagaimana Dewan sedia maklum, dasar dan pendirian Malaysia terhadap rakyat Palestin adalah tidak berubah, iaitu, kita sangatlah bersimpati dengan penderitaan yang dialami oleh rakyat Palestin berikutan daripada keganasan dan kekejaman regime Israel. Dalam hubungan ini, Malaysia sentiasa membantah dengan sekeras-kerasnya kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin. Bantahan-bantahan kita termasuklah memberi sokongan penuh kepada beberapa ketetapan yang dibuat oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, dan Pertubuhan Negara-Negara Islam.
- (ii) Pendirian dan pandangan anggota ASEAN yang lain adalah sama dengan Malaysia. Mereka mengutuk keganasan regime Israel. Sebagaimana Dewan sedia maklum, di dalam

persidangan Pertubuhan Parlimen-Parlimen ASEAN (AIPO) ke 9 yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini, satu ketetapan mengutuk kekejaman regime Israel telah diluluskan.

Malaysia bersama-sama dengan anggota-anggota ASEAN telah mengambil sikap yang tegas di dalam isu Afghanistan. Selain daripada mengutuk pencerobohan Russia di Afghanistan, kita juga telah mendesak Russia mengundurkan tenteranya dari bumi Afghanistan bagi membolehkan rakyat Afghanistan menentukan nasib mereka. Berkenaan dengan ini, Malaysia telah mengalu-alukan kesediaan pihak Russia untuk mengundur tenteranya dari Afghanistan mengikut kenyataan pemimpin Russia, Mikhail Gorbachev, pada 8hb Februari 1988.

Malaysia berharap perdamaian di Afghanistan akan tercapai ekoran daripada perbincangan di Geneva.

PROGRAM TEBATAN BANJIR

43. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) amaun yang digunakan bagi projek Penebatan Banjir dalam Kuala Lumpur bagi tahun 1988;
- (ii) projek-projek penebatan banjir yang sekarang dijalankan oleh Jabatan Parit dan Tali Air dalam Kuala Lumpur dan mana-mana yang masih dalam peringkat perancangan; dan
- (iii) jumlah amaun wang diperlukan untuk program penebatan banjir dalam Kuala Lumpur

dengan tujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur bebas dari ancaman banjir.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (1) Jumlah amaun wang yang akan digunakan bagi program-program tebatan banjir dalam Kuala Lumpur bagi tahun 1988 ialah \$13.36 juta terdiri dari dua komponen:

(a) *P19—PK17102*

Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur—\$11.06 juta

(b) *P19—PK17101*

Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan—\$2.3 juta

- (2) Projek-projek tebatan banjir yang sekarang dijalankan oleh Jabatan Parit dan Tali Air dalam Kuala Lumpur adalah seperti yang berikut:

(a) *Di bawah P19—PK17102 Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur*

(i) Kerja penyaluran Sungai Kelang di antara Jambatan Sulaiman dan Kampong Haji Abdullah Hukom.

(ii) Kerja penyaluran Sungai Kelang di Kampong Baru.

(iii) Kerja penyaluran permulaan untuk Sungai Batu dari Kampong Kassipillai ke Segambut.

(b) *Di bawah P19—PK17101 Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan*

Kerja penyaluran Sungai Kerayong di Batu 3½, Jalan Cheras. Perancangan juga sedang dijalankan bagi

sungai-sungai yang berikut supaya kerja dapat dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima dan Rancangan Malaysia Keenam:

(i) Sungai Kelang sepanjang 32 km.

(ii) Sungai Gombak sepanjang 4 km.

(iii) Sungai Batu sepanjang 4 km.

Satu kajian semula bagi program-program tebatan banjir untuk seluruh kawasan limbangan Sungai Kelang di bawah bantuan teknik oleh Kerajaan Jepun sedang dijalankan dan akan disiapkan pada awal tahun 1989. Hasil kajian ini akan membantu dalam perancangan yang sedang dijalankan.

- (3) Jumlah amaun wang yang diperlukan untuk program-program tebatan banjir dalam Kuala Lumpur dengan tujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur bebas dari ancaman banjir ialah \$489.5 juta.

Dari jumlah ini, sebanyak \$142 juta telah dibelanjakan sehingga akhir tahun 1987 untuk pelaksanaan kerja-kerja tebatan banjir di Kuala Lumpur.

**KILANG CHEMICAL COMPANY
MALAYSIA—STOK NITROGEN**

44. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah benar pihak Chemical Company Malaysia yang mengadakan suatu kilang di Padang Jawa mempunyai satu stok 10 ton Nitrogen di kilangnya pada setiap masa, apakah langkah-langkah untuk mencegah bahawa jika kebocoran atau

kemalangan gas beracun tersebut berlaku dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menjaga keselamatan rakyat di kawasan tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Adalah benar kilang Chemical Company Malaysia di Padang Jawa mempunyai stok Nitrogen di kilangnya pada setiap masa, tetapi kuantitinya hanya satu ton sahaja. Nitrogen adalah gas yang tidak beracun. Oleh itu, langkah-langkah kecemasan bagi mengawal sebarang kebocoran bagi gas nitrogen tidak diperlukan. Lagi-pun, tangki berkenaan selalu diperiksa oleh pihak berkuasa bagi menentukan keadaannya sentiasa baik.

RAKYAT PALESTIN—BANTUAN YAYASAN EKONOMI ISLAM

45. Dato' Haji Kamaruzzaman bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dalam usaha Kerajaan Malaysia untuk membantu rakyat Palestin yang diancam oleh pihak Tel Aviv, Kerajaan akan memberi bantuan kewangan melalui tabung Yayasan Ekonomi Islam (Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia) jika ya, berapakah yang akan diberi dan apakah bantuan-bantuan lain yang dihulurkan.

Tuan Othman bin Abdul: Wang Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YPEIM) bukanlah wang Kerajaan tetapi adalah kumpulan wang yang sebahagiannya adalah wang derma amal jariah daripada kaum muslimin dan ianya ditadbirkan oleh sebuah lembaga pemegang amanah. Oleh itu Kerajaan tidak terlibat dalam menggunakan wang YPEIM itu untuk memberi bantuan kepada rakyat Palestin atau lain-lain tujuan.

PENCEMARAN ALAM DI KAWASAN PERINDUSTRIAN

46. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh setengah-setengah kalangan bahawa kecuaiian dari Jabatan Kesihatan yang jarang-jarang membuat pemeriksaan di kawasan perindustrian dan ternakan hingga menyebabkan penduduk sekelilingnya hidup di dalam keadaan yang terancam dengan pencemaran alam.

Dato' K. Pathmanaban: Dakwaan-dakwaan yang dikemukakan adalah tidak benar. Masalah pencemaran alam bukanlah di bawah bidang kuasa Bahagian Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan secara langsung. Walau bagaimanapun pihak Kesihatan bekerjasama dengan pihak jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Alam Sekitar dengan memberikan khidmat nasihat dan perundingan mengenai hal-hal kesihatan berkaitan dengan pencemaran itu.

JENAYAH DI SABAH

47. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar kira-kira 65% jenayah yang berlaku di Sabah adalah dilakukan oleh orang-orang asing; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal kadar jenayah yang kian meningkat ini khususnya berkait dengan pembunuhan pemandu-pemandu teksi.

22-3-88

28. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapakah lebih 65 peratus daripada kegiatan jenayah berat di negeri Sabah dilakukan oleh orang asing; dan

(b) langkah-langkah sewajarnya yang telah diambil untuk mengurangkan kegiatan jenayah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tawau pada 22-3-1988.

Adalah tidak benar bahawa 65% kes jenayah yang berlaku di Sabah adalah dilakukan oleh orang-orang asing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari sejumlah 4,465 kes jenayah yang dilaporkan dalam tahun 1986, hanya 25 kes atau 0.55% sahaja yang dilakukan oleh orang asing. Manakala bagi tahun 1987 pula, dari sejumlah 4,696 kes jenayah yang dilaporkan hanya 264 kes atau 4.88% sahaja yang dilakukan oleh mereka.

Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal aktiviti jenayah di Sabah termasuklah kes-kes jenayah yang mana pemandu-pemandu teksi menjadi mangsa ialah:

- (i) Meningkatkan rondaan kawasan yang seringkali berlakunya jenayah;
- (ii) Membuat pemeriksaan mengejut di tempat-tempat yang disyaki menjadi orang penjenayah;
- (iii) Mengadakan operasi khas dari masa ke semasa di kawasan yang tinggi kadar jenayah;
- (iv) Melakukan serbuan di tempat-tempat yang diketahui menjadi perlindungan penjenayah;
- (v) Mendapatkan kerjasama orang ramai dengan memamerkan gambar-gambar penjenayah di balai polis serta akhbar-akhbar dengan tujuan supaya orang ramai

mengenali mereka dan seterusnya memberi maklumat mengenai penjenayah-penjenayah tersebut.

KEMATIAN AKIBAT REJ TIDE

48. Tuan Hsing Yin Sh a minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan "red tide" sekali lagi melanda laut Pantai Barat Sabah, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk memberi amaran yang lebih awal kepada orang ramai agar mereka dapat dinasihati supaya mengambil tindakan mencegah dan berapakah kes kematian dalam akibat "red tide" yang telah dilaporkan bagi tempoh 1985, 1986, 1987 dan sehingga 29-2-1988.

Dato' K. Pathmanaban: Beberapa langkah telah diambil untuk memastikan orang ramai di Sabah diberi amaran tentang kedatangan "red tide". Langkah-langkah itu ialah:

- (i) Jabatan Perikanan sentiasa membuat pengawasan tentang kejadian "red tide" di seluruh negeri Sabah dengan menganalisa sampel-sampel air dan kerang-kerangan termasuk siput laut setiap 2 minggu sekali.
- (ii) Jabatan Perikanan akan memberitahu Jabatan Perubatan dan kesihatan Sabah sekiranya:
 - (a) Terdapat ketinggian pengesanan organisma "red tide" (*Pyrodinium bahamense* var. *compressa*) dari air laut.
 - (b) Tahap toksid dalam kerang-kerangan termasuk siput-siput laut mencapai tahap 400 "unit mouse".

- (iii) Jabatan Perikanan Sabah dan Jabatan Perubatan dan Kesihatan Sabah akan mengadakan kenyataan bersama apabila fenomena "red tide" berlaku untuk memberitahu orang ramai supaya tidak memungut/membeli/memakan kerang-kerangan dari kawasan yang terlibat.
- (iv) Di pantai-pantai di kawasan yang terlibat juga akan diletakkan papan-papan tanda amaran kepada orang ramai supaya tidak mencari/memungut/membeli/memakan kerang-kerangan dari kawasan yang terlibat.
- (v) Pemberitahuan melalui media massa, percakapan radio dan dialog akan diadakan dari masa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, penduduk-penduduk tempatan di Sabah telah memahami tentang fenomena "red tide" dan telah tahu langkah-langkah menjaga keselamatan diri mereka dari bahaya "red tide". Kebanyakan kes keracunan disebabkan "red tide" baru-baru ini adalah dialami oleh pendatang asing dan bukan orang tempatan.

Mengenai kematian akibat "red tide", tidak ada kematian dilaporkan pada tahun 1985, 1986, dan 1987. Bagi tahun 1988 (sehingga 29-2-1988) ada 3 kematian dilaporkan akibat "red tide".

PENGUASA TEMPATAN DAN MAJLIS DAERAH—BANTUAN KEWANGAN

49. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah beliau sedar bahawa masalah kewangan yang dihadapi oleh Majlis Perbandaran dan

Majlis Daerah. Apakah langkah yang diambil bagi meringankan beban Kerajaan Negeri.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat): Kerajaan Persekutuan memang sedar tentang masalah kewangan yang dihadapi oleh beberapa penguasa-penguasa tempatan terutamanya Majlis Daerah. Atas kesedaran inilah, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memberi beberapa bantuan kewangan kepada penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula seperti berikut:

- (i) Peruntukan di bawah Butiran Projek 1—

Projek-projek di kawasan Penguasa Tempatan. Dari tempoh Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) sehingga kepada Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima (1986-1988), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengeluarkan peruntukan sebanyak \$91,434,348 kepada penguasa-penguasa tempatan di Semenanjung Malaysia. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$27,957,738 telah pun dapat dibelanjakan oleh penguasa-penguasa tempatan.

Penyata perbelanjaan bagi setiap Rancangan Malaysia Kelima adalah seperti berikut:

(a) Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)	\$18,278,917
(b) Rancangan Malaysia Keempat (1981-1986)	\$42,355,006
(c) Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima (1986-1988)	\$12,323,815
Jumlah ..	\$72,957,738

- (ii) Peruntukan di bawah Butiran Projek 2—Geran Pelancaran.

Mulai daripada 11hb November, 1978, Kerajaan

Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$136,413,499.70 untuk diagihkan kepada penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula. Dari tempoh tersebut sehingga tahun 1987 sebanyak \$104,391,218.15 telah pun diagih dan dibelanjakan oleh penguasa-penguasa tempatan. Peruntukan yang masih berbaki \$32,022,281.55. Penyata perbelanjaan mengikut Rancangan Malaysia adalah seperti berikut:

(a) Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)	\$ 43,701,761.95
(b) Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)	\$ 54,310,992.74
(c) Rancangan Malaysia Kelima (1986-1987)	\$ 6,378,463.46
Jumlah ..	<u>\$104,391,218.15</u>

- (iii) Peruntukan Geran Tahunan—
Penyenggaraan kepada Negeri (Pemberian Pihak Penguasa Tempatan). Pemberian Geran ini telah bermula pada 1hb Januari, 1978. Jumlah maksima bagi setiap penguasa tempatan adalah \$107,500.00 setahun.

Sehingga tahun 1987, peruntukan yang telah dikeluarkan oleh penguasa-penguasa tempatan adalah sebanyak \$81,850,680.43. Pecahan mengikut Rancangan Malaysia adalah seperti berikut:

(a) Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)	\$17,603,852.30
(b) Rancangan Malaysia Keempat (1981-1986)	\$45,821,203.55
(c) Rancangan Malaysia Kelima (1986-1987)	\$18,425,024.58
Jumlah ..	<u>\$81,850,080.43</u>

2. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara mengenai Kerajaan Tempatan adalah

terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri, iaitu mengikut "Item 4, Senarai 11, Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan". Oleh itu, Kerajaan-kerajaan Negeri juga perlu memberi bantuan dan perhatian yang sewajarnya kepada Majlis-majlis Perbandaran dan Daerah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bantuan yang biasa diberi oleh Kerajaan Negeri ialah dalam bentuk geran imbalan dan geran pembangunan. Kerajaan Negeri juga memberi sumbangan bantu kadar bagi harta-harta Kerajaan Negeri yang terletak di kawasan Penguasa Tempatan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (16hb Mac, 1988)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sambung.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap, Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Hari itu point of order 36 (6) saya telah dikeluarkan pada akhirnya sebelum mesyuarat ditangguhkan dan saya minta buat satu

keputusan atas point of order 36 (6) kepada Yang Berhormat dari Marang yang mengeluarkan sangkaan jahat di mana beliau kata saya akan balas dendam, di mana saya suruh Kerajaan bubarkan Lembaga Tembakau Negara, sebab sebahagian besar penanam-penanam tembakau adalah dari Pantai Timur yang kebanyakannya tidak menyokong DAP. Saya agak itu sangkaan jahat. Mana saya hendak balas dendam dengan seruan itu. Saya suruh dia tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua

Dr Eng Seng Chai: Buat keputusan atas point of order 36 (6) sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, tak payah. Hari itu sudah saya selesaikan perkara itu. Tak payah bangkitkan perkara itu sekarang. Teruskan, Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, keputusan sudah buat?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, itu hari.

Dr Eng Seng Chai: Sudah buat. Tak payah tarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tak payah.

Dr Eng Seng Chai: Jika saya buat sangkaan begitu, Tuan Yang di-Pertua pun tak suruh saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, hari itu kita selesaikan perkara itu. Hari ini

Dr Eng Seng Chai: Mana ada selesai. Dalam *Hansard*—saya ada *Hansard* di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan debate dengan saya. Sila hormatkan. Kalau tidak hormatkan

Dr Eng Seng Chai: Beri hormat. Saya suruh buat satu keputusan dengan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, bila saya bercakap, Yang Berhormat tak boleh bangun. Kalau tidak tahu Peraturan Mesyuarat, jangan masuk dalam sini (*Tepuk*).

Dr Eng Seng Chai: Sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila teruskan.

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, semasa persidangan Dewan yang mulia ini telah ditangguhkan pada 16hb Mac yang lalu, saya telah membuat ulasan-ulasan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memberi didikan kepada orang ramai tentang bahaya merokok.

Saya ingin menjelaskan bahawa pihak Kerajaan menganggap bahawa penghisapan rokok dan penanaman tembakau adalah dua isu yang berlainan sama sekali. Sementara kita membuat kempen-kempen untuk tidak menggalakkan rakyat menghisap rokok, Kerajaan terpaksa pula mengambil kira sejumlah penanam-penanam dan mereka yang terlibat di

dalam perusahaan tembakau serta memastikan bahawa masa depan mereka terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak wujud apa-apa percanggahan dasar seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya mengenai aspek pembangunan industri tembakau dan kesihatan orang ramai.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar demokrasi, Kerajaan tidak boleh menyekat kebebasan dan hak asasi rakyat dengan cara mengharamkan penghisapan rokok dan ditambah pula dengan hakikat bahawa langkah seperti ini tidak dijalankan di mana-mana juga negara dalam dunia ini.

Dalam konteks ini Kerajaan tidaklah boleh menyekat orang ramai daripada menghisap rokok. Apa yang boleh kita lakukan ialah untuk mengingatkan tentang kesan dan bahaya kepada kesihatan mengenai penghisapan rokok di samping mengenakan cukai yang tinggi terhadap rokok untuk tidak menggalakkan orang ramai meneruskan tabiat ini. Pendekatan ini adalah selari dengan amalan-amalan yang dijalankan oleh kebanyakan negara-negara pengeluar-pengeluar tembakau dalam dunia ini.

Selain daripada menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada lebih 180 ribu orang sama ada secara tetap atau sambil, industri tembakau juga dapat mengelakkan negara ini daripada kerugian pertukaran wang asing akibat daripada kemasukan tembakau dan rokok daripada luar negeri.

Akhirnya suka saya menekankan di sini bahawa pindaan-pindaan terhadap Akta Lembaga Tembakau Negara ini adalah semata-mata bertujuan untuk menjaga kepentingan pihak-pihak yang terlibat di dalam industri tembakau di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua memperkerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1987)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.43 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$315,955,510 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini. Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1987 adalah berjumlah \$441,301,620 tetapi sebanyak \$315,955,510 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$125,346,110 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tambahan-tambahan besar yang diminta diluluskan di bawah Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) Sebanyak \$100.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan sebagai pemberian bagi membiayai 50% kos pengurusan Jabatan-jabatan Negeri di bawah Senarai Bersama Perlembagaan, khususnya Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Haiwan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 5hb Mac, 1987.
- (2) Sebanyak \$47 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri. Dari jumlah ini sebanyak \$38.3 juta untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar dan \$8.7 juta untuk menyelaras peruntukan program-program baru Bahagian Wilayah Persekutuan,

Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang telah dipindahkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dari Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah dimansuhkan mulai 20hb Mei, 1987.

- (3) Sebanyak \$36 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Dari jumlah ini sebanyak \$23 juta diperuntukkan kepada Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam persidangannya pada 10hb Julai, 1987 dan pelaksanaan Tabung ini berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1987. Sebanyak 10 juta diperuntukkan kepada Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam persidangannya pada 15hb Oktober, 1987 dan sebanyak \$3 juta diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam persidangan pada 15hb Oktober, 1987.
- (4) Sebanyak \$34 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.57 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$27.4 juta untuk menyelaras peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara yang telah dipindahkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar daripada Kementerian

Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mulai 1hb Julai, 1987 dan sebanyak \$6.6 juta untuk membiayai perbelanjaan bagi mengadakan pertandingan keindahan rumah-rumah kampung dan keindahan kampung di peringkat daerah dan negeri untuk tahun 1987.

- (5) Sebanyak \$31.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menampung kekurangan peruntukan biasiswa kepada pelajar-pelajar di bawah tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- (6) Sebanyak \$28.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.59 Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Jumlah ini termasuklah sebanyak \$23.4 juta untuk menyelaras peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia yang telah dipindahkan di bawah Kementerian baru dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mulai 20hb Mei, 1987 dan sebanyak \$2.3 juta untuk menyelaras peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi program kebudayaan yang telah dipindahkan di bawah Kementerian baru dari Kementerian Belia dan Sukan mulai daripada 20hb Mei, 1987.
- (7) Sebanyak \$21.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.36 Polis Diraja Malaysia untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai bayaran gaji dan elaun-elaun kepada anggota-anggota pangkat rendah Polis dan kakitangan awam di dalam Pasukan Polis berikutan dari pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1985, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4

Tahun 1986 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1986.

- (8) Sebanyak \$9.1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.19 Kementerian Pertanian. Dari jumlah ini, sebanyak \$8.7 juta untuk menyelaras peruntukan Lembaga Padi dan Beras Negara yang telah pun dipindahkan di bawah Kementerian Pertanian dari Kementerian Perusahaan Awam mulai 1hb Julai, 1987 dan sebanyak \$437,900 untuk menyelaras peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi program parit dan taliair untuk Wilayah Persekutuan yang telah dipindahkan di bawah Kementerian Pertanian dari Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah dimansuhkan mulai 20hb Mei, 1987.

Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil di bawah Maksud B.1—Parlimen. B.4—Suruhanjaya Pilihanraya. B.6—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. B.16—Jabatan Perkhidmatan Bomba. B.22—Muzium Negara dan B.54—Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan ini adalah seperti Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 tahun 1988 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 1988.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1987

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah pula saya mencadangkan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) 1987.

Peruntukan Tambahan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) 1987 adalah berjumlah \$542,377,650. Dari jumlah tersebut sebanyak \$131,218,950 adalah Perbelanjaan Cara Langsung dan sebanyak \$411,158,700 adalah Perbelanjaan Pinjaman. Tambahan-tambahan besar bagi membiayai rancangan-rancangan utama mengikut Kementerian dan Jabatan adalah seperti berikut:

- (1) Sebanyak \$307.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.28—Perbendaharaan bagi perbelanjaan berikut:
 - (a) sebanyak \$232 juta adalah sebagai tambahan pinjaman kepada Perbadanan Tenaga Sabah (Sabah Energy Corporation) untuk menampung bayaran hutang bagi tahun 1987 di atas pembiayaan Projek "Sabah Gas Utilisation", dengan izin.
 - (b) sebanyak \$52 juta adalah sebagai pinjaman kepada Sabah Forest Industries, dengan izin, untuk menampung bayaran hutang bagi tahun 1987 di atas pembiayaan projek syarikat tersebut;
 - (c) sebanyak \$11 juta adalah untuk menjelaskan bayaran tambahan pampasan tanah ke atas pengambilan balik tanah "Hawthornden Rubber Estate Berhad" oleh Kerajaan Persekutuan mengikut keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang telah diputuskan;
 - (d) sebanyak \$8.7 juta adalah dikehendaki oleh "Sports Toto (M) Bhd" sebagai bayaran terhadap 8,702,900 saham terbitan hak (rights issue), dengan izin, kepada

Menteri Kewangan (Diperbadankan) berikutan dengan penyenaian saham syarikat ini di Bursa Saham Kuala Lumpur. Menteri Kewangan (Diperbadankan) memegang 30% daripada modal dibayar sebagai Ekuiti Kerajaan di dalam syarikat ini. Syarikat ini telah mengeluarkan terbitan hak atas kiraan tiap-tiap satu saham yang dipegang berhak mendapat 29 saham dengan harga \$1 sesaham. Menteri Kewangan (Diperbadankan) berhak menerima 8,702,900 saham terbitan hak bersamaan \$8,702,900 atas pegangan asal sebanyak 300,100 saham. Dengan mengeluarkan terbitan hak ini, modal dibayar Syarikat di tingkatkan dari \$1,000,200 kepada \$30,006,000; dan

- (e) sebanyak \$3.9 juta untuk bayaran tambahan pampasan bagi pengambilan balik tanah oleh Kerajaan untuk Projek Tapak Kompleks Jabatan-jabatan Kerajaan mengikut Perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.
- (2) Sebanyak \$130.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.57—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Jumlah ini termasuklah sebanyak \$116.5 juta untuk menyelaras peruntukan bagi projek-projek pembangunan utama, kemudahan pengurusan, bekalan elektrik, jalan-jalan dan bekalan air di bawah Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara yang telah dipindahkan dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ke

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 1hb Julai, 1987 dan sebanyak \$8.1 juta adalah untuk meng"offset", dengan izin, pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan kepada Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara bagi membiayai projek-projek yang terletak di kawasan Keselamatan RASCOM di Sarawak berikutan dengan keputusan Kerajaan supaya pembiayaan projek-projek tersebut ditukar dari pinjaman kepada cara langsung.

- (3) Sebanyak \$24.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.49—Kementerian Pengangkutan. Dari jumlah ini sebanyak \$21.9 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu untuk membiayai pembelian 26 buah Lokomotif Ibu Jalan dan 8 buah Kos Kelas 1 Berhawa Dingin dan sebanyak \$2.6 juta untuk membiayai Projek Sambungan Rel ke Lapanganterbang Subang serta untuk membiayai kerja-kerja memperbaiki dan memperindah bangunan ibu-pejabat dan Stesen Keretapi Kuala Lumpur.
- (4) Sebanyak \$21 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.55—Kementerian Kerjaraya untuk membiayai kos pembelian 270 unit rumah siap di Layang-layangan dan di Batu Arang dari Majlis Perbandaran Wilayah Persekutuan yang terletak di Labuan untuk dijadikan rumah kediaman Persekutuan.
- (5) Sebanyak \$17.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.19 — Kementerian Pertanian.

Dari jumlah ini sebanyak \$13.4 juta adalah dikehendaki untuk menyelaras peruntukan Butiran iaitu Projek Lembaga Padi dan Beras Negara yang telah dipindahkan dari Kementerian Perusahaan Awam ke Kementerian Pertanian mulai 1hb Julai, 1987. Dan sebanyak \$4.3 juta adalah dikehendaki untuk menyelaras peruntukan butiran (Projek) Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan yang telah dipindahkan di bawah Kementerian Pertanian dari Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah dimansuhkan mulai 20hb Mei, 1987.

- (6) Sebanyak \$15.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.50—Jabatan Penerbangan Awam. Dari jumlah ini sebanyak \$13.2 juta untuk membiayai Projek Pembangunan Lapanganterbang, Langkawi. \$1.5 juta untuk membiayai Projek Padang Terbang Luar Bandar, \$650,000 untuk membiayai pembelian kereta-kereta bomba dan kelengkapan dan sebanyak \$330,000 untuk membiayai Projek Memodenkan Kawalan Trafik Udara.
- (7) Sebanyak \$9.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.7—Jabatan Perdana Menteri. Dari jumlah ini sebanyak \$8.5 juta untuk menyelaras peruntukan beberapa butiran (projek) iaitu Projek Pembangunan Kawasan Bukit Kiara, Bukit Jalil, Hawthornden, program NADI, Kompleks Perniagaan dan Pasar. Projek-projek agama, perparitan dan saluran najis Labuan dan pembangunan bandar baru Bukit Tinggi yang telah dipindahkan di bawah

Jabatan Perdana Menteri dari Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah dimansuhkan mulai 20hb Mei, 1987 dan sebanyak \$1.4 juta untuk membiayai projek-projek baru di bawah Program Peniaga-peniaga Kecil. Yang lain-lain adalah merupakan tambahan-tambahan kecil bagi membiayai berbagai-bagai projek dan rancangan di bawah lain-lain Kementerian dan Jabatan. Di samping itu beberapa peruntukan tanda \$10 perlu diadakan untuk mewujudkan butiran (projek) iaitu Butiran Projek baru atau untuk meminda jumlah Anggaran harga projek bagi beberapa butiran (projek) mengikut Anggaran harga di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1987 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4/1988 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1987 dan bagi

memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.02 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) 1988 dan juga Usul yang tadi telah dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri Kewangan dalam ucapannya telah membentangkan satu Rang Undang-undang yang bertujuan untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam Persekutuan dalam tahun 1987 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1987 dan Akta Perbekalan Tambahan (1986) dan (1987).

Ketika negara ini sedang mengalami kemelesetan ekonomi yang serius dan berlarutan, Kerajaan mestilah memikul satu tanggungjawab yang berat untuk meyakinkan Parlimen dan rakyat bahawa ia tidak dapat mengelak daripada meminta kelulusan bagi Anggaran Tambahan sama ada untuk Belanja Pengurusan ataupun untuk Belanja Pembangunan. Ini adalah perlu kerana meskipun seringkali dilaung-laungkan untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah akan tetapi nyata pembaziran, ketidakcekapan dan penyelewengan berleluasa dalam Perkhidmatan Awam. Ketidakcekapan dan tiada kebolehan ialah satu

kemewahan yang Malaysia tidak mampu mempunyai ketika negara mengalami krisis ekonomi.

Saya tidak bercadang untuk menerangkan secara jelas tentang ketidakcekapan dan tiada kebolehan kerana ini memerlukan banyak masa, tetapi apa yang saya berhajat berbuat di sini ialah mengingatkan Kerajaan bahawa sebagai Wakil-wakil Rakyat yang sentiasa berhubung rapat dengan para pengundi, kami masih menerima banyak aduan yang berkaitan dengan rasuah, ketidakcekapan dan pecah amanah.

Saya rasa masanya telah tiba bagi Kerajaan untuk menyemak dan memastikan sejauh mana ia telah mencapai atau menunaikan janjinya yang telah dibuat kepada rakyat dalam Pilihanraya Umum 1982 bagi mewujudkan sebuah Kerajaan yang "bersih, cekap dan amanah". Ini adalah amat penting memandangkan permintaan daripada Kerajaan untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi Belanja Pengurusan dan Pembangunan dan Kerajaan patut mempunyai accountability yang penuh dalam hal ini.

Dengan pandangan ini, saya suka mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah suruhanjaya untuk Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah bagi mengawasi, mendedahkan dan mengelakkan penyelewengan Kerajaan daripada tiga objektif yang penting ini supaya rakyat Malaysia boleh benar-benar menikmati hasil-hasil, daripada sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah dalam kehidupan harian mereka.

Suruhanjaya ini patutlah diketuai oleh seorang yang terkenal yang tidak memihak, terutamanya oleh seorang ahli kehakiman yang dihormati dan dibekalkan dengan kuasa-kuasa yang lebih luas untuk menerima aduan-aduan dan mengeluarkan keputusan-keputusan kepada orang ramai

mengenai mana-mana kes yang mana taraf kecekapan, kebersihan dan keamanahan sesuatu jabatan tidak dicapai. Keputusan ini patutlah dihormati dan diterima oleh Kerajaan dengan satu jaminan untuk memperbetulkan mana-mana pentadbiran dan Kerajaan yang menyeleweng atau menyimpang daripada matlamat untuk mewujudkan Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Penubuhan sebuah suruhanjaya seumpama ini ialah untuk mengawasi, mendedahkan dan menyekat penyimpangan daripada ketiga-tiga objektif Kerajaan adalah perlu memandangkan kebimbangan yang meluas yang dirasai oleh rakyat Malaysia mengenai kegagalan Kerajaan memenuhi janjinya yang dibuat dalam tahun 1982 dalam melaksanakan dasar dan pentadbiran harian.

Tuan Yang di-Pertua, ketika negara sedang menghadapi kelembapan dan kemelesetan ekonomi, Kerajaan hendaklah bersedia mendengar dan menerima apa jua cadangan yang boleh membantu dalam pencergasan semula ekonomi negara kita. Satu perkara yang patut diberikan perhatian ialah mengenai permintaan menghapuskan berjenis-jenis cukai yang menghalang pemulihan semula ekonomi. Saya ambil sebagai contoh pasaran harta yang sedang merosot sejak tahun 1975. Sebahagian faktor yang menyumbang kepada sektor ini bertambah lemah ialah beberapa sekatan ke atas urusan harta ekoran daripada pelaksanaan Akta (Cukai) Keuntungan Hartanah dan Akta (Cukai) Pemindahan Syer. Akta (Cukai) Keuntungan Hartanah yang dikuatkuasakan semasa pasaran harta berada dalam keadaan terbaik dan tidak bertujuan untuk menyekat urusan harta secara spekulatif. Oleh kerana kemelesetan ekonomi yang berpanjangan sekarang di samping peralihan dari pasaran penjual kepada pasaran pembeli maka

Akta ini patutlah ditimbang untuk dibatalkan ataupun ditangguhkan. Kesan positif tindakan ini akan membantu menyegerakan pemulihan sektor harta.

Bagi Akta (Cukai) Pemindahan Syer pula yang diperkenalkan dalam Belanjawan 1985, ia patut juga dihapuskan atau ditangguh kerana cukai ini diterima tidak banyak tetapi sebaliknya mendatangkan kesan yang buruk ke atas sektor pembangunan harta. Program perumahan khas untuk membina 80 ribu unit setiap tahun mulai tahun 1986 hingga 1988 tidak mencapai kemajuan yang memuaskan. Pembinaan 80 ribu unit ialah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 2% dengan satu tambahan pelaburan \$2 billion daripada Tabung Bank ke dalam sektor yang berkenaan.

Pertumbuhan ini tidak akan berlaku kecuali program perumahan khas ini dilaksanakan dengan cekap dan segera. Cara untuk melicinkan ialah dengan menghapuskan semua sekatan atau tekanan yang disebabkan oleh keputusan-keputusan politik dan Dasar Ekonomi Baru. Walaupun program perumahan khas diharap dapat dilaksanakan dengan segera di mana red-tape, dengan izin, dan kelewatan dikurangkan tetapi ini tidak dilakukan. Matlamat dan tambahan pertumbuhan tidak akan dicapai melainkan Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri tegas melaksanakan semua keputusan yang dipersetujui berkaitan dengan pelaksanaan program perumahan khas. Bagi sebuah negara yang mempunyai tanah yang luas dan sumber lautan yang banyak adalah merupakan satu tragedi bahawa kita masih membelanjakan jutaan ringgit pertukaran asing ke atas makanan import yang berjumlah lebih kurang \$3.1 billion.

Langkah-langkah mestilah diambil untuk mempergiatkan pengeluaran makanan dan dalam hubungan ini

DAP menyeru Kerajaan Persekutuan dengan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri melancarkan satu dasar penanaman tanah terbuka lima tahun di mana rakyat Malaysia boleh dibenarkan menduduki tanah Kerajaan untuk bercucuk tanam atau menternak. Ini juga satu cara berkesan untuk mengatasi masalah pengangguran yang mana sehingga kini kadarnya berjumlah lebih kurang 10%. Ini akan menukarkan tanah-tanah terbiar menjadi kegunaan produktif dan berfaedah baik kepada warganegara yang kuat bekerja dan untuk kepentingan negara. Pengeluaran makanan juga boleh dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Kewangan, saya ingin membangkitkan satu perkara kepentingan awam berkaitan dengan permintaan untuk mengeluarkan wang simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura ataupun Central Provident Fund (CPF) kepada rakyat Malaysia yang pernah bekerja di Singapura dan telah diberhentikan dan tidak ada rancangan untuk pulang bekerja semula ke Republik Singapura.

DAP menyeru Kerajaan Malaysia supaya mengambil atau membangkitkan isu ini dengan pihak berkuasa Singapura supaya rakyat Malaysia yang diberhentikan bekerja di Singapura boleh menggunakan simpanan CPF mereka bagi perbelanjaan mereka semasa negara sedang menghadapi masalah pengangguran yang serius. CPF ialah satu skim keselamatan sosial yang serupa dengan KWSP Malaysia dan 35% daripada gaji pekerja dikreditkan ke dalam akaunnya di CPF. Rakyat Malaysia dari Semenanjung yang telah bekerja di Singapura tidak boleh mengeluarkan caruman CPF mereka meskipun mereka balik ke Malaysia untuk menetap selama-lamanya.

Akibatnya billion ringgit simpanan kepunyaan rakyat Malaysia tersimpan ataupun tersangkut di Singapura. Adalah tidak adil bagi menafikan rakyat Malaysia dari Semenanjung menggunakan simpanan mereka apabila orang-orang asing dan rakyat Malaysia dari Malaysia Timur dibenarkan mengeluarkan caruman mereka. *Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura* atau CPF rakyat Malaysia yang merupakan pekerja asing yang terbesar di Singapura boleh berjumlah berbillion ringgit kerana sehingga Februari 1987 jumlah caruman dihutang oleh CPF kepada ahli-ahlinya termasuk rakyat Malaysia ialah sebanyak S\$29.7 billion.

Pekerja-pekerja yang dihentikan ini akan mendapati simpanan CPF mereka berguna jika mereka dibenarkan mengeluarkan dan mengambil wang mereka balik, akan tetapi di bawah Seksyen 12 Central Provident Fund Act Singapura seseorang rakyat Malaysia dari Malaysia Barat yang meninggalkan Singapura hanya boleh mengeluarkan wang mereka jika mereka memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (i) Bahawa beliau ialah seorang warganegara Malaysia yang memegang Kad Pengenalan Malaysia;
- (ii) Bahawa beliau telah meninggalkan Singapura secara tetap untuk mendiami di Malaysia Barat;
- (iii) Bahawa beliau berumur melebihi 50 tahun;
- (iv) Bahawa beliau tidak bekerja di Singapura dalam tempoh 2 tahun sebelum permohonannya;
- (v) Bahawa beliau tidak memegang satu permit kerja Singapura.

Memandangkan peraturan yang amat ketat ini terdapat puluhan ribu pekerja-pekerja dari Semenanjung

Malaysia yang terlibat dan simpanan mereka tersangkut di Singapura dan tidak ada harapan dikeluarkan walaupun mereka sangat memerlukan wang itu. Kerajaan Malaysia hendaklah peka kepada kehendak rakyatnya dan patutlah berunding dengan pihak berkuasa Singapura untuk membawa balik bilion ringgit simpanan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia. Wang ini juga akan menjadi pendorong pemulihan ekonomi negara kita.

Keengganan Kementerian Kewangan Malaysia untuk mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa Singapura seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini pada 16hb Oktober, 1987 atas alasan bahawa terdapat tidak cukup maklumat mengenai simpanan dalam Kumpulanwang Simpanan Pusat Singapura kepunyaan rakyat Malaysia dari Semenanjung adalah tidak berasas dan tidak boleh diterima. Jika ini hanya persoalan untuk menyusun data mengenai kedudukan caruman pekerja Malaysia ke dalam CPF, kita tidak dapat melihat sebab mengapa ia tidak boleh dilakukan. Kerajaan Malaysia hendaklah berunding dengan pihak berkuasa Singapura bagi membantu menyusun maklumat dan kalau ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana CPF di Singapura tidak mahu bekerjasama maka satu pendaftaran semua pekerja dari Semenanjung Malaysia yang mencarum ke dalam CPF atau yang berhenti mencarum ke dalam CPF dapat dijalankan oleh Kementerian Buruh yang berkenaan.

Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mendakwa bahawa CPF dan Kerajaan Malaysia tidak mempunyai maklumat bilangan pekerja Malaysia yang mencarum ke dalam CPF, tetapi saya difahamkan bahawa bilangan pekerja

Malaysia yang mencarum ke dalam CPF sehingga akhir Oktober tahun lalu dianggarkan berjumlah 153,400 orang dan seramai 50,200 orang daripada jumlah itu telah kembali ke Malaysia dan tidak berhajat untuk balik semula ke Singapura untuk bekerja. Maka kumpulan inilah yang sangat berminat untuk mendapatkan balik pengeluaran awal simpanan mereka dalam CPF.

Isu berkaitan pengeluaran simpanan CPF kepada rakyat Malaysia dari Semenanjung yang telah balik ke Malaysia untuk menetap selamanya hendaklah dikendalikan secara aktif oleh kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Singapura.

Jika perlu kedua-dua Akta iaitu Akta CPF Singapura dan Akta KWSP Malaysia dipinda bagi memudahkan pengeluaran awal simpanan CPF kepada rakyat Malaysia dari Semenanjung, maka kedua-dua Kerajaan patutlah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Parlimen, sebab di sini ada satu peruntukan kepada Parlimen, Maksud B.1, saya suka menegaskan di sini tentang betapa perlunya Parlimen memastikan bahawa ia berupaya memainkan peranan berperlembagaan ataupun constitutional role untuk memelihara dan menjunjung prinsip keagungan Parlimen di negara kita.

Parlimen mestilah memastikan bahawa hak dan keistimewaan Ahli-ahli Parlimen adalah diperlindungi pada setiap masa. Jika hak dan keistimewaan tersebut dicabuli maka Parlimen mempunyai satu tugas untuk menjalankan siasatannya sendiri ke dalam kes-kes yang melibatkan pelanggaran hak-hak dan kebebasan Parlimen berkaitan misalnya dengan penahanan Ahli-ahli Parlimen

Pembangkang yang jelas menyalahgunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Parlimen tidak boleh membenarkan Akta Keselamatan Dalam Negeri disalahgunakan sehingga hak dan kebebasan Parlimen menjadi tidak penting dan tidak bermakna. Adalah nyata bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri telah disalahgunakan untuk menahan dan mendiamkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bercakap di atas apa? 67 (5) berkenaan dengan perbelanjaan yang telah pun dijalankan, bukanlah di atas prinsip yang lain daripada itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya faham akan tetapi saya cuma hendak bahaskan mengenai pengurusan Dewan menurut prinsip parliamentary democracy di bawah tajuk B.1 Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi apa yang dikehendaki di bawah 67 (5) itu ialah bersangkut-paut dengan duit-duit yang telah pun dibelanjakan bukan yang patut dibelanjakan kepada benda-benda yang lain.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tujuan saya untuk membangkitkan perkara ini ialah sebab saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang untuk membahas tajuk ini, akan tetapi saya hendak menggunakan kesempatan ini untuk menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, kepada satu surat yang telah dialamatkan kepada Tuan Yang di-Pertua daripada Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah menjawab surat itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa Parlimen akan mengambil perhatian yang berat tentang pelanggaran hak-hak asasi Ahli-ahli Parlimen dan memandangkan bahawa satu surat

telah pun disampaikan kepada Tuan Yang di-Pertua, dan memandangkan bahawa Tuan Yang di-Pertua pun telah memberikan satu jawapan, maka saya tidak bercadang untuk membahas dengan lebih lanjut atas perkara ini.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, di bawah perkara Kementerian Pertanian, saya ingin merujuk kepada Jabatan Parit dan Taliair (JPT) Wilayah Persekutuan. Di dalam hubungan ini saya ingin membincangkan rancangan perparitan Wilayah Persekutuan dan Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur. Apa yang mendukacitakan saya ialah peruntukan belanjawan bagi membaiki sistem perparitan dalam Wilayah Persekutuan telah dikurangkan daripada \$17.47 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima kepada \$6.5 juta sahaja.

Pengurangan ini akan bermakna kurangnya kerja yang dapat dijalankan oleh JPT untuk mengatasi banjir di Wilayah Persekutuan ini. Adalah dicadangkan supaya peruntukan belanjawan di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini tidak patut dikurangkan kerana masalah banjir dalam Kuala Lumpur sentiasa berlaku dari semasa ke semasa apabila hujan turun. Kita boleh memperhatikan hal ini sejak beberapa tahun yang lalu yang mana Kuala Lumpur amat mudah dilanda oleh banjir kilat yang berpunca dari sistem perparitan di Kuala Lumpur yang tidak teratur dan sempurna.

Banyak kawasan dalam Wilayah Persekutuan masih terdedah kepada ancaman banjir kilat terutama di kawasan rendah dan tindakan mengurangkan peruntukan akan tentu menjejaskan kerja-kerja penyenggaraan oleh JPT. Oleh itu saya mencadangkan supaya pihak Perbendaharaan ataupun pihak Kementerian berkenaan hendaklah diberikan maklumat yang betul

mengenai masalah peruntukan itu yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk JPT mengatasi masalah banjir oleh kerana kekurangan peruntukan ini merupakan satu halangan yang besar terhadap usaha-usaha untuk mengatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur.

Misalnya suatu kawasan yang saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menghighlightkan perkara ini yang sering dan teruk mengalami banjir kilat ialah di kawasan rendah di sepanjang Sungai Kerayung yang meliputi kawasan Kampung Sungai Kerayung, Batu 3½ Jalan Cheras, Jalan Chan Sow Lin, Jalan Sungai Besi serta Lebuhraya Persekutuan berdekatan dengan TUDM serta juga kawasan-kawasan rendah yang lain. Setiap kali hujan turun, kawasan-kawasan rendah ini akan menghadapi masalah banjir kilat dan orang ramai terutamanya setinggian-setinggian akan menderita dan terpaksa berpindah dari situ, manakala jalan-jalan akan ditutup dan tidak boleh dilalui dan dengan itu lalulintas akan tergendala.

Di samping itu kawasan-kawasan lain seperti Taman Setapak, Taman Kok Lian, Kampung Pasir, Kem Wardiburn, Kampung Kasipillay di Jalan Ipoh, Jalan Segambut Pusat, Kampung Abdullah Hukum dan lain-lain terdedah kepada ancaman banjir. Jika peruntukan ini menjadi semakin kecil, maka kita tidak akan hanya melihat kejadian banjir yang berlaku di kawasan itu berulang kali tetapi apa yang boleh kita buat selain daripada memindahkan mereka yang terlibat ke tempat yang selamat.

Oleh itu, saya suka menggesa Kerajaan memberikan perhatian yang serius ke atas perkara ini dengan menambahkan lagi peruntukan supaya kejadian banjir kilat tidak mudah berlaku dan kehidupan penduduk Kuala Lumpur berjalan dengan lancar tanpa apa-apa gangguan lagi.

Walaupun selebat mana hujan dalam Kuala Lumpur, kalau kita mempunyai sistem perparitan yang teratur dan luas, kita tidak harus bimbang ancaman banjir kilat ini tidak dapat diatasi. Memandangkan masalah yang saya sebutkan, maka saya mencadangkan di sini bahawa Kerajaan haruslah, pihak Perbendaharaan dan pihak Kementerian berkenaan haruslah menambahkan peruntukan untuk mengadakan satu peruntukan khas yang berjumlah misalnya \$30-\$50 juta dan diadakan bagi mengatasi masalah banjir kilat dengan cara yang teratur menerusi pembaikan sistem perparitan dalam Wilayah Persekutuan ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

5.27 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Perbelanjaan Tambahan yang dibentangkan di sidang ini dan tidak berhajat untuk bercakap panjang.

Saya melihat semenjak mula-mula menjadi wakil rakyat dalam tahun 1978 selalu yang dipohonkan ialah perbelanjaan tambahan, bukannya mengurangkan perbelanjaan dan tidak pernah pun dikemukakan satu usul ataupun Rang Undang-undang memohon Dewan ini untuk mengurangkan perbelanjaan mana-mana Kementerian dan apa yang didapati ialah permohonan untuk menambah perbelanjaan bagi Kementerian-kementerian dan juga bagi jabatan-jabatan. Jadi, ini memang sudah ketara dan sudah semestinya kita bertanya apakah tidak ada Kementerian ataupun jabatan yang peruntukan yang diberikan adalah melebihi daripada apa yang perlu bagi Kementerian ataupun jabatan-jabatan tersebut. Jadi, ini sebenarnya

menggambarkan sifat semulajadi manusia iaitu kita ingin memohon pertambahan sahaja daripada memohon pengurangan kepada apa yang diberikan kepada kita.

Jadi, saya rasa kejujuran dalam membentangkan sesuatu peruntukan kepada Kementerian-kementerian oleh pihak agensi-agensi Kerajaan ataupun jabatan-jabatan Kerajaan adalah perlu bagi pihak pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas supaya ini dapat menolong, membantu pihak Kerajaan mengurangkan perbelanjaan, lebih-lebih lagi dalam masa kita berada dalam kemelesetan ekonomi dalam tiga-empat tahun yang lepas dan mungkin di masa kini dan mungkin juga berterusan sehingga di masa yang akan datang, lebih-lebih lagi dalam usaha kita untuk menjimatkan perbelanjaan dalam keadaan yang semakin hari semakin sempit walaupun pihak Kerajaan telah selama ini mengatakan bahawa pemulihan ekonomi ketara dan kita mempunyai harapan supaya.

Tuan Sim Kwang Yang: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kuching bangun, minta apa?

Tuan Sim Kwang Yang: Hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari seorang Ahli Yang Berhormat yang dahulu memegang jawatan Timbalan Menteri dan saya minta penjelasan kerana dia mempunyai pengalaman, bukankah satu hakikat bahawa sekiranya peruntukan besar dipohon dan didapati, maksudnya ialah jabatan atau Kementerian itu mempunyai kuasa dan semakin lebih peruntukan semakin lebih kuasanya? Oleh kerana

itu birokrasi memang selalu memohon lebih daripada yang diperlukan dan khususnya memandang bahawa pencapaian Kementerian-kementerian dan pejabat-pejabat berkenaan kadangkala diukur mengikut daripada peruntukan yang diberi kepada mereka berapa jumlahnya telah digunakan. Ini kadangkala digunakan oleh birokrasi untuk menentukannya. Ini bukan masalah di Malaysia sahaja, bahkan di seluruh dunia ini. Saya minta penjelasan macam mana fikiran dia?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya utarakan hanyalah satu komen mengenai apa yang saya lihat berlaku dan alami berlaku dalam sistem kita yang saya rasa didorong oleh perasaan sifat semula jadi manusia seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Kuching tadi, memang ini berlaku bukan sahaja di negara kita tetapi juga di negara-negara lain. Oleh kerana itu saya memberi peringatan dan cadangan, kalau dapat dalam keadaan kita menghadapi kemelesetan ekonomi, misal kata, di tahun-tahun yang lepas dan mungkin di masa kini dan akan datang, supaya lebih ikhlas dan jujur, supaya pengurangan perbelanjaan itu akan dapat kita lakukan supaya kita tidak menghadapi pembaziran dan supaya hutang negara tidak bertambah.

Saya rasa Yang Berhormat dari Kuching akan berpeluang juga untuk bercakap kalau beliau ingin hendak bercakap. Saya tidak mahu memberi penjelasan berasaskan kepada apa yang dikemukakan secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai priority. Saya rasa kita perlu menitikberatkan soal priority dalam perbelanjaan kita, dalam menguruskan perbelanjaan, dalam mengagihkan wang negara untuk membangunkan negara untuk menentukan supaya projek yang utama (priority projects)

harus kita laksanakan dan yang tidak berpriority itu kita kebelakangan. Saya berkata demikian kerana kadangkala mungkin keutamaan itu silap diberi. Yang dipohon oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar misalnya, mungkin Kuala Lumpur tidak menjadi satu kawasan priority walaupun di kaca mata Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ini mungkin perlu, tetapi bagi saya, kita sudah melihat pembangunan yang dicapai di Kuala Lumpur. Misal kata, bangunan-bangunan tinggi, jalan raya-jalan raya yang baik, indah yang memakan belanja yang begitu besar, sistem kemudahan asas seperti air, api dan sebagainya yang serba mencukupi. Saya rasa, walaupun di kaca mata Ahli Dewan Rakyat dari Kuala Lumpur Bandar ini.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, sila.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang pertama, saya bukan Ahli untuk Kuala Lumpur Bandar tetapi untuk Bukit Bintang. Ini untuk memperbetulkan. Yang kedua, tadi Yang Berhormat ada bercakap mengenai Kuala Lumpur. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat juga mengambil perhatian dalam hal ehwal di Kuala Lumpur. Akan tetapi setelah saya mendengar hujah-hujah yang telah disampaikan itu tadi, Yang Berhormat berucap seolah-olah bahawa Kuala Lumpur ini sebuah ibu negara yang indah, yang cantik dengan bangunan pencakar langit dan sebagainya. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam Kuala Lumpur juga ada masalah tentang kemiskinan bandar yang begitu

teruk yang terdapat dalam kawasan-kawasan setinggan dan juga kawasan-kawasan yang terlibat dengan masalah banjir dan sebagainya?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar. Dari segi priority mungkin, saya katakan tadi di kacamata Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, minta maaf—saya makin hari makin tua, jadi pandangan juga tua, tidak jelas, Bukit Bintang rupanya—di kacamata Ahli Yang Berhormat, priority itu memang kepada Kuala Lumpur ataupun kepada sebarang kawasan yang kurang diberi perhatian oleh pihak Kerajaan. Tetapi di kacamata Wakil Rakyat daripada kawasan luar bandar prioritynya saya rasa di kawasan-kawasan luar bandar. Walaupun kita tidak lupa dan juga memberi perhatian kepada kawasan-kawasan bandar terutama sekali yang belum membangun, tetapi apa yang diperolehi itu melebihi daripada apa yang ada di kawasan-kawasan luar bandar. Saya rasa mungkin perbelanjaan yang dicurahkan kepada projek-projek besar dapat dikurangkan dan kemudian yang berlebihan daripada itu dapat digunakan untuk membangunkan kawasan-kawasan, yang selama ini dilupakan oleh pihak Kerajaan, yang dari segi memberi undi untuk kemenangan Kerajaan Barisan Nasional itu lebih saya rasa. Jadi tumpuan perlu diberi kepada kawasan-kawasan begitu.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dari segi pemulihan ekonomi dan sebagainya. Sebagaimana kita sedia maklum, kawasan-kawasan ataupun peluang-peluang perniagaan dan sebagainya telah begitu banyak di kawasan-kawasan tertentu, tetapi di kawasan-kawasan luar bandar ini berkurangan. Saya mengalu-alukan apa yang dirancarkan dan dilakukan oleh pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menambahkan aktiviti-aktiviti

perniagaan kecil-kecilan di kawasan-kawasan luar bandar supaya orang-orang kampung didedahkan dengan aktiviti-aktiviti ini supaya mereka juga dapat menikmati akan kemajuan negara dalam bidang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sentuh ialah perbelanjaan negara terutama sekali tambahan yang ada hubungkait dengan perhatian yang harus diberi kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Kadang-kadang ada juga perasaan oleh kerana kita ini terbawa-bawa dengan perasaan benci ataupun mungkin ada yang menganggap bahawa orang itu menyokong saya, golongan itu menyokong saya, jadi berilah peluang ini, golongan itu tidak menyokong saya, walaupun dahulu sudah diberi berasaskan kepada hasrat Kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara, tetapi dipotong, disekat, bukan hanya disekat tetapi diambil balik apa yang sudah diberi kepada orang yang dahulunya diberi sesuatu peluang selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Ini saya rasa kurang sihat. Jadi, saya rasa perasaan suka ini atau sokong ini harus kita lupakan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang kita hendak laksanakan.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolehkah Yang Berhormat dari Simunjan menjelaskan siapakah pemimpin negara kita yang berbuat demikian? Kerana saya dalam hati tahu siapakah yang dimaksudkannya, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Kalau ya, cakap terus terang, jangan bikin bengkok-bengkok, susahlah. Terus terang, jangan takut.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa orang yang dimaksudkan adalah orang yang bijaksana. Jadi, dengan bengkang-bengkok itu saya rasa orang memahami juga maksud kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya menarik perhatian Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 67 (5) bahawa hendaklah diucapkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan tambahan yang dimaksudkan di dalam Rang Undang-undang itu sahaja. Janganlah bercakap secara am, tambahan pula bercakap yang terbangkit dengan perkara Sarawak bukanlah di dalam Rang Undang-undang yang di hadapan kita ini. Sila teruskan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, perkara Sarawak mungkin merebaknya kerana Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyoal satu soalan kepada saya. Jadi, kalau dia tidak menyoal mungkin tidak merebak menjadi besar kerana bukan niat saya untuk membangkitkan sesuatu dari Sarawak. Saya hanya samar-samar sahaja. Jadi, orang fikir saya membangkitkan hal Sarawak itu terpulang kepada orang. Dia fikir macam itu, fikirlah, apa boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya membangkitkan persoalan; ini berdasarkan pengalaman juga. Tuan Yang di-Pertua, dan permohonan jugalah.

Dulu pernah Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa Wakil-wakil Rakyat daripada Kerajaan Barisan Nasional diberi kepercayaan untuk meluluskan projek-projek luar bandar kerana kita percaya kepada mereka. Tetapi ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat tidak diberi peluang untuk melulus bukan kerana

projek-projek tidak diberi kepada kawasan mereka tetapi projek-projek itu diberi di kawasan mereka melalui pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Sekarang ini bagi saya sendiri kurangnya peluang untuk meluluskan projek-projek seperti itu.

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun. Ada hendak beri jalan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya.

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat dari Simunjan buat masa sekarang beliau tidak dapat meluluskan projek-projek tersebut oleh kerana Yang Berhormat itu adalah Ahli Bebas sekarang.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui itu. Saya tidak marah sesiapa. Saya mengakui dan menerima keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di masa lepas. Tetapi oleh kerana kepercayaan lebih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional dan kalau tidak ada Yang Berhormat dari Barisan Nasional di kawasan itu kepercayaan diberi kepada pegawai. Jadi, saya mohonlah projek-projek yang ada bagi kawasan saya itu hantarlah banyak-banyak kepada Pegawai Daerah supaya beliau dapat melaksanakannya walaupun nama saya sudah masuk sana.

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Rajang bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya.

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah ini bermakna bahawa Yang Berhormat dari Simunjan hendak memasuki Barisan Nasional?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam ucapan saya tadi tidak memberi gambaran bahawa saya hendak masuk Barisan Nasional. Saya pun sudah sokong masa Perlembagaan Persekutuan dipinda. Nama Bujang Ulis, saya fikir, sokong! Jadi saya fikir Alhamdulillahlah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta bercakap kepada benda yang ada di hadapan kita.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, bukan salah saya, salah Ahli Yang Berhormat itu bangun mempersoalkan sesuatu yang spesifik semacam itu. Saya rasa tidak apalah, saya tidak mahulah hendak bercakap panjang, Tuan Yang di-Pertua, kerana mungkin gaya saya bercakap ini menimbulkan kehairahan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menimbulkan sesuatu lagi.

Itulah tiga empat perkara yang saya hendak timbulkan sudah saya timbulkan dan saya berharap perbelanjaan tambahan ini di masa yang akan datang dapat dikurangkan dan kejujuran di pihak yang terlibat dalam mengutarakan sesuatu akan menjadi satu pegangan kepada kita supaya khazanah kewangan negara kita jaga supaya kita tidak menghadapi masalah dalam perbelanjaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang.

4.46 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian untuk menyokong suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk

maksud-maksud yang tertentu sebagaimana tujuannya yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi.

Saya mempunyai beberapa asas yang kukuh untuk menyokong Akta ini dan di sini saya akan bentangkan tujuh asas. Saya bermula dengan asas yang pertama iaitu saya menyokong kerana daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ternyata bahawa Rang Undang-undang Jadual Seksyen 2 daripada B.1 hingga B.59 mengandungi beberapa Kementerian dan juga agensi-agensi Kerajaan—bahasa baku!—yang peruntukannya di luar jangkauan.

Ada setengah agensi Kerajaan itu dipecahkan kepada Kementerian yang lain, begitu juga agensinya. Jadi, apabila berlakunya perubahan-perubahan, pindaan-pindaan ini maka sudah barang tentulah berlaku tambahan-tambahan peruntukan di luar jangkauan. Contohnya Lembaga Padi dan Beras Negara dulunya di bawah Kementerian Perusahaan Awam kini tukar kepada Kementerian Pertanian. Begitu juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah dipecahkan kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Begitu juga FELCRA dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah dimasukkan ke dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ada lagi Kementerian lain iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan telah dimansuhkan dan dimasukkan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Maka dengan adanya bukti-bukti yang kukuh seperti ini sudah barang tentulah berlaku tokokan-tokokan, tambahan-tambahan yang di luar daripada perkiraan dan perhitungan kita hatta seorang profesional daripada pegawai Kementerian itu sendiri, tidak boleh salah pegawai ini, kerana dia bertukar, kita puji pegawai.

Perkara yang kedua asas perbelanjaan perkhidmatan-perkhidmatan awam Persekutuan dalam tahun 1987 itu melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1987 dan Akta Perbekalan Tambahan 1986 dan 1987 iaitu daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi saya perhatikan daripada B.1 hingga B.59 iaitu dia mengutamakan kepada golongan-golongan "marhaen"—ini Soekarno punya cakap. Golongan marhaen, golongan miskin, golongan dhaif, golongan berpendapatan rendah. Misal kata kepada Kepala B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri diperuntukkan sebanyak \$38.7 juta untuk pembangunan infrastruktur sosial dan juga agama.

Apabila peruntukan dimasukkan begitu besar \$38.7 juta dia memperlihatkan kepada kita bahawa sikap Kerajaan begitu mementingkan masalah pembangunan di luar bandar di mana terdiri daripada orang-orang Melayu, orang luar bandar, orang darat, orang ulu, orang kampung perlu diberikan pembelaan dan ini sudah sewajarnya. Timbalan Menteri Kewangan yang baru masuk menekankan soal-soal yang sebegini kerana ia memperlihatkan satu sikap bahawa negara telah merdeka lebih 30 tahun maka adalah wajar dan kena pada masa dan tempatnya masalah kemiskinan mesti tidak dapat lari dan berkait rapat dengan masalah pembangunan di sesebuah kampung.

Jadi, yang dia sudah belanja pada tahun 1987 itu sebanyak \$38.7 juta itu saya rasa tidak banyak, kecil. Sebab apa? Sebab banyak lagi soal-soal seperti api, jalan, balairaya, masjid, surau dan macam-macam cerita di luar bandar ini yang belum dilaksanakan lagi yang saya kira berganda-ganda daripada apa yang telah dibelanjakan.

Begitu juga kalau kita lihat kepada Maksud B.6 masalah Polis Di Raja Malaysia. Tadi Timbalan Menteri Kewangan menyatakan sebahagian besar—saya lupa berapa dia sebut, tetapi diperuntukkan untuk memberi gaji, naik pangkat kepada polis, bukan polis yang nombor satu, yang besar itu; polis yang berpangkat rendah, jenis yang dhaif yang gajinya kelas tiga—polis jangan marah kepada saya tetapi adalah untuk saya memperlihatkan bahawa Kerajaan amat mementingkan tentang service ataupun perkhidmatan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan kepada yang menjaga keselamatan, keamanan. DAP tak tahu cerita ini.

Hujah saya yang ketiga, saya menyokong kerana saya melihat perbelanjaan yang sejumlah \$315,959,510 ini adalah di atas soal pelajaran. Kalau kita perhatikan di bawah Maksud B.30 mengenai dengan peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sejumlah lebih kurang \$23 juta dimasukkan kepada Tabung Pusingan Pelajaran Persekutuan yang telah dilancarkan pada 1-1-1987, apalah salah kiranya kalau wang itu diberikan kepada soal-soal pelajaran anak-anak kita. Itu pun saya rasa ramai lagi orang miskin yang dapat bantuan pelajaran. Belum lagi kita cerita dekat luar negeri, dekat dalam negeri ini bersepah-sepah lagi anak-anak kita yang tak dapat pelajaran, dapat buku teks, tak dapat biasiswa; dapat biasiswa, tak ada pakaian sekolah; ada pakaian sekolah, tak ada buku; ada buku, tak ada basikal; ada basikal, tak ada duit makan, macam-macam cerita. Jadi, soal memberikan sedikit peruntukan kepada Tabung Pusingan Pelajaran Persekutuan ini saya kira perkara biasa.

Bukan itu sahaja, malah dalam kertas biru ini juga telah dinyatakan bahawa telah diadakan satu

peruntukan sebanyak berapa juta—tak dinyatakan, mungkin saya lupa iaitu untuk biasiswa JPA di bawah Maksud B.8, Jabatan Perkhidmatan Awam sejumlah besar sebanyak \$31.5 juta. Jadi, kalau biasiswa diberikan kepada sejumlah itu, saya rasa sudah sampai ketikanya ia dianggap wajar kerana boleh dikatakan daripada apa yang kita selidik. Apa yang kita tahu—kita dahulu guru sekolah, tahu jugalah mengenai menjaga biasiswa iaitu boleh dikatakan 70% orang-orang Melayu terutamanya adalah terdiri daripada kalangan mereka yang miskin dan perlukan bantuan. Itu kalau kita bercakap yang dalam negeri, yang di luar negeri saya kira banyak lagi. \$4,000, \$5,000 setahun mereka perlukan bantuan itu.

Asas saya yang seterusnya yang saya menyokong Akta ini iaitu adanya ataupun wujudnya penemuan-penemuan baru yang memberangsangkan. Contohnya Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulan Terkanun iaitu \$10 juta untuk Taman Laut dan Reserve Laut. Cerita Taman Laut dan Reserve Laut ini bukan perkara lama, perkara baru ini Taman Laut Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau Tioman, Pulau Langkawi, entah apa-apa pulau lagi, banyak contohnya. Jadi, hendak reserve supaya sumber-sumber ikan, supaya batu-batu karang, supaya kawasan-kawasan yang indah seperti di Pulau Perhentian dan Pulau Redang itu salah satu yang terbaik, satu daripada sepuluh yang terbaik dalam dunia, yang paling indah perlu direservekan. Jadi, kalau adalah penemuan-penemuan baru yang seperti ini saya kira \$10 juta itu perkara kecil. Saya minta kalau boleh ditambah lagi supaya taman laut, ikan laut, apa-apa yang ada dalam laut itu kekal abadi sepanjang zaman, bukan untuk DAP sahaja warisi hari ini, tetapi untuk seluruh orang generasi akan datang dapat lihat, dapat reserve, dapat

tengok, dapat pelajari, dapat kaji, dapat analisa dan macam-macam lagi dapat.

Saya juga tertarik kepada Maksud B.59, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Ini lagi satu Kementerian baru iaitu peruntukan kepada pelancongan telah dimasukkan sebanyak \$23.4 juta. Ini cerita baru. Dahulu Kabinet, Kerajaan kita tak pernah pun adakan Kementerian Pelancongan. Jadi, saya kira Menteri Pelancongan yang kita kasihi, Dato' Sabaruddin Chik ini mempunyai idea-idea dia iaitu beliau mempunyai cara-cara yang tersendiri, dia mempunyai pegawai-pegawai yang ada idea-idea untuk memajukan negara. Jadi, mungkin adalah idea-idea baru sebab itulah diperuntukkan sebanyak \$23.4 juta. Saya kira \$23.4 juta ini kalau dibandingkan dalam konteks peruntukan-peruntukan pelancongan negara-negara ASEAN kita terkebelakang. Jadi, DAP tak usah marahlah, tak usah kata ini membazir, ini tidak penting, DAP tak tahu sebab itu DAP kata macam itu. Kalau DAP tahu, dia tak kata.

Begitu juga kalau kita lihat ada satu lagi penemuan baru yang memberangsang iaitu Maksud B.57 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, diperuntukkan sebanyak \$6.6 juta saya dengar Timbalan Menteri sebut tadi iaitu bagi pertandingan, keindahan dan kebersihan kampung. Ini bukan cerita baru, ini cerita lama tetapi cara dan tekniknya baru. Sebab itu ia memberangsangkan. Dahulu kalau bertanding kebersihan di peringkat kampung sahaja. Kalau Kampung Lubok Jong itu, Lubok Jong sahaja; kalau Kampung Bongek, Bongek sahaja tetapi hari ini bukan setakat Lubok Jong ataupun Bongek ataupun Pasir Mas, dia cerita hari ini daripada daerah ke Negeri, Negeri ke Persekutuan. Jadi, ada sistemnya yang

daripada rendah, naik sedikit, sedang; naik sedikit, maju; atas sekali. Saya kira peruntukan \$6.6 juta itu tak cukup kerana sedikit. Malah ini sesuatu yang memberangsangkan kerana secara langsung Kerajaan telah menggalakkan rakyat menjaga kebersihan, menarik pelancong, menjaga kesihatan, mengutamakan kebaikan diri. Macam-macamlah kalau hendak bersyarah, tetapi jelas bahawa \$6.6 juta itu satu perkara yang sangat baik dan perlu dilakukan. DAP pun tak tahu cerita ini.

Faktor yang keenam iaitu peruntukan ini sangat baik kerana saya dengar cerita Timbalan Menteri kata ini peruntukan kepada Tabung Pembangunan Ekonomi Belia di bawah Maksud B.30, peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun. Salah satunya diberikan kepada belia \$3 juta. Yang Berhormat Dato' Najib ini beberapa kali bercakap, bentang dalam Dewan ini, cerita dalam Dewan ini banyak, hendak juta-juta, yang lulus \$3 juta. Fasal apa? Fasal tak ada wang, fasal dengar cerita DAPlah fasal kata ekonomi meleset, berilah \$3 juta. Bising lagi DAP. Ini cerita DAP. Bukan saya hendak marah, saya hendak cerita. Jadi, peruntukan \$3 juta yang telah diberikan kepada Tabung Ekonomi Belia yang diperuntukkan pada tahun 1987 ini saya kira satu peruntukan yang kecil.

Lihat hari ini berapa ramai belia yang menganggur, berapa ramai belia yang tak bekerja, berapa ramai belia yang menjadi penagih, rompak, samun, jenayah, rogol, seks, macam-macam cerita akibat daripada tidak ada kerja. Jadi, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merasakan sesuatu yang mesti dipikul tanggungjawab bagi kesejahteraan kaum belia hendak buat macam mana, pitih tak ada, kata orang Terengganu. Tak ada duit. Mintalah daripada Menteri Kewangan. Menteri Kewangan pun berilah \$3 juta. DAP bising lagi. Itulah saya tak bersetuju. Itu yang keempat.

Kemudian saya mempunyai hujah-hujah yang lain untuk menyokong Akta ini. Saya lihat daripada B.1 hingga B.29 ini ada juga cerita-cerita lain yang saya tak huraikan tadi iaitu bagaimana peruntukan kepada Parlimen, bagaimana peruntukan diberikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya, bagaimana peruntukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, bagaimana peruntukan kepada Bomba, Muzium Negara, Kementerian Kebajikan Masyarakat. Kalau DAP tengok betul-betul peruntukan ini tak sampai \$1 juta. Contohnya Parlimen \$527,100. Suruhanjaya Pilihanraya lebih satu, kecualilah itu—\$2.8 juta, lain-lain, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan \$94,600. Kemudian kalau kita lihat Bomba adalah sedikit \$302,000; Muzium Negara \$49,000; Kementerian Kebajikan Masyarakat \$1,100. Apa ertinya ini. Ertinya Menteri Kewangan, tambahan Timbalan Menteri kita yang baru ini efisien, saya puji sangat dia, saya minat dia, iaitu ertinya Kementerian Kewangan ini bukan dia boros, bukan dia tidak hati-hati, dia cukup hati-hati, yang penting untuk rakyat, untuk negara, untuk nusa, untuk bangsa, yang saya cerita tadi okay, pelajaran okay, tetapi macam Parlimen, Pilihanraya, Perkhidmatan Pendidikan, Bomba, Muzium Negara dan sebagainya tak ubah.

Saya ingat Speaker hendak tukar baju baru pun tak diubah. Tak apalah. Ertinya Timbalan Menteri Kewangan kita itu begitu hati-hati, tidak boros. Jadi, kalaulah begitu hati-hati dan tidak boros, ia menjelaskan kepada kita bahawa Kerajaan adalah merupakan sebuah Kerajaan yang begitu bersih, yang begitu cekap dan begitu amanah, sekaligus ia menolak kenyataan Yang Berhormat Wakil dari Bukit Bintang yang bangun berdiri tadi, dia berhujah merah-merah biji mata, iaitu dia katakan Kerajaan ini berbuat sesuatu kerana

Kerajaan ini tidak mempunyai satu kekuatan. Kerajaan buat ini dia kata kerana Kerajaan tidak dapat meyakinkan rakyat. Kerajaan buat ini kerana Kerajaan tak dapat tunaikan janji tahun 1982 dan lain-lain lagi, tak cekaplah, tak amanah sehinggakan dia kata kalau macam ini lebih baiklah kita tubuh satu suruhanjaya, suruhanjaya itu pula Suruhanjaya Kehakiman.

Semalam, dua tiga hari baru Perdana Menteri kata, orang kata masalah tiga perkara ini mesti diasingkan, dia tak faham-faham lagi. Orang kata kehakiman asing, orang kata eksekutif asing, orang kata perundangan asing supaya tiga bidang, bahagian ini tidak mempunyai tindan-lapis dari segi kerja dan juga amanahnya. Kita tak mahulah kehakiman campurtangan dari segi perundangan, campurtangan dengan eksekutif. Hari ini dia bangun lagi hendak tubuh suruhanjaya, boleh tahan juga hendak tubuh suruhanjaya. Dahulu suruhanjaya DAP tak laku, PAS pun tak laku, lepas itu hari ini dia hendak tubuh Suruhanjaya Kehakiman. Ini menjelaskan kepada kita bahawa DAP ini tak faham-faham masalah negara, sebab itu dia tak menang dalam pilihanraya, saya kata dia marah, PAS pun 2×5—5×2, jangan marahlah.

Jadi, memperlihatkan kepada kita bahawa Kerajaan ini adalah merupakan sebuah Kerajaan yang hati-hati, yang buat kerja ini bukanlah ikut perasaan, bukanlah ikut sentimen dan citarasa yang melulu ataupun bercakap sekadar hendak menyenangkan hati rakyat ataupun berbahas macam Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu bercakap kerana dengan semangat, dengan sentimen ataupun bercakap keluar daripada bidang tajuk. Tetapi kalau Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen bercakap atas bidang tajuk B.1 hingga B.59, saya tak nampak sebarang

sebab kita tidak boleh menerima Akta Perbekalan Tambahan 1987 kerana point yang dibuat ini adalah point-point yang rasional. Ini bukan soal pentas ria, bukan soal muzik, bukan soal hiburan, bukan soal pembaziran, bukan satu-satu ketentuan yang tidak tentu. Ini sesuatu ketetapan yang telah ada asas dan dasarnya. Ini satu yang logik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ada lagi satu perkara yang saya hendak syorkan bahawa saya nampak kalau kita hendak salahkan pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bertungkus-lumus bekerja ini pun tak betul. DAP tadi kata pegawai-pegawai di bawah Kementerian-kementerian yang ada ini sama ada Jabatan Perdana Menteri, Kebajikan Masyarakat atau apa-apa dia kata tak betul, tak pandai agih budget, tak erti hendak budgetkan supaya dia menjadi cukup. Saya kira ini juga satu tekaan ataupun satu andaian yang kurang tepat kerana kalau kita lihatlah, kalau DAP melawat luar-luar negeri ataupun baca dokumen-dokumen ataupun Akta-akta Parlimen seluruh dunia Komanwel, dia akan dapati bahawa peruntukan-peruntukan yang lain di negara-negara ASEAN ataupun negara-negara Komanwel yang lain jauh mengatasi berkali ganda daripada kita.

Saya buat ini bukan dalam bentuk jumlah, dalam bentuk nisbah, daripada tambahan dengan yang asal. Kita punya tambahan \$315 juta ini diandaikan ataupun diasaskan kepada yang lama; oh, jauh sekali, hak negara-negara lain adalah lebih tinggi. Jadi, ini satu perkara yang saya rasa hendak tegur, bukanlah kata hendak itu sangat, tetapi adalah untuk mengingatkan kepada dia bahawa ini adalah merupakan peruntukan-peruntukan yang perlu kita ambilkira dan berikan perhatian.

Dalam segi yang sama juga saya mintalah pegawai-pegawai, orang-orang kanan dibawah mana-mana agensi dan juga Kementerian supaya lebih lagi menekankan soal kepada pembangunan rakyat miskin, kepada golongan marhaen, kepada golongan yang masih lagi ketinggalan. Tak apa, bubuh lebih lagi pun tak apa, kita sokong. Fasal ini jangan takut, ini masalah pembangunan negara, masalah rakyat, masalah desa, masalah petani, masalah nelayan, masalah buruh. Ketiga-tiga golongan buruh, petani, nelayan adalah merupakan masalah yang mesti kita berikan keutamaan di samping pihak Kementerian Dalam Negeri, saya kira tidak ada satu kesalahan, tidak ada perkara-perkara yang kita hendak hujahkan, malah kita mestilah bangun sederap serentak kita menyokong, DAP memang kerja dia macam itulah, PAS hari ini senyap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sila.

5.05 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya pada mulanya tidak bercadang untuk bercakap, tetapi kerana saya nampak tidak ada orang yang akan mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua: Ada banyak lagi!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:maka saya cubalah mengambil bahagian sebagai mewakili pihak parti saya yang saya hanya dengan keadaan seorang diri sahaja dalam Dewan ini. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tak bercakap mungkin lah Rang Undang-undang ini dilulus dengan cepat dan itulah kehendak pihak Kerajaan. Dalam pandangan yang diberi oleh

Wakil dari DAP sekejap tadi awal-awal lagi beliau mengatakan matlamat pembentangan Rang Undang-undang ini adalah untuk mendapat kuasa lebih. Saya sebenarnya tidak hendak menegur dalam apa bentuk sekalipun dan juga saya bangun ini bukan untuk menentang Rang Undang-undang Perbekalan ini, begitu juga sokongan pun belum tahu juga lagi, cumanya saya suka menarik perhatian Kerajaan sebagai orang tengah sebab Anggaran Perbekalan ini adalah Anggaran Perbekalan Tambahan. Kalau anggaran pokok kita boleh lulus dengan mudah, apakah susah kita hendak lulus anggaran tambahan dan begitu juga bagi saya walaupun pihak Pembangkang tidak ada sebab saya hendak membangkang, terutama sekali berpandu kepada butir-butir yang telah disediakan oleh pihak Kementerian tadi.

Walau bagaimanapun, satu perkara yang harus saya mengingatkan Kerajaan sebab hari ini Kerajaan nyata amat memerlukan kepada kuasa dan kuasa ini kita tidak boleh sekat kerana bila dapat kuasa, hasrat dapat diisi dan Kerajaan kita tahu mempunyai hasrat yang lebih daripada sesiapa kerana dia bertanggungjawab dengan negara, dengan rakyat dan seterusnya. Jadi, kalau tak ada kuasa bagaimana Kerajaan mahu ambil kesempatan untuk mengisi kehendak dan cita-cita. Sebab itu saya tidak mahu tegur tentang keinginan Kerajaan dengan kuasa itu. Dan suratkhbar kelmarin, kalau tak salah ingatan saya ataupun hari ini Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan menulis satu tajuk yang penting seolah-olah menyeru dan mengajak rakyat supaya beri peluang kepada Kerajaan, beri sokongan kepada pemimpin dan kenyataan itu samalah dengan Setiausaha Agung UMNO (Baru) yang merayu dan meminta supaya beri peluang kepada kepimpinan khususnya Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, rayuan ini seolah-olah Kerajaan 30 tahun memerintah Malaysia tidak cukup lagi dengan kuasa. Boleh jadi kerana dia beri 30 tahun ini dia beri 4 Perdana Menteri. Jadi kalau beri 4 Perdana Menteri, dapatlah 7½ tahun seorang, tentulah sedikit jumlah. Tetapi kalau balik kepada hasil pencapaian kemerdekaan kita sudah 30 tahun lebih, maka 30 tahun UMNO dengan PERIKATAN, UMNO dengan BARISAN bukanlah ringkas, bukanlah sedikit, bukanlah pendek masa, bahkan lebih daripada cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap tajuk mana itu di bawah ini? (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itu sebagai perbandingan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Insyallah, saya akan masuk kepada dasar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, jadi bagi saya tidak berbangkit masalah beri peluang, masalah beri kuasa, masalah masa cukup atau tak cukup, tetapi yang saya suka mengingatkan Kerajaan hari ini atas 3 tajuk:

- (1) Konsep Bersih, Cekap dan Amanah;
- (2) Kepimpinan Melalui Teladan; dan
- (3) Tradisi Membela Rakyat.

Ini adalah sesemuanya slogan kata yang ditunjuk oleh Kerajaan sendiri dan saya suka mengingatkan kembali di atas tiga tajuk ini supaya Kerajaan benar-benar jangan lupa dan Kerajaan benar-benar jangan guna untuk simbol pilihanraya untuk memancing undi dan sebagainya, tetapi biar benar-benar Kerajaan dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang inipun masuk dasar, bukan benda yang kita sedang bincangkan sekarang.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak masuk juga?

Tuan Yang di-Pertua: Tak masuk itu. (*Ketawa*) Yang Berhormat kata hendak masuk, sila masuk, ya!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Hendak masuk selalu?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ringkas sangatlah masa kalau masuk selalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan tiga tajuk ini, sebab Wakil dari Marang pun ada sentuh masalah ini "Bersih Cekap dan Amanah". Mengapa beri peluang kepada dia, tetapi tidak beri peluang kepada saya?

Tuan Yang di-Pertua: Dia bercakap Maksud B.1, B.59.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak mahu sentuh B, B apa.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah, kena sentuh, jika tidak sentuh lagi itu, bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 67 (5).

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya! Yang Berhormat dari?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Batu Berendam.

Tuan Yang di-Pertua: Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan! Saya rasa Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini dia tidak sentuh, itu fasal susah hendak masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia tidak beri jalan, dia tidak bercakap. Dia tidak benarkan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan. Ya!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua, supaya saya cuba sentuh sedikit gambaran secara umum sebagai dasar. Misalnya, "Bersih" harus Kerajaan sedar "Bersih" ini dua, "Bersih zahir, bersih batin". Jadi apakah matlamat "Bersih" Kerajaan di sini?

Yang keduanya, "Cekap", cekap macamana? Kita dapat saksi hari ini matawang Malaysia begitu sekali menurun, kalau kita cekap tentulah matawang Malaysia. . . . sebab suratkhbar. . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tuan Mohd Tamrin bin Abdul Ghafar: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order. Ya!

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: 36 (1), Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:

"36 (1) Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja. . . ."

Yang Berhormat Tuan Speaker telah beberapa kali membuat teguran supaya Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa membincangkan perkara yang khusus, yang kita bincangkan hari ini, nampaknya beliau masih lagi menyeleweng, jadi saya minta satu keputusan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap janganlah bercakap benda-benda yang bukan khusus di depan kita.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap tadi, Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah bercakap lebih panjang sebelum masuk dalam tajuk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya! Saya beri amaran kepada dia.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya ini belum tahu lagi masuk atau tidak masuk (*Ketawa*), jadi saya hendak bercakap dahulu, kalau awal-awal tidak boleh bercakap lebih baik saya berhenti.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri masa sudah panjang, dan janganlah berucap begitu, kerana bercanggah dengan 36 (1).

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jadi ringkaslah Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sebagai pokok. Ada dua perkara saya suka mengingatkan kepada Kerajaan. Apabila Kerajaan dapat kuasa dan Kerajaan bercadang dengan kuasa untuk mengisi hasrat, maka saya memberi peringatan dua perkara, pertama biarlah Kerajaan dengan sepenuh tanggungjawab, jangan menyalahgunakan kuasa dalam membelanjakan setiap sen. . . .

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya! Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya! Point of order.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal kerana masih tidak masuk pada isi-isi yang diucapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya pun kesal jugalah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya haraplah Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa janganlah mempunyai ingatan bahawa saya tidak membenarkan Yang Berhormat bercakap. Saya membenarkan jikalau sekiranya Yang Berhormat bercakap di atas tajuk di hadapan kita. Yang Berhormat bercakap itu jikalau sekiranya dalam "King Speech" atau Titah Ucapan Di-Raja, atau budget, boleh. Ini ialah tambahan (supplementary). Tambahannya itu ialah tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 67 (5) yang mengatakan kita kenalah bercakap di atas asas-asas peruntukan yang telah pun diminta.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Biarlah saya cuba masuk satu sahaja supaya saya cepat berhenti. Dalam buku Anggaran ini ada disentuh masalah Parlimen dan peruntukan Parlimen ini bukan dalam Anggaran Perbekalan Tambahan sahaja khususnya dalam Budget, kita buat satu peruntukan khusus, tetapi saya nampak Anggaran Parlimen yang diutamakan oleh Kerajaan ialah untuk memperbaiki kelengkapan-kelengkapan dan sebagainya, seolah-olah kita sebagai anggota Dewan Rakyat ataupun sebagai Kerajaan tidak mencukupi dengan gambaran yang tersergam ada di hadapan kita. Tetapi Kerajaan tidak pernah melihat

dari sudut dalam iaitulah pokok "Bersih, Cekap dan Amanah" tadi, dan saya sampai hari ini baru setahun saya berada dalam Parlimen, tetapi amat dukacita kerana saya tidak fikir, tidak tergambar dalam kepala saya, Dewan Parlimen, Dewan suci, Dewan berdoa, yang membaca nama "Allah" sebelum bersidang. Saya yakinlah fikiran-fikiran, tingkah-laku.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: 36 (1), isi-isi percakapan masih tidak masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, biarkanlah saya hendak dengar dahulu, apa yang dia hendak kata.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam perhatian saya, walaupun peruntukan diberi beberapa kali, ratus-ratus dan berjuta-juta, tetapi pada pandangan saya ialah untuk melengkap serba anika yang boleh menjadi pandangan luar. Bagi saya, saya terima kasihlah usaha Kerajaan sampai terpaksa mengadakan peruntukan khusus, tetapi bila kita kembali kepada slogan kata yang ditonjolkan oleh Kerajaan "Bersih Cekap dan Amanah" saya amat dukacita kerana setahun saya duduk di sini, tidak menggambarkan kepada saya tentang kesucian yang ada dalam Parlimen ini. Misalnya Tuan Yang di-Pertua, hari-hari saya bersibuk dengan budak-budak UMNO yang mengganggu orang-orang bercakap. Kalau saya hendak tengok budak-budak semacam ini lebih senang saya cari di kaki-kaki lima.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap! Yang Berhormat dari Marang, sila duduk. Perkara itu tidak bersangkutan dengan peruntukan yang diminta itu. Adakah pergaduhan di antara Yang Berhormat dengan yang lain-lain itu boleh dibawa masuk ke dalam. Perkara ini tidak bersangkutan dengan peruntukan yang diminta, tidak ada peruntukan disediakan untuk hendak beri siapa-siapa bertengkar, bergaduh dalam Parlimen ini, tidak ada. Sila!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau tidak dapat saya sentuh secara lebih luas, biarlah saya ucapkan terima kasih dan saya tamatkan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seputeh.

5.18 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan tahun 1987.

Saya merujuk kepada Kepala P.36 dan P.40 iaitu Jabatan Penjara dan Polis Di-Raja Malaysia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membebaskan Ahli-ahli Yang Berhormat dari prasangka mereka yang mengangap kehidupan di Kem Tahanan Kemunting adalah semewah atau selesa seperti yang cuba digambarkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Sepertimana yang diketahui oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Kem Tahanan di Kemunting, Taiping adalah dibina khusus untuk menahan penganas-penganas serta.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, Ya!

Tuan Liew Ah Kim:penjenayah-penjenayah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun atas dasar apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak beri jalan, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seputeh bercakap di bawah apa? 36 apa itu?

Tuan Liew Ah Kim: P.36—Polis Di-Raja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tentang mana peruntukan yang telah pun

Tuan Liew Ah Kim: Pusat Tahanan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pusat Tahanan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Tuan Liew Ah Kim: P.40

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat dari Seputeh.

Tuan Liew Ah Kim: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini telah pun diucapkan di dalam Titah Ucapan Di-Raja dahulu, dibalik-balik, diulang-ulangkan

Tuan Liew Ah Kim: Tetapi perkara ini

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bercakap

Tuan Liew Ah Kim: . . . yang terbaru sekali, bukan perkara yang saya telah sentuh di dalam ucapan yang saya kemukakan, apabila saya membahaskan ucapan

Tuan Liew Ah Kim: Atas Usul

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, point of order apa itu?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: 36 (1):

“36 (1) Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu”.

Saya lihat Maksud B.36 — Polis Di-Raja Malaysia sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan langsung tidak menyentuh tentang ISA, yang disentuh ialah tentang gaji dan pangkat rendah Polis itu peruntukan yang diadakan.

Saya rasa apa yang telah diucapkan itu membazirkan masa dan itu telahpun dibincangkan dalam perbincangan atas dasar Titah Ucapan Di-Raja dahulu. Out of point, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia masuk di bawah 01200, Pusat Tahanan, Maksud P.36

— Polis Di-Raja Malaysia. Apa yang saya minta supaya Ahli Yang Berhormat dari Seputeh janganlah bercakap panjang sangat. Perkara ini telahpun diucapkan di dalam masa Titah Ucapan Di Raja. Dan mengikut Peraturan Mesyuarat, kita tidak boleh mengulangkan apa yang telah dibincangkan.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Speaker, saya faham kerana perkara yang saya akan bangkitkan ini adalah perkara yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Speaker, Kem Tahanan itu dibina khususnya untuk menahan pengganas-pengganas dan penjenayah-penjenayah yang dibranded hard-core criminals, tetapi ahli-ahli politik serta ahli-ahli dari kumpulan-kumpulan bersifat sosial interest yang kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri bukanlah pengganas mahupun penjenayah yang dibranded. Maka mereka ini tidak patut menerima layanan mahupun keadaan tempat tahanan yang disediakan bagi pengganas dan penjenayah.

Misalannya di kawasan lima Kem Tahanan Kamunting, bilik-bilik di situ tidak menerima peredaran udara yang sempurna dan adalah lembab serta lekas damp dan humid. Katil yang disediakan hanyalah sekeping platform simen dengan band getah yang nipis. Difahamkan bahawa apabila ahli-ahli politik kita pertama kalinya dibawa ke kawasan lima Kem Tahanan Kamunting, bilik rehat mempunyai sebuah kipas angin langit tetapi kemudahan yang sedikit ini pun dinafikan kerana kipas angin tersebut telah dikeluarkan. Mereka yang berada di bahagian Kem Tahanan ini terpaksa menanggung penderitaan suasana yang meleamkan dan amat menjejaskan kesihatan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Di luar pula iaitu di perkarangan Kem Tahanan, pacat-pacat berkeliaran menghisap darah ahli-ahli politik kita yang bersenam di situ setiap hari.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Seputeh

Tuan Liew Ah Kim: Adakah ini salah satu caranya pihak Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tunggu sekejap. Ya, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta penjelasan. Yang Berhormat yang bercakap tadi, saya rasa beliau belum pernah masuk tahanan ISA. Saya sudah dua kali masuk di Kem Tahanan Kamunting dua tahun lebih. Jadi, sepanjang pengalaman saya, tidak pernah jumpa pun dengan pacat itu.

Dr Eng Seng Chai: Apa point of order?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hendak cakap itu sudahpun cakap.

Tuan Liew Ah Kim: Apa point of order, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, soalan saya, penjelasan saya

Tuan Liew Ah Kim: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat, duduklah.

Tuan Liew Ah Kim: Dia hanya kacau sahaja.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Ini bukan kacau.

Tuan Liew Ah Kim: Ganggu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Bukan ganggu. Ahli Yang Berhormat tidak mengerti.

Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36 (1) "seseorang Ahli hendaklah menghadkan percapakannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja". Saya rasa ISA, perkara ini tidak masuk dalam mana-mana B.1 hingga B.59—satu.

Yang keduanya, soal ISA telah pun dibincangkan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua kata tadi, perkara ini telah diucapkan berulang-ulang. Mengikut Peraturan Mesyuarat apabila telah berbahas, ia tidak boleh lagi diulang-ulang. Apa kena mengena dengan ISA, pacat, katil semua sekali dalam B.1 hingga B.59 ini. Saya rasa salah, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf, bukan saya sengaja hendak ganggu tetapi saya kesal atas sikap tidak fahamnya itu, lari daripada tajuk sepertimana yang terkandung dalam Peraturan Mesyuarat 36 (1).

Tuan Liew Ah Kim: Lima minit atau dua minit yang lalu Tuan Speaker telah pun buat satu keputusan merujuk kepada muka surat 64, Projek 01200 di bawah Pusat Tahanan. Saya diberi peluang untuk berucap, tetapi Yang Berhormat itu sentiasa hendak mengganggu ucapan saya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal hendak ganggu, soal hendak kacau.

Kalau kita lihat Peraturan Mesyuarat 36 (3), halaman 42 pun salah. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya baca. "Adalah salah pada Peraturan Mesyuarat, jika dicuba menimbangkan semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat dalam Penggal Majlis yang ada sekarang, kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi membetulkan keputusan Majlis Mesyuarat berkenaan dengan perkara itu".

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Marang, sila duduk! Ahli Yang Berhormat dari Seputeh boleh teruskan, tetapi jangan panjang bercakap atas perkara ini.

Tuan Liew Ah Kim: Bukan panjang, saya sudah menegaskan perkara ini. Yang baru tidak panjang juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Ganggu mesti ambil masa yang panjang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat teruskan, jangan buang masa.

Tuan Liew Ah Kim: Memakan masa yang panjang. Buang masa sahaja. Saya seorang moderate. Kalau ganggu saya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ucap!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat hendaklah menghadkan masa Yang Berhormat, teruskan. Jangan peduli orang lain.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata di luar Kem Tahanan itu pula didapati pacat-pacat

menghisap darah ahli-ahli politik kita yang menjalankan exercise di situ setiap hari.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, di luar Kem atau di dalam kem?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Liew Ah Kim: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Di luar kem atau di dalam kem?

Tuan Liew Ah Kim: Ini dalam kem.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tadi Yang Berhormat berkata di luar kem.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ini di dalam pula.

Tuan Liew Ah Kim: Besides selain daripada apa yang saya sebutkan selain daripada itu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa dia buat exercise?

Tuan Liew Ah Kim: Di dalam Kem semasa membuat exercise setiap hari, mereka dapati ada pacat-pacat itu menghisap darah mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Ini adalah salah satu caranya pihak Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk menyingkir dengan perlahan-lahannya ahli-ahli Pembangkang.

Berbincang pula dengan lawatan-lawatan ini antara mereka yang ditahan dengan isteri serta keluarga masing-masing, izinkan saya menjelaskan keadaan yang sebenarnya. Keadaan sebenarnya adalah jauh sekali daripada apa yang cuba dibayangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pada hari Selasa.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Point of order.

Tuan Liew Ah Kim:8hb Mac, 1988.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Peraturan Mesyuarat 36 (1), saya kurang memahami. Kita bincang masalah Anggaran Perbelanjaan dan saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Seputeh membincangkan perkara 01200 Pusat Tahanan. Apa kaitan masalah perbelanjaan Pusat Tahanan dengan masalah pacat dan lawatan oleh keluarga yang ditahan, tidak ada kaitan langsung. Kalau Yang Berhormat menyebut, kalau hendak letakkan air-condition dalam Pusat Tahanan atau hendak tambah duit dan sebagainya, itu saya setuju, tetapi ini tidak ada kena-mengena langsung. Pacat di luar disebut dalam Dewan ini, masalah keluarga tidak dapat melawat dengan selalu pun ditimbulkan. Itu tidak ada kena-mengena dengan Maksud 01200, Tuan Speaker.

Tuan Liew Ah Kim: Boleh minta teruskan? Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya sudah angguk, bolehlah.

Tuan Liew Ah Kim: Itu hendak tambahan juga. Lalang-lalang mestilah dibersihkan dalam Kem itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, ini tentang lawatan antara mereka yang ditahan dengan isteri serta keluarga masing-masing, saya hendak menjelaskan keadaan yang sebenarnya. Keadaan sebenarnya adalah jauh daripada apa Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang telah dibuat pada 8hb Mac, 1988 yang lalu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengatakan bahawa isteri serta keluarga diberi lawatan yang private dan tempoh yang panjang ini adalah sama sekali tidak benar. Semasa lawatan di antara yang ditahan dengan isteri serta keluarganya seorang pegawai pemulihan juga hadir di bilik yang sama.

Di samping itu pegawai-pegawai yang lain dalam kem juga menjemput ke dalam bilik lawatan dari masa ke semasa.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, boleh beri penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak beri jalan. Tempoh masa lawatan adalah iaitu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Point of order. Duduk.

Tuan Liew Ah Kim: Point of order apa itu? Selalu ada point of order.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, 36 (1). "Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu".

Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, hujah-hujah yang dikeluarkan itu tidak berkaitan. Dan saya kira perlu diberi penjelasan. Sebab Ahli Yang Berhormat yang bercakap itu tidak ada pengalaman, dia dengar cerita di luar. Dalam tahanan satu sahaja yang azab Tuan Yang di-Pertua, isteri tidak boleh bawa masuk, yang lain semua beres. terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seputeh.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Speaker, ini nampaknya susahlah, seorang Ahli Parlimen hendak buat ucapan selalu kena ganggu tanpa apa-apa alasan yang bagus.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat hendak apa?

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan dari rakan parti saya.

Tuan Liew Ah Kim: Pendek sahaja.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keadaan yang disebut-sebut oleh rakan saya adalah benar, bukan kita hujah-hujah, sebagai saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat ada pengalaman?

Dr Eng Seng Chai: Ada pengalaman.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh.

Dr Eng Seng Chai: Ada pengalaman juga, boleh kata memanglah sama dia, tetapi dia cuba masuk Team "A", dia tidak beri benar-benar, dia masuk Team "A". Team "B" hendak masuk Team "A". Dia selindungi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Eng Seng Chai: Apa point of order?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jangan hendak mengarut. Saya ada saya punya prinsip. Soal benar, saya bercakap benar.

Dr Eng Seng Chai: Apa point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan penjelasan. Dia hendak bersyarah.

Dr Eng Seng Chai: Tidak ada.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan penjelasan. Dia hendak bersyarah, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Eng Seng Chai: Tidak, saya hendak beri penjelasan sedikit.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dia hendak bersyarah, bukan beri penjelasan, duduk!

Dr Eng Seng Chai:sebab Tuan Yang di-Pertua ada di sini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Salah. Ini menyakit-nyakitkan hati. Tuan Yang di-Pertua.

Dr Eng Seng Chai: Saya bangun di sini, Tuan Yang di-Pertua, ada

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dua-dua sekali duduk. Ada lagi penjelasan? Tidak ada.

Dr Eng Seng Chai: Saya buktikan dengan pengalaman saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Petaling Jaya, jika hendak penjelasan buat soalan, bukan berucap.

Tuan Liew Ah Kim: Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat dari Seputeh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Point of order 36 (6) terhadap Ahli dari Petaling Jaya. Saya minta beliau menarik kata-katanya, seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa Ahli yang lain. Ini dia kata saya hendak masuk Team "A". Saya Team "A" atau Team "B" tidak kira. Saya duduk dalam Dewan ini untuk berjuang kerana rakyat. Bercakap benar apa yang benar. (*Tepuk*)

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya berucapkah, dia berucap?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seputeh teruskanlah, jangan gangu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli dari Petaling Jaya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduklah. Saya tidak benarkan. Teruskan Yang Berhormat dari Seputeh.

Tuan Liew Ah Kim: Tempoh masa lawatan adalah terhad iaitu pada lazimnya setengah jam dan telah kegelapan lawatan yang dibenarkan adalah sekali dalam seminggu. Bagi keluarga yang tinggal di Kuala Lumpur atau lebih jauh lagi perjalanan ke kem Kemunting mengambil masa satu hingga dua hari semata-mata untuk perjumpaan.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Selalu point of order.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini baru kali pertama. Tuan Yang di-Pertua, 36 (1). Tadi Ahli dari Pengkalan Chepa telah mendapat ruling supaya tidak boleh bercakap perkara-perkara yang lain daripada yang dibenarkan. Dan dia berhenti dan duduk. Tetapi Yang Berhormat dari Seputeh ini masih meneruskan ucapan yang tidak berhubung dengan perkara yang dibincangkan. Lawatan tidak termasuk dalam perbelanjaan. Lawatan ahli keluarga ke penjara tetapi menyediakan tempat lawatan yang selesa, saya ingat termasuk.

Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua kalau tidak mahu kami menimbulkan perkara ini supaya dia tidak bercakap tentang tajuk tersebut. Kalau tidak sampai sepanjang hari akan jadi perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat dari Seputeh, saya rasa kita hadkan ucapan kita kepada perkara-perkara yang telah dibelanjakan. Jadi saya sependapat dengan Yang Berhormat dari Arau bahawa perkara lawatan ini bukan perbelanjaan. (*Tepuk*)

Tuan Liew Ah Kim: Itu satu kehidupan dalam kem yang ada berkaitan dengan isteri ataupun suami yang ditahan, orang tahanan yang ada dalam di bawah tajuk Polis Diraja Malaysia. Ini semua maksud saya untuk ubahsuaikan apa yang tidak adil dan tidak patut dilakukan. Itu maksud saya.

Ini satu nilai yang tinggi dibandingkan dengan wang peruntukan itu, ini satu nilai yang lebih tinggi

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kita berbincang perbelanjaan Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order, saya tidak beri.

Tuan Liew Ah Kim: Saya hendak menggulung.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa yang kita bincangkan ialah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian berkenaan. Saya rasa telah memadai. Cuba pergi kepada perkara yang lain.

Tuan Liew Ah Kim: Itu perbelanjaan. Saya pendekkan. Apa yang lebih menyakitkan hati ialah yang ditahan terpaksa berbual dengan isteri serta keluarga mereka dengan dipisahkan oleh satu rintangan secara yang terdapat dalam lawatan penjara. Di setengah-setengah kes rintangan itu.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Point of order.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Batu Berendam hendak apa?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: 36 (1). Saya rasa Yang Berhormat Tuan Speaker telah buat satu ruling bahawa Yang Berhormat dari Seputeh tidak boleh menyentuh perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan perbelanjaan yang kita bincangkan. Apa yang dibincangkan, disuarakan oleh Yang Berhormat dari Seputeh itu telah pun dibincangkan

semasa kita membahaskan Ucapan Titah Diraja. Yang disebut sekarang ini masalah lawatan dan sebagainya tidak ada kena mengena. Saya telah katakan tadi kalau kita bincang hendak letakkan fridge, hendak letakkan air-conditioned dan sebagainya, itu kita bersetuju. Ini jauh lari daripada perkara yang kita bincangkan. Saya minta satu ruling yang tegas daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Liew Ah Kim: Atas dasar ini berkaitan dengan pentadbiran juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, jangan berbahas, duduk Yang Berhormat. Kita membahaskan perkara-perkara yang telah dibelanjakan di dalam pusat tahanan. Perkara lawatan tidak termasuk. Jadi cuba Yang Berhormat pendekkan ucapan mengenai dengan pusat tahanan dan pergi kepada perkara yang lain.

Dr Chen Man Hin: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada lagi?

Dr Chen Man Hin: Point of order 36 (6). Dengan izin, "No member shall impute improper motives to any other member".

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa sangkaan jahat itu Yang Berhormat?

Dr Chen Man Hin: Sebab dia kata ini tidak ada berkenaan dengan tempat tahanan tetapi ada kena. Apa yang berlaku di dalam tempat tahanan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seremban, duduklah. Saya rasa point of order itu tidak kena kepada apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Dr Chen Man Hin: Ini ada berkaitan.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sungai Besi ada point of order juga?

Tuan Tan Kok Wai: Saya minta penjelasan, sebab apa yang disentuh oleh rakan saya dari Seputeh adalah mengenai kemudahan-kemudahan di kem yang melibatkan kehidupan orang-orang yang ditahan. Ini adalah berkaitan dengan peruntukan. Tidak salah. Teruskan Yang Berhormat dari Seputeh. (*Ketawa*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, pacat dengan isteri bukan kemudahan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar saya berbicara dengan Yang Berhormat dari Seputeh seorang sahaja, yang lain duduk.

Tuan Liew Ah Kim: Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa lagi Yang Berhormat dari Seputeh hendak bercakap.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Rasah, saya minta duduk. Yang Berhormat dari Seputeh boleh bangun. Ada lagi Yang Berhormat hendak berbicarakan?

Tuan Liew Ah Kim: Ada lagi perkara.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa lagi perkara, lawatan?

Tuan Liew Ah Kim: Berkenaan dengan orang tahanan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Orang tahanan boleh. Teruskan.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudahlah, macam mana Ahli Yang Berhormat bangun, dia hendak teruskan ucapan, kalau Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Hu Sepang: Saya ingin minta penjelasan daripada Ahli dari Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Seputeh tak beri jalan.

Tuan Liew Ah Kim: Saya beri.

Tuan Hu Sepang: Dia memang beri, dia sudah beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, boleh.

Tuan Hu Sepang: Saya ingin minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Seputeh membahas di bawah Maksud P.36—Polis Diraja Malaysia, itu yang pertama? Yang kedua, adakah beliau menyentuh di bawah kepala kecil dengan butiran 01200 iaitu mengenai Pusat Tahanan. Kalau kedua jawapannya adalah ya, adakah maksud Ahli Yang Berhormat dari Seputeh membangkitkan perkara ini dengan tujuan memohon lebih peruntukan dari Kerajaan supaya segala kemudahan di dalam kem tahanan akan dibaiki, diubahsuai supaya orang-orang tahanan boleh dapat satu peluang di bawah satu keadaan yang lebih sempurna, lebih seronok, lebih syok apabila mereka menemui isteri mereka? Itu saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia jawab.

Tuan Liew Ah Kim: Boleh dikatakan 80% betullah, minta peruntukan yang lebih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya rasa itu tak betul, Ahli Yang Berhormat. Tak betul, sebab perkara ini sudah dibelanjakan, hendak minta apa lagi?

Tuan Liew Ah Kim: Hendak minta lagi tambahan peruntukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau tak puas hati dengan perbelanjaan, baru dibangkitkan.

Tuan Liew Ah Kim: Itu hal yang lain.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa sebab bangun?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Seputeh, kalau dia boleh beri jalan kepada Ahli dari Rasah, saya pun ingin minta penjelasan. Ahli Yang Berhormat dari Seputeh baru memberi penjelasan menjawab penjelasan Ahli dari Rasah iaitu 80% daripada apa yang dipertanyakan adalah benar, itu bermakna 20% tak benar. Ini menunjukkan bahawa pihak DAP itu tak bercakap benar satu ratus peratus pun.

Tuan Liew Ah Kim: Ini 20% perkara itu ada kena mengena dengan pentadbiran yang hendak diubahsuai, pentadbiran Polis DiRaja Malaysia.

Tuan Speaker, di sini saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bahawa tahanan itu bukanlah penjenayah mahupun penganas, mengapakah mereka dilayan seperti penjenayah dan penganas? Layanan mereka itu bukan

sahaja mencabuli hak mereka sebagai warganegara yang tegak lurus tetapi juga mencerca demokrasi berparlimen negara kita Malaysia.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Liew Ah Kim: Sekianlah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia sudah habis.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas hendak berucap atau point of order.?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Silakan.

5.43 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap bagi mengambil bahagian di atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) 1988 dan juga usul mengenai dengan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1987.

Saya ingin menyebut perkara-perkara dalam Rang Undang-undang ini dan juga usul dengan merujuk kepada B.29, B.7, B.30, B.57, B.19 dan P.28 bahagian (d) dengan secara ringkas.

Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam mukaddimah saya mengenai dengan Rang Undang-undang ini dan juga Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan ini, sukalah saya menyebut beberapa perkara prinsip pokok iaitu mengenai dengan

keseluruhan ekonomi negara dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak Pembangkang, tetapi yang saya ingin menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa berpendirian di atas prinsip tidak menyebelahi mana-mana pihak. Seperti mana saya katakan selalu, kita bercakap berani kerana benar, kita menyokong apa yang baik, kita menentang atau kita memberi teguran perkara yang tidak baik. Saya tidak mempunyai niat lebih daripada itu sebagai seorang hamba Allah kerana saya percaya dan saya yakin segala pangkat dan rezeki itu datang daripada Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya berapa banyak Kerajaan hendak tambah kepada Perbekalan Tambahan ataupun Supplementary Bill ini, hendak banyak ataupun hendak kurangkan, tidak menjadi soal bagi saya. Sebab bagi kita, apapun kita belanja, sedikit ataupun banyak, adalah untuk kepentingan rakyat dan negara. Tanggungjawab Kerajaan dan tanggungjawab Ahli-ahli Dewan yang mulia ini ialah untuk menentukan supaya pimpinan negara kita, pimpinan Kerajaan kita adalah untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat. Jadi, tidak timbul soal sedikit ataupun banyak. Kalau tanya saya, berapa banyak duit yang ada, belanjalah seberapa banyak yang boleh asalkan manfaat dan faedah itu dikecapi oleh rakyat secara menyeluruh. Maka yang kita bimbangkan ialah jika kita belanja wang yang banyak, di celah-celah serpihan itu ada rakyat bersungut, projek-projek pembangunan yang kita buat, sama ada ianya khabar angin, benar ataupun tidak, tidak menjadi soal, tetapi ianya menjadi rungutan orang ramai bersabit dengan soal-soal pembangunan atau sebagainya seperti peniaga-peniaga, yang ingin juga bersama Kerajaan, untuk membangunkan negara ini, timbulnya berbagai pertanyaan dan soalan.

Jadi, dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya kira wajar sangatlah bahawa Kerajaan kita dalam menentukan tambahan ini banyak ataupun kurang ialah menentukan bahawa dalam kita menguruskan semua ini, biarlah kita benar-benar "cekap, bersih dan jujur", jangan memberi ruang sedikit pun kepada pihak Pembangkang untuk membangkit dan cuba menikam kita balik. Biarlah jangan sedikit pun rakyat di luar ataupun akhbar luar membangkitkan isu-isu yang boleh menjadi keraguan dan menjadikan kegelisahan rakyat. Kita Ahli-ahli Dewan yang mulia ini turut bertanggungjawab, pemimpin-pemimpin Kerajaan turut bertanggungjawab, pegawai-pegawai Kerajaan turut bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya ingin merujuk kepada B.29. Menyentuh B.29 adalah diperuntukkan 50% kos pengurusan Jabatan-jabatan Negeri di bawah Senarai Bersama Perlembagaan khususnya Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Haiwan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 5hb Mac, 1987.

Saya kira, Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Haiwan adalah jabatan-jabatan yang mempunyai kaitannya secara langsung dengan kehidupan dan kesejahteraan rakyat di luar bandar. Maka oleh itu, sukalah saya memberi pandangan supaya prestasi yang dicapai setakat ini haruslah dipertingkatkan. Sebagaimana contohnya Jabatan Parit dan Taliair, janganlah sesudah banjir berlaku baru kita datang hendak buat kajian. Kita harus juga jangan menunggu rakyat membuat aduan tetapi kita sendiri membuat kajian, bertindak sebelum sesuatu perkara itu berlaku.

Begitu juga dengan Jabatan Haiwan, kita tahu bahawa kehidupan orang kampung, selain daripada bercucuk tanam bergantung sangat kepada ternakan. Saya masih ingat di negeri saya, iaitu Kelantan, antara hasil yang banyak ialah daripada ternakan binatang, lembu, kerbau dan sebagainya. Sekarang ini lembu dan kerbau sudah tidak ada, kambing juga bunyi-bunyi kita import daripada luar negeri.

Jadi, saya mendengar Kementerian Pertanian sudah menggerakkan jabatannya untuk memperhebatkan pemeliharaan kambing di kalangan peneroka FELDA, sama ada betul atau tidak, tetapi saya membaca dalam akhbar dan juga langkah-langkah lain perlulah dibuat, supaya ternakan-ternakan ini dapat dilipatgandakan. Kita tidak mahu lagi mendengar cerita indah khabar dari rupa. Kita mahu melihat hasil-hasil yang praktikal sebab kita tidak boleh lagi membandingkan rakyat sekarang dengan rakyat dahulu.

Generasi kita ialah generasi yang terpelajar, sudah banyak dapat pendidikan, sudah tinggi ilmunya, kelulusannya dan banyak juga yang menganggur sudahpun pulang ke kampung-kampung dengan membuat berbagai cerita. Kita tidak mampu lagi sebagai Ahli Dewan Rakyat yang mewakili khususnya seperti di Pasir Mas kawasan saya, terpaksa mempertahankan tindakan-tindakan oleh pegawai dan Kerajaan. Adakalanya, perkara-perkara seperti ini, kerja-kerja kita janganlah harus dilambat-lambatkan, janganlah melawat-lewatkan sehingga membolehkan pihak-pihak tertentu mengeksploitasi suasana yang ada di tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan B.7, iaitu saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang membentangkan Rang Undang-undang

ini, sebanyak \$38.3 juta untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam, sosial serta keagamaan bagi kawasan bandar dan juga luar bandar. Apakah Kerajaan sudah ataupun akan melaksanakan projek-projek ini? Di manakah projek-projek ini akan dilaksanakan? Apakah kriteria-kriteria yang dipilih? Apakah kita memilih projek-projek ini berasaskan kepada Ahli-ahli Dewan yang menyokong Kerajaan, yang rapat dengan Menteri-menteri ataupun dalam Barisan Nasional juga, tetapi mungkin ada ucapan-ucapannya sekali-sekala menegur, tidak selesa, akhirnya menulis surat dua tiga kali untuk mendapatkan projek, tidak diberi layanan. Ini saya bercakap atas prinsip terbuka sebagai Ahli Dewan yang bertanggungjawab, sebab saya sentiasa bercakap ingin mempertahankan idealisme saya yang bercakap berani kerana benar, untuk tujuan bagi faedah dan kepentingan rakyat.

Ini ertinya saya mencadangkan projek-projek kecil, infrastruktur kemudahan awam ini hendaklah dibuat dengan sama rata. Kalau ada rakyat di kawasan selatan dapat, maka di utara juga harus dapat, di timur juga harus dapat. Kalau kita tidak ada wang yang banyak, biarlah kita katakan hati gajah sama kita lapah, dan janganlah pula di kawasan itu kita membuat projek infrastruktur, di kawasan lain kita kata kita tidak ada duit. Malu kita kepada rakyat, malu kita terhadap kepimpinan yang kita dokong selama ini yang kita kata bersih, cekap dan amanah. Saya luahkan perkara-perkara ini supaya pada masa akan datang kita jangan memberi ruang langsung kepada pihak Pembangkang, kepada pihak akhbar-akhbar luar negeri yang kononnya mempunyai niat jahat menimbulkan perkara-perkara seperti ini. Sebab mereka ini kadang-kadang apabila mereka mencelah satu-satu isu, kadang-kadang sukar juga untuk kita

menjawab sebab kalau tidak pun semua, ada sekali-sekala, takkan pokok boleh bergoyang kalau tidak ada anginnya.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.30 mengenai dengan peruntukan untuk Amanah Pembangunan Ekonomi Belia. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Marang sebab saya berpendapat \$3 juta ini terlalu kecil dengan jumlah penduduk belia di seluruh negara dan penganggur belia siswazah yang ada kelulusan. Mereka ini juga mungkin tidak dapat pekerjaan, maka sudah barang tentu mereka terpaksa mencebur diri dalam berbagai kegiatan perniagaan dan sebagainya. Kita yang sudah ada tempat, sama ada yang sudah bekerja dahulu di waktu ekonomi baik, maka kita sudah rasa selesa dengan kedudukan kita, tetapi mungkin kita mempunyai perasaan yang sama kalau kita duduk dalam keadaan seperti siswazah yang menganggur sekarang ini. Memang kita menyarankan kepada belia-belia supaya mempunyai sikap self-reliance, dengan izin, boleh bekerja sendiri seperti negara-negara lain yang maju, tetapi pada masa yang sama, Kerajaan juga bertanggungjawab untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Selain daripada kita menggerakkan semangat patriotik bangsa, semangat pembangunan negara supaya yang bekerja sekarang ini berpengalaman keluar untuk berniaga, merasakan juga titik peluh sebagaimana orang-orang luar merasakan. Kita harus juga ada pengalaman yang sama. Tetapi pada masa yang sama juga dari segi peruntukan Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini, saya kira wajar dipertimbangkan semula dan ditambahkan.

Mengenai B.19 bersabit dengan peruntukan \$8.7 juta untuk menyelaraskan Lembaga Padi dan

Beras Negara yang telah dipindahkan kepada Kementerian Pertanian. Mengenai dengan peruntukan Lembaga Padi dan Beras Negara ini, walaupun ianya peruntukan untuk penyelarasan bila pindah satu agensi ke agensi, Kementerian yang lain, inilah peruntukan yang terlibat dari satu masa ke semasa, tetapi suka saya menarik perhatian dari segi pengurusan supaya pembelian beras kita dengan negara Siam iaitu dahulu kita buat "G to G" dan mungkin sekarang "G to G" juga, tetapi LPN membeli terus beras dari negara Siam, di Bangkok melalui kuotation-kuotation tertentu dalam tempoh 24 jam dan menghantar telex ke Lembaga Padi dan Beras Negara.

Saya pernah di satu ketika dahulu dalam tahun 1986 membahas Belanjawan Negara, kalau tidak silap saya, menunjuk contoh beras dalam Dewan yang mulia ini, bagaimana beras yang merah yang tidak boleh dimakan, malah saya telah membandingkan kadang-kadang boleh dimakan oleh, mungkin kasar, oleh haiwan sebagai tujuan menyampaikan message. Beras yang merah sehingga di satu ketika di Pasir Mas, LPN bertindak sehingga menimbulkan kegelisahan rakyat hampir-hampir hendak jadi pergaduhan dalam pasar besar Pasir Mas. Maksudnya di sini, pengurusan kita membeli beras di negara Thailand haruslah dibuat secara berhati-hati. Jangan kita terperangkap dengan harga yang mahal, sebab kadang-kadang bila kita minta mereka memberi kuotation, kuotation itu sampai ke pejabat. Siapa yang menjaga telex kuotation ini? Bagaimana harga dikuote dan sebagainya? Apakah tidak mungkin satu dua melepaskan kuotation-kuotation yang dibawa oleh orang lain kepada pihak yang lain, kerana kita manusia, selagi ada jalan di situlah ada kemahuan. Selagi ada daging di situlah tempat kita mencari makan.

Inilah perkara-perkara yang saya harap bukanlah saya menimbulkan perkara-perkara yang boleh merasa gelisah di kalangan pihak berkenaan, cuma saya ingin mengingatkan sebab saya bimbang, takut di sama masa nanti saya boleh membawa bukti-bukti yang jelas dalam Dewan yang mulia ini. Kawasan saya tidak jauh dengan sempadan Siam iaitu di Pasir Mas. Pemimpin-pemimpin negeri Thailand sebahagiannya, kalau pun tidak ramai, merupakan mereka yang pernah kita selalu berhubung oleh kerana kita bersempadan. Maka segala soal perdagangan dan sebagainya kita selalu bercakap secara informal, beratnya dalam konteks kepentingan bangsa dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bererti maknanya pandangan saya ini ialah pandangan yang ikhlas supaya segala perkara yang membabitkan wang berjuta-juta ringgit harus dibuat dengan teliti, kaedah yang baik, kaedah yang jujur, yang amanah supaya ianya tidak timbul apa-apa pertanyaan dan keraguan mana-mana pihak. Sedap kita bercakap di luar nanti jika ada pihak-pihak tertentu membangkitkan perkara-perkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai P.28 (d) iaitu yang akhir, mengenai dengan peruntukan \$8,702,900 untuk membeli saham dalam Sports Toto Malaysia Sdn. Bhd., iaitu diperbadankan di bawah nama Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, di mana Kerajaan memiliki saham dalam Sports Toto yang sudahpun disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, siapakah lagi lain-lain pemegang saham di dalam Sports Toto ini? Berapa banyakkah syarikat, kumpulan, individu-individu, sebab saya dengar sesudah saham Sports Toto ini dibahagi-bahagikan kepada pihak-pihak tertentu disenaraikan di

Bursa Saham Kuala Lumpur, harga sahamnya melambung naik. Dan banyak mereka yang diberi saham di atas, kalau benar, yang saya difahamkan, berapa banyak mereka telah membuat keuntungan. Dalam sekelip mata, membuat keuntungan yang besar, manakala rakyat jelata di kampung kais pagi makan pagi

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat ada yang bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berharap supaya pihak DAP

Dr Eng Seng Chai: On a point of Order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap, ada point of order.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Okay!

Dr Eng Seng Chai: Dia kata ada saham Sports Toto sebagai

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order itu apa? Di bawah peruntukan berapa?

Dr Eng Seng Chai: Peraturan Mesyuarat 36, iaitu kata-kata yang tidak benar. Dia kata saham Sports Toto \$1.00. Mana ada \$1.00 saham Sports Toto?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, peruntukan nombor berapa?

Dr Eng Seng Chai: 36. . .tidak berapa fasih, tetapi memang adalah perkara yang tidak benar, tidak boleh sebut. "Misleading the House". Nanti, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya cepat sangat, sebab dia ada kata ada saham Sports Toto \$1.00. Saya ingat dari mana dia dapat itu, barangkali ini ada rasuah.

36 (6) di mana dia tidak boleh keluarkan sangkaan jahat kepada lain orang yang mana ada kena beli dengan rasuah saham-saham dengan nilai \$1.00.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila duduk, tidak ada kaitan. Teruskan Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kalau pun hendak tunjuk hero belajar dulu. Saya tidak bercadang untuk DAP mengambil peluang daripada ucapan saya hendak menanggung di air yang keruh. Sebab itu kita dalam Barisan Nasional tidak menunggu pihak pembangkang mengkritik. Kita di kalangan Ahli-ahli Dewan dari Barisan Nasional boleh mengemukakan pandangan-pandangan kita kepada Kerajaan. Kalau bab perangai DAP saya sudah jemu melayannya.

Sebab tengok tadi sebagai contoh, bangkit soal point of order, yang dia sendiri tidak tahu bab atau bahagian mana. Saya mengatakan bahawa sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, iaitu terbitan hak atas kiraan tiap-tiap satu saham yang dipegang berhak mendapat 29 saham dengan harga \$1.00 sesaham.

Jadi persoalan yang saya timbulkan ialah, Tuan Yang di-Pertua, Sports Toto telah mendapat sambutan yang baik. Tetapi dalam masa yang sekejap, benar atau tidak pihak-pihak yang mendapat bahagian dalam Sports Toto ini menjualkan saham-saham mereka

sesudah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Itu sahaja yang saya hendak tahu. Dan tujuan saya tujuan baik. Jangan sekali-kali menganggap saya membangkitkan perkara ini dengan tujuan yang tidak baik. Demi Allah, saya bercakap sesungguhnya saya membangkitkan perkara-perkara ini adalah semata-mata atas semangat tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan Rakyat.

Saya, dalam pengalaman-pengalaman saya dulu yang sentiasa membawa obor-obor idealisma, bukan sahaja memberi sokongan kuat kepada Kerajaan, kepada Barisan Nasional, berkempen di sana-sini. Waktu dalam pilihanraya 1986 baru-baru ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memilih saya menjadi calon tetapi berkempen sebelum itu dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, terutama di negeri Kelantan dan Terengganu. Pernah dibaling dengan telur busuk, pernah saya dibaling dengan kayu. Pernah kita tidak tidur beberapa malam. Kehulu-kehilir, mungkin berbeda dengan rakan-rakan saya di lain-lain negeri, tetapi itulah keadaan yang kita alami di negeri saya dan juga di Pantai Timur.

Jadi sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut perkara ini untuk mendapat penjelasan dan biarlah jelas supaya setengah-setengah isu janganlah tergantung keterangannya. Kalau penjelasan itu benar-benar, betul, hebohkan seluas-luasnya supaya rakyat boleh tahu, kita boleh pertahankan. Kita mahu kepada jawapan-jawapan yang sebaik-baik mungkin. Itulah niat dan tujuan saya, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

6.05 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perkara Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan atas tajuk B.57 iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bersama B.36 Polis Di-Raja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang sudah 2 tahun pihak Ahli-ahli Parlimen Pembangkang telah timbulkan perkara-perkara berkenaan dengan koperasi-koperasi dan DTCS dan juga Bank Pusat Koperasi. Dan juga kita diberitahu sudah ada tindakan siasatan telah bermula ekoran dari laporan Polis yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Bank Pusat Koperasi. Dan baru-baru ini juga dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini, kita ada dengar seruan pegang jawatan kita dengan lebih amanah, lebih cekap, lebih bersih. Kita patut meningkatkan produktiviti atau daya pengeluaran. Dan juga dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia adalah disebut banyak hal pada tahun lalu yang terlibat dengan orang-orang ternama, terutama adalah Dato'-Dato', Tan Sri-Tan Sri, ahli-ahli politik. Tetapi perkara Bank Pusat Koperasi setakat hari ini tidaklah dapat satu penyelesaian yang adil.

Dalam Laporan Tahunan 1986, kita diberitahu Bank Pusat Koperasi (BPK) mengalami kerugian yang besar sekali iaitu \$334 juta dalam setahun. Ini satu hakikat yang kita sudah raml setahun sebelum laporan ini dibuat.

Dalam Dewan yang mulia ini, Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menimbulkan perkara ini setahun sebelum ini terbukti. Pada masa itu kita ada diberi

maklumat sekurang-kurangnya hutang lapuk berjumlah \$500 juta ada dalam kira-kira Bank Pusat Koperasi. Pada akhirnya dalam Laporan Tahun 1986 kita diberitahu bukan \$500 juta hutang lapuk, tetapi \$741 juta hutang lapuk. Ini adalah 60% dari semua pinjaman-pinjaman (atau loan) CCB (atau BPK).

Siapakah BPK atau Bank Pusat Koperasi? Dia adalah merupakan sebuah bank pusat yang ada mempunyai keahlian secara langsung seramai 352,000 ahli, yang melibatkan 265 koperasi dan jika kita kira ahli-ahlinya secara tidak langsung, termasuk, ahli-ahli koperasi yang terlibat, sekurang-kurangnya keahlian Bank Pusat Koperasi adalah 1,500,000 orang ahli Bank Pusat Koperasi. Siapa yang alami kerugian \$334 juta ini? Inilah rakyat, inilah ahli-ahli Bank Pusat Koperasi yang akan mengalami kerugian ini.

Berapa banyak wang modal BPK? \$59 juta sahaja. Berapa kerugian? \$334 juta. Bermakna wang modal pun terhilang habis. Siapa yang untung? Siapa yang berfaedah daripada keadaan sebegini? Sekurang-kurangnya 117 orang ahli politik, Tan Sri, Dato'-Dato' termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, termasuk bekas Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dan juga adalah disebut nama-nama banyak Tan Sri dan Dato'. Merekalah yang untung, berfaedah daripada semua hutang-hutang ini dan bila Dato' Nik Hussein yang jadi Pengerusi baru Lembaga Pengarah BPK itu, dia sedar benar-benar ada hutang lapuk yang mengandungi nama-nama orang ahli politik termasuk Menteri, Timbalan Menteri dan Tan Sri, Dato', dia buat laporan polis. Ada satu kajian dengan teliti yang dibuat oleh Audit Committee sendiri dalam bank tersedar ada kakitangan, pengarah-pengarah yang terlibat juga. Tetapi sudah satu tahun lebih.

Banyak kali sudah kita tanya dalam Dewan ini dan juga tadi, pukul 3.00 saya sendiri pun bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan—setakat hari ini pukul 3.00 dia tak tahu, dia tak sedar apa keadaannya. Mengapa Menteri dan Timbalan Menteri tidak sedar atas satu perkara besar, satu perkara yang penting yang terlibat dengan 1,500,000 lebih orang ahli koperasi ini.

Tahun 1986/1987 banyak kali kita sudah bawa ke Dewan ini. Hal ini tidak boleh dinafikan, tidak boleh dinafikan kita tidak ambil perhatian atas hal ini. Saya harap atas tajuk B.57 dan B.36 Polis Di Raja dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, mereka akan ambil lebih berat perhatian hal ini. Fasal, bukan sahaja ahli-ahli yang akan rugi wang mereka, deposit-deposit mereka tetapi Kerajaan juga akan rugi wang rakyat jika hal ehwal BPK tidak dapat kawalan.

Diberi maklumat Kerajaan dan perbadanan-perbadanan berkanun Kerajaan telah simpan deposit lebih kurang \$1.4 bilion dalam BPK untuk tolong BPK dalam operasi-operasi bank ini, dan jika tidak ada hal besar, mengapa pada 7hb Januari tahun ini, mengapa Bank Negara mengambilalih operasi-operasi bank BPK. Tetapi, ada udang di sebalik batu mengambilalih ini!

Saya ingat bukan untuk hendak menyelamatkan bank ini sahaja! Barangkali hendak menyelamatkan orang-orang yang hutang bank ini! Adakah benar? Sudahlah cadangan diluluskan, buat pemindaan kepada undang-undang kecil BPK, Undang-undang 44 dipinda di mana semua hutang lapuk ini, yang mula-mula diberi orang-orang perseorangan, individu, sekarang boleh digantikan sebagai pinjaman (loan) kepada satu badan, satu pertubuhan, satu syarikat dan barangkali kepada satu "sendirian

berhad" yang akan bermodal \$2 sahaja. Adakah benar pemindaan sudah diluluskan kepada undang-undang kecil BPK 44? Mengapa cadangan ini diluluskan oleh pihak-pihak berkuasa. Mengapa kita tidak ambil lebih berat, lebih perhatian atas kepentingan pendeposit-pendeposit atas kepentingan wang rakyat yang sekarang disalurkan kepada BPK ini. Dan hari ini kita diberi tahu BPK juga sedang mengalami kesulitan dalam operasi-operasi bank.

Kita diberitahu tidak ada deposit-deposit baru kecuali yang dibuat oleh Kerajaan dan perbadanan berkanun Kerajaan, dan juga hari ini wang tunai "aliran wang" (cash flow) BPK ini hampir-hampir habis dan pinjaman baru tidak boleh dibuat. Bukan sahaja pinjaman baru tak boleh dibuat. "Disbursement" atas loan yang sudah dijanji pun tidak boleh dibuat. Mengapa satu bank tak dapat deposit dan hendak pinjam pun tak dapat pinjam, mengapa ada lagi bank ini? Bukankah lebih baik tutup bank ini. Tetapi tak tutup. Bank Negara ambilalih, luluskan alih, luluskan pemindaan undang-undang kecil 44. Menyelamatkan siapa? Siapa yang dapat selamat hari ini? Orang yang hutang, bukan orang yang labur! Saya harap pihak Polis Di Raja, saya harap pihak berkuasa di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan buat satu laporan dengan jelas baik pun dalam Dewan yang mulia ini atau di luar Dewan yang mulia ini dengan secepat mungkin, sebab kalau hakikat yang benar dikeluarkan kepada orangramai, barangkali ini akan menyebabkan satu lagi krisis keyakinan dalam sistem kewangan negara kita hari ini.

Saya sangat sedih dengan sikap dan dengan jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ini dan saya harap — bukan saya ada sangkaan jahat terhadap dia, saya harap jika dia tak fasih dengan

tugas-tugas dan tanggungjawab Ahli Yang Berhormat, saya suruh dia letak jawatan.

Saya beralih kepada perkara B.59 Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat ada 5 minit sahaja lagi ya!

Dr Eng Seng Chai: Mengapa itu, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Kita harus habiskan pada hari ini. Perbahasan am sehari sahaja. 5 minit lagi beri kepada Timbalan Menteri menjawab.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Bil ini sangat penting, ini akan terlibat perbelanjaan beratus-ratusan juta ringgit dan jika Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak diberi cukup masa untuk membahaskan semua peruntukan ini, maka apa guna Dewan ini? Saya harap. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya buat peraturan ini mengikut peraturan yang dibuat oleh Parlimen bahawa perbelanjaan tambahan untuk membahaskan dasar hanya satu hari sahaja diperuntukkan, inipun panjang saya beri kepada Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Saya merayu kepada Tuan Yang di-Pertua bukan sahaja saya yang akan berucap, saya ingat ada lain-lain orang yang akan berucap juga dan lebih baik kita beri peluang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat berucap dan 5 minit untuk saya pun tak cukup. Saya ada banyak lagi perkara-perkara, tetapi saya sambung sekarang B.59 Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh sambung semasa peringkat Jawatankuasa lagi.

Dr Eng Seng Chai: Ini atas polisi dahulu, tetapi dalam masa 5 minit, Tuan Yang di-Pertua, saya cubalah.

Tuan Yang di-Pertua, seringkali dengan lantang Menteri-menteri, Timbalan Menteri-menteri, Tan Sri, Dato dalam badan-badan Kerajaan mengambil bahagian dalam pelancaran kempen-kempen menggalakkan orang asing, orang tempatan makan angin dalam negeri ini, negeri itu, negeri Melaka, Pulau Langkawi, Pulau Tioman dalam negara kita. Tetapi sebenarnya Menteri-menteri, Timbalan Menteri-menteri, mereka tidak ambil nasihat sendiri, tidak ikut nasihat sendiri. Apakah guna kita adakan kempen-kempen menggalakkan pelancong-pelancong luar negeri datang ke negeri kita? Apakah guna kita suruh rakyat kita ambil cuti dalam negara kita apabila diberitahu dalam satu jawapan bertulis kepada saya, iaitu pada tahun 1986 20 Menteri ambil cuti tahunan ke luar negeri, 18 Timbalan Menteri ambil cuti tahunan ke luar negeri, dan pada tahun 1985, 21 Menteri ambil cuti tahunan ke luar negeri, dan 24 Timbalan Menteri ambil cuti tahunan ke luar negeri. Keadaan ini adalah sama juga dalam tahun 1984, 1983 dan 1982. Tiap-tiap tahun berpuluh-puluh Menteri dan Timbalan Menteri ambil cuti tahunan luar negeri. Perbelanjaannya berapa? Pada tahun 1986 jumlah perbelanjaan ialah lebih kurang \$1.3 juta. Tahun 1985 lebih kurang \$2.2 juta dan tahun 1984 lebih kurang \$2.2 juta. Mereka belanja wang rakyat di luar negeri, ambil cuti di luar negeri, tetapi suruh orang tempatan, suruh orang asing datang ke negeri kita makan angin dan melawat tempat-tempat yang mewah, tempat-tempat yang indah dan cantik di negara kita ini. Yang kata tak buat tetapi suruh orang lain buat.

Macam mana orang hendak buat lebih pelaburan dalam perindustrian pelancongan dan hotel jika banyak sekatan diberi atas permohonan mereka untuk mendirikan hotel, mendirikan kemudahan-kemudahan pelancongan.

Baru-baru ini dalam Dewan ini, tak lama, saya ingat minggu yang lalu, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan pun sudah beri tahu kepada kita tentang perlunya 63 lesen untuk mendirikan satu hotel mewah, ambil bahagian dalam perindustrian hotel, perindustrian Pelancongan.

Saya harap Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan akan mengambil perhatian atas kedua-dua perkara yang saya sentuh tadi. Iaitu mengapa semua Menteri-menteri dan Timbalan Menteri-menteri ambil cuti mereka di luar negeri dan belanja wang rakyat di luar negeri.

Kedua, mengapa perindustrian hotel dan pelancongan tidak diberi cukup kemudahan seperti di negara-negara berjiran dengan kita, iaitu negeri Siam dan Singapura. Saya haraplah dan oleh sebab masa tidak cukup dan masa 5 minit saya pun sudah sampai, hal-hal yang saya sentuh atas Polis Diraja dan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, iaitu hal Bank Pusat Koperasi dan hal pelancongan dan cuti-cuti tahunan Menteri-menteri dan Timbalan Menteri-menteri akan dapat satu jawapan yang tepat dan jelas.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Timbalan Menteri menjawab.

6.27 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada lebih kurang 3 minit untuk cuba menggulung ucapan-ucapan yang telah pun dibentangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, dari Simunjan dan sebagainya. Saya mengucapkan terima kasih bagi pihak

Kementerian Kewangan atas ulasan-ulasan dan juga keritikan-keritikan yang telah pun dibuat semasa membaharui Rang Undang-undang Tambahan ini. Walau bagaimanapun, dalam penelitian saya tidak banyak isu-isu dasar yang penting, yang relevant yang dibangkitkan. Kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap berkenaan soal-soal yang agak terlalu umum dan tidak begitu menyentuh soal-soal yang telah dibentangkan dalam Dewan pada masa saya mengemukakan Rang Undang-undang dan Usul tadi.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang menuduh bahawa Kerajaan tidak cekap untuk mengendalikan wang negara adalah satu perkara yang tidak benar oleh kerana Kerajaan cekaplah bahawa terdapat pemulihan ekonomi hari ini lebih mantap daripada yang kita harapkan, malahan pencapaian ekonomi kita dari segi pertumbuhan telah pun melebihi daripada yang kita jangka pada tahun 1987 akhir bulan Disember dan kemungkinan pada tahun 1988 akan mencapai satu tahap yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, saranan yang Berhormat untuk menubuhkan satu suruhanjaya adalah satu saranan yang berulang-ulang kali dibangkitkan dan saya bagi pihak Kerajaan berpendapat bahawa suruhanjaya yang dicadangkan itu tidak perlu ditubuhkan lagi oleh kerana kita sudahpun ada jentera yang cukup untuk menjalankan pentadbiran kewangan negara.

Berkenaan dengan cukai yang telah pun dibangkitkan iaitu cukai harta dan cukai syer, undang-undang telah pun ditetapkan dalam Akta-akta yang berkenaan, maka pada ketika ini Kerajaan tidak bertujuan untuk mengubah undang-undang tersebut. Walau bagaimanapun, berkenaan

sementera tanah terbiar yang telah dibincang oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, pandangannya bolehlah ditimbangkan. Walau bagaimanapun kita terpaksa melihat dari segi kemampuan kewangan negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta duduk. Besok boleh sambung.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):
Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

